



Hujung Minggu

فليتا برunei

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.37 | SUBUH 4.47 | SYURUK 6.05 | DUHA 6.28 | ZUHUR 12.05 | ASAR 3.25 | MAGHRIB 6.03 | ISYAK 7.14 | Daerah Belait ditambah 3 minit

Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 129

26 OKTOBER 2024 / 1446 هـ 22

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

MANISNYA IMAN
"MAKA apabila mereka merupakan peringatan yang telah diberikan kepada mereka, Kami pun membuka kepada mereka pintu-pintu segala sesuatu (nikmat kesenangan dan kemewahan) sehingga apabila mereka bergembira dengan segala apa yang diberikan kepada mereka, Kami timpakan mereka (bala bencana) secara mengejut maka ketika itu mereka pun berputus asa (daripada mendapat pertolongan dan rahmat Allah)".
- Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-An'am, ayat 44.

DPMM BERKENAN MENERIMA MENGADAP



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan berkenan menerima mengadap Menteri-menteri ASEAN dan Ketua-ketua Delegasi yang menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN Mengenai Pengurusan Bencana Ke-12 (AMMMD) yang sedang berlangsung di negara ini bermula 24 hingga 25 Oktober 2024. - Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid.

Oleh: Khartini Hamir

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 Oktober. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan, pagi tadi berkenan menerima mengadap Menteri-menteri ASEAN dan Ketua-ketua Delegasi yang menghadiri Mesyuarat

Minister-ASEAN Mengenai Pengurusan Bencana Ke-12 (AMMMD) yang sedang berlangsung di negara ini bermula 24 hingga 25 Oktober 2024.

>> Muka 3

Konsep bekerja adalah ibadah perlu diamalkan

Oleh : Pg. Vivy Malessa
Pg. Ibrahim



BELAIT, Khamis, 24 Oktober. - Ibadah bukanlah terhad kepada amalan ibadah ritual atau ibadah khusus semata-mata seperti menunaikan sembahyang, puasa, haji dan zakat, malah konsep ibadah merangkumi pengertian yang luas termasuk kerja-kerja kemasyarakatan dan sosial, bekerja mencari rezeki, sehingga kepada mengurus dan mentadbir negara.

Islam mengajar umat-Nya agar sentiasa berusaha mengamalkan budaya kerja yang cemerlang dengan bertunjang iman dan akhlak untuk menghindari daripada terjerumus dalam masalah kesihatan mental di tempat kerja.

>> Muka 9

Integrasi prinsip MIB dalam pembangunan Negara

Oleh : Wan Mohamad Sahran
Wan Ahmad

(SDGs).

Antara rasionalnya, seperti yang dapat ditanggapi ialah kerana MIB menjadi modul yang wajib di UBD, di mana mahasiswa dan mahasiswinya wajib lulus modul ini sebelum dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda.

>> Muka 8

NBD komited kukuhkan rangkaian penerangan

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

KUALA LUMPUR, MALAYSIA, Jumaat, 25 Oktober. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Arab Saudi menandatangani Perjanjian Perkhidmatan Udara (Air Services Agreement-ASA) yang dikemas kini dan dimodenkan pada 23 Oktober 2024, di Kuala Lumpur, Malaysia.

Kesimpulan mengenai perjanjian berkenaan berfungsi untuk melengkapkan pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) yang telah dikemas kini mengenai Hak

Kebebasan Trafik Udara (Freedom of the Air Traffic Rights) yang ditandatangani antara kedua-dua negara di Riyadah awal tahun ini.


Penandatanganan ASA berlangsung semasa Rundingan Penerangan Sivil Antarabangsa 2024 (International Civil Aviation Negotiation 2024 - ICAN2024), yang diadakan di Hotel Sunway Resort di Kuala Lumpur, Malaysia, dari 21 hingga 25 Oktober 2024.

>> Muka 13

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN

f Pelita Brunei @ pelitabrunei t pelitabrunei

Berita Utama



MMN hadiri Perhimpunan Agung AIPA Ke-45

Muka 7



MEMPERKUKUH kesiapsiagaan bencana, membina ketahanan, kapasiti ASEAN

Muka 12



MENINGKATKAN kerjasama serantau, antarabangsa dalam pengurusan bencana

Muka 22



RENCANA

3PSA - Bantu dalam mengenal pasti tahap prestasi jabatan

Muka 29

DPMM berkenan menerima mengadap

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menerima mengadap para Menteri-menteri ASEAN ke Negara Brunei Darussalam (kanan dan kanan sekali).

>> Muka 1

Semasa Majlis Mengadap tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah menzahirkan penghargaan dan ucapan terima kasih di atas kehadiran Menteri-menteri ASEAN ke Negara Brunei Darussalam (NBD) dan komitmen yang diberikan serta kerjasama ASEAN bagi meningkatkan kedayatahanan rantau ini dalam pengurusan bencana ke arah memupuk ASEAN yang lebih selamat dan berdaya tahan.

Hadir bagi mengetui Majlis Mengadap tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, selaku Pengerusi AMMMD Ke-12.

Juga hadir sama semasa



Oleh: Khartini Hamir
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi,
Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

Majlis Mengadap ialah Timbalan Setiausaha Agung ASEAN, Nararya S. Soeprapto; dan Pengarah Eksekutif ASEAN Coordinating Centre for Humanitarian Assistance on disaster management (AHA Centre), Lee Yam Ming.

AMMMD berfungsi sebagai platform bagi Negara-negara Anggota ASEAN untuk mengkaji dan membincangkan pelaksanaan strategi dan dasar serantau mengenai pengurusan bencana terutama dalam pengurangan risiko bagi

meningkatkan daya tahan bencana di rantau ini dan NBD adalah selaku Pengerusi bagi mesyuarat tersebut pada tahun ini.

Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Qashr Al-Meezan.

DULI Yang Teramat Mulia berkenan menerima pesambahan.



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Haji Ariffin Mohd.
Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 25 Oktober. - Tumpuan terhadap pendidikan berkualiti mesti kekal menjadi keutamaan

PENDIDIKAN BERKUALITI JADI KEUTAMAAN UNTUK SEMUA

YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman selaku Penaung Diraja Persidangan Isu-isu Global Borneo Sekolah Antarabangsa Brunei (BGIC ISB) berkenan mengurniakan sabda pada majlis BGIC ISB Ke-20 Tahun 2024.

bagi memastikan kemajuan berterusan dalam akses dan kesaksamaan dalam pendidikan.

Negara, kerajaan dan pemimpin perlu terus berusaha untuk mencapai kesaksamaan dalam pendidikan meskipun menghadapi cabaran dan halangan yang

kompleks, seperti bahasa, lokasi, dan pelbagai keterbatasan lain.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman, yang juga selaku Penaung Diraja Persidangan Isu-isu Global Borneo Sekolah Antarabangsa Brunei (BGIC ISB) seterusnya bersabda, ketika jurang sosial semakin melebar dan inflasi global memberi impak kepada kehidupan masyarakat, ia adalah tanggungjawab kita untuk memastikan pendidikan berkualiti adalah inklusif dan diberikan kepada semua, dalam kalangan muda dan tua, tanpa mengira status, etnik, jantina, atau latar belakang.

"Tidak dapat dinafikan bahawa kita semua akan memperoleh manfaat daripada kerjasama erat kerajaan yang berterusan dalam sama-sama menangani senarai cabaran global yang semakin meningkat.

"Semua negara harus kekal komited kepada tindakan kolektif dan mempromosi pendidikan berkualiti bagi semua kanak-kanak," sabda Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah semasa merasmikan BGIC ISB Ke-20 Tahun 2024 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.



ANTARA yang hadir pada majlis berkenaan.

Yang Teramat Mulia seterusnya bersabda, adalah menjadikan tanggungjawab kita untuk mengatasi halangan yang mengekang kesaksamaan, penglibatan, dan kualiti pendidikan.

Sabda YTM lagi, kita perlu menyedari bahawa ketidaksamaan yang meluas dalam pendidikan hanya akan meneruskan pengabaian terhadap golongan yang kurang bernasib baik dan masyarakat yang terdedah, seperti minoriti etnik, golongan berpendapatan rendah, wanita dan kanak-kanak perempuan, termasuk populasi yang kurang bernasib baik dan pendatang.

"Kita semua mempunyai tanggungjawab untuk menyediakan pengajaran berkualiti di semua peringkat pendidikan, dengan pendidik sekolah memberi perhatian yang konsisten dan berterusan kepada strategi pengajaran, pedagogi, bahan pembelajaran, penilaian, kepimpinan sekolah, pembangunan profesional, sokongan dan penglibatan ibu bapa, serta memahami keperluan dan kekuatan setiap kanak-kanak," sabda YTM.

YTM bersabda, pendidikan berkualiti didukung dengan memastikan sekolah menyediakan persekitaran pembelajaran yang boleh dan memperkasa, dengan guru boleh menggunakan pendekatan inovatif dan menggalakkan pelajar berpemikiran kritis, aktif dan kewarganegaraan global yang prihatin.

Tegas YTM, adalah penting untuk mendidik dan melibatkan belia kita sebagai agen perubahan masa depan bagi pembangunan dan kemajuan bersama rakyat dan negara tercinta, Negara Brunei Darussalam.

BERANGKAT RASMIKAN PERSIDANGAN ISU-ISU GLOBAL BORNEO KE-20

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 25 Oktober. — Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman yang juga selaku Penaung Diraja Persidangan Isu-isu Global Borneo Sekolah Antarabangsa Brunei (BGIC ISB) pagi tadi berkenan berangkat ke BGIC ISB Ke-20, Tahun 2024.

Keberangkatan tiba Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini, dijunjung oleh Pengetua Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif ISB, Dominic Morley.

Sementara itu, Dominic Morley dalam sembah ucapannya menyatakan, BGIC ISB menyediakan pelbagai pengalaman pendidikan yang menarik di luar bilik darjah, bagi manfaat pelajar dan belia dalam mereka merenung cabaran yang dihadapi oleh pemimpin dunia dan masyarakat global, ancaman serius seperti krisis ekonomi, ketidakstabilan makanan asas dan peningkatan ketidaksamaan.

"Peluang pembelajaran aktif dan pengalaman akan meningkatkan pembangunan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman yang juga selaku Penaung Diraja Persidangan Isu-isu Global Borneo Sekolah Antarabangsa Brunei (BGIC ISB) berkenan berangkat dan seterusnya merasmikan BGIC ISB Ke-20 Tahun 2024 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa (kiri dan kanan).

kemahiran asas yang penting dan memperluas pengetahuan pelajar kita terhadap isu-isu global yang kompleks dalam bekerjasama untuk menghasilkan penyelesaian yang

boleh dilaksanakan sambil mengekalkan pemahaman, kerjasama, dan keharmonian antarabangsa," sembahnya lagi.

BGIC ISB tahun ini turut diisikan dengan pembentangan



ucaptama daripada Penceramah Motivasi dan Awam, Dr. Stuart Lawrence; dan Linda Cruse yang merupakan salah seorang pakar kepimpinan, aktivis kemanusiaan barisan hadapan antarabangsa dan Pengasas Race4Good.

Para pembentang ucaptama mengongsikan mengenai pengalaman hidup dalam memberi motivasi serta memperkasa golongan muda yang berhubung rapat dengan tema persidangan iaitu 'Matlamat Pembangunan Mampan 4 : Pendidikan Berkualiti dan bagaimana kita boleh memastikan bahawa pendidikan berkualiti yang inklusif dan saksama menyokong pembangunan mampan?'

Pada persidangan berkenaan, Yang Teramat Mulia juga berkenan mengurniakan sabda dan seterusnya merasmikan persidangan berkenaan.

YTM kemudian berkenan mengurniakan sijil penyertaan kepada para wakil daripada 23 sekolah yang menghadiri persidangan berkenaan, iaitu 21 sekolah dari Negara Brunei Darussalam dan dua sekolah dari luar negara, iaitu Jepun dan Malaysia, disusuli dengan pengurnian cenderamata kepada para penaja dan penyokong BGIC ISB.

Pada acara berkenaan, YTM juga berkenan menerima pesembahan yang disembah oleh Pengetua Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif ISB sebagai tanda penghargaan ISB.

Juga hadir Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Ahli Lembaga Pengarah ISB, Nicholas King; Timbalan Lembaga Pengarah, Awang Haji Rashid bin Abdul Razak, Roy David Kurian, Sharon Tan, Jorge Francisco Vega, Wong Chin Toon dan Pengurus Am ISB, Vienna Law.

BGIC ISB yang ke-20 dianjurkan oleh Sekolah Antarabangsa Brunei bersama rakan kongsi persidangan, iaitu Kementerian Pendidikan dan KKBS.

Acara berkenaan ditaja oleh penaja Golden Tree, iaitu Brunei Shell Petroleum Company Sdn. Bhd. dan Bank Islam Brunei

Darussalam (BIBD); penaja Silver Leaf, iaitu Brunei LNG Sdn. Bhd.; penaja Bronze Earth termasuk Dynamik Technologies Sdn. Bhd., Brunei Fertilizer Industries Sdn. Bhd., CFBT Education Services (B) Sdn. Bhd. dan Imagine Sdn. Bhd. serta penaja dalam bentuk sumbangan, iaitu Aewon Garment & Embroidery, TLT Enterprise, D'Sunlit Sdn. Bhd., Interhouse Company, Air Cat Logistics Sdn. Bhd., dan Brunei Press Sdn. Bhd.

BGIC ISB tahun ini juga disokong oleh Green Brunei dan Jabatan Perdana Menteri bersempena dengan Kem Belia Matlamat Pembangunan Yang Mampan(SDGs).

BGIC ISB merupakan persidangan tahunan yang diterajui oleh pelajar yang berbentuk model Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan para peserta mewakili negara-negara untuk membentangkan pelbagai pandangan mengenai isu-isu semasa dunia sebenar.

Inisiatif berkenaan bermatlamat untuk membangunkan kefahaman kewarganegaraan global para pelajar dan kemahiran kritis dalam penyelidikan, pengucapan awam dan rundingan.

Persidangan berkenaan diadakan sehingga 27 Oktober 2024 meliputi sesi-sesi penceramah utama, perbincangan jawatankuasa dan perhimpunan agung.

BGIC ISB tahun ini menandakan satu pencapaian penting yang juga diadakan bersempena dengan Ulang Tahun ISB ke-60, menandakan enam dekad kecermerlangan akademik yang inklusif.



KETUA Pegawai Eksekutif ISB, Dominic Morley semasa sembah ucapan.

Libatkan belia dalam mencapai aspirasi pembangunan negara

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 25 Oktober. — Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman bersabda, Persidangan Isu-isu Global Borneo Sekolah Antarabangsa Brunei (BGIC ISB) menyediakan platform untuk belia mencontohi pemimpin dunia dalam menghasilkan resolusi bagi mempromosi pendidikan berkualiti untuk semua, mengurangkan ketidaksamaan, dan memastikan pembangunan yang efisien, saksama, dan mampan untuk manfaat kemanusiaan.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah seterusnya bersabda menyeru para delegasi muda untuk sentiasa mencontohi pemimpin dunia yang bekerjasama dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) serta menyeru semua untuk bersikap yakin dalam menyuarakan pendapat, namun masih berfikiran terbuka, menghormati dan menerima pendapat semasa perdebatan jawatankuasa.

Dalam sabda semasa merasmikan BGIC ISB Ke-20 Tahun 2024 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa pagi tadi, Yang Teramat Mulia melahirkan harapan agar semua delegasi muda memahami bahawa aktiviti penting di BGIC adalah sebahagian daripada persiapan mereka untuk kehidupan masa depan di universiti dan pekerjaan.

Terdahulu dalam sabda YTM, persidangan tahunan yang dikendalikan oleh pelajar, kepada pelajar, telah menghimpunkan sekolah-sekolah dari dalam dan luar Negara Brunei Darussalam melalui perbincangan bermakna mengenai isu-isu dunia yang relevan.

Sabda YTM, ia juga turut menghimpunkan individu-individu yang memberi inspirasi, syarikat-syarikat yang prihatin, dan badan kerajaan rasmi dalam usaha kolaboratif untuk mempromosi penglibatan dan memperkasa belia menjelang Wawasan Brunei 2035.

"Persidangan yang tertumpu kepada pelajar ini menyediakan peluang bagi pelbagai kerjasama sektor, kolaborasi dan sumbangan, seterusnya memberi manfaat kepada negara kita, rakyat kita dan yang paling penting, untuk merealisasikan visi bersama kita untuk masa depan yang lebih berdaya tahan," sabda YTM.

Oleh itu sabda YTM lagi, adalah wajar bahawa tema persidangan tahun ini adalah sesuai untuk penglibatan belia, aset paling berharga kita dan

agen pertumbuhan untuk menyokong dan melibatkan diri mereka dalam mencapai matlamat dan aspirasi pembangunan negara demi kelestarian bangsa.

Dengan itu sabda YTM, BGIC juga menyediakan peluang bagi kerajaan, sekolah dan syarikat untuk mempertimbangkan matlamat, sasaran dan rancangan strategik mereka ketika kita semua fokus kepada 'Matlamat Pembangunan Mampan 4 : Pendidikan Berkualiti dan bagaimana kita boleh memastikan bahawa pendidikan berkualiti yang inklusif dan saksama menyokong pembangunan mampan?'

"Saya gembira melihat semua orang mengambil tanggungjawab untuk menyokong Matlamat Pembangunan Mampan PBB (UN SDGs) dan bekerjasama, melibatkan semua peringkat umur, latar belakang dan peranan dalam masyarakat dan komuniti kita.

"Kita semua di sini harus berasa bangga atas sokongan dan sumbangan kepada persidangan yang diterajui oleh para pelajar ini, serta memikul tanggungjawab dan melaksanakan peranan kita dalam pelaburan sosial dan menunjukkan tanggungjawab sosial dalam membentuk pendidikan berkualiti yang inklusif dan saksama menyokong pembangunan mampan?".

"Persidangan yang dikendalikan oleh pelajar adalah bukti sumbangan dan sokongan daripada semua sekolah yang terlibat, pengangur, guru, pembentang utama, penaja dan penyokong yang terlibat," sabda YTM lagi.

YTM bersabda merakamkan penghargaan kepada semua pihak atas sumbangan yang tidak berbelah bagi terhadap persidangan yang dikendalikan oleh pelajar, kepada pelajar dan berharap agar pelajar memperoleh pemahaman yang lebih baik tentang isu-isu yang relevan dan peranan mereka sebagai sebahagian daripada masyarakat global.

Penghargaan khas juga sabda YTM lagi, kepada Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan atas sokongan berterusan mereka terhadap persidangan tahunan ini yang memberi manfaat besar kepada belia dan pelajar serta menghargai Golden Tree, Silver Leaf, Bronze Earth dan sumbangan penaja yang terus menyokong BGIC tahun demi tahun bagi manfaat pelajar, sekolah, masyarakat dan negara.

YTM yakin bahawa persidangan ISB yang diterima dengan baik berkenaan akan terbukti sebagai kejayaan besar yang lain.

BERKENAN BERANGKAT KE MAJLIS KONVOKESYEN

YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat ke Majlis Konvokesyen bagi anakanda Yang Teramat Mulia, Yang Amat Mulia Pengiran Anak 'Abdul Raqiib bin Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim yang berlangsung di Winchester Cathedral, United Kingdom (kanan dan kanan sekali).

UNITED KINGDOM, Rabu, 23 Oktober. - Paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah berkenan berangkat ke Majlis Konvokesyen bagi anakanda Yang Teramat Mulia, Yang Amat Mulia Pengiran Anak 'Abdul Raqiib bin Pengiran Maharaja



Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim yang berlangsung di Winchester Cathedral, United Kingdom.

Yang Amat Mulia Pengiran Anak 'Abdul Raqiib telah dianugerahkan dengan Ijazah Bachelor of Science in Sports Management

dari University of Winchester.

Yang Amat Mulia merupakan anakanda ketiga YTM dan telah berjaya memperoleh Ijazah Sarjana Muda dari institusi pengajian tinggi di United Kingdom.

Turut berangkat pada Majlis

Foto : Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam



Konvokesyen tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim bin Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak (Dr.) Kemaludin Al-Haj serta kerabat diraja.



DPMM FC berpesta gol



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas, Alishahrin Haji Mumin

BELAIT, Jumaat, 25 Oktober. - Liga Super Brunei 2024 diteruskan lagi malam tadi dengan aksi perlawanan antara DPMM FC dan BSRC FC yang berlangsung di BSRC Football Field.

Pada perlawanan berkenaan menyaksikan DPMM FC berjaya menewaskan BSRC FC dengan jaringan 5 – 1.

Turut menyertai DPMM FC ialah anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, iaitu Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim selaku Ketua Pasukan.

Gol pertama DPMM FC terhasil pada minit ke-8 yang dijaringkan oleh Muhammad Zarif Muzaffar Abdulhanna Rizal. Selang beberapa minit kemudian, DPMM FC menambah lagi jumlah jaringan apabila Sergio Mendiguchia Iglesias sekali lagi berjaya menjaringkan gol pada minit ke-35 menjadikan kedudukan jaringan 2-0 pada minit ke-15.

Walau bagaimanapun, BSRC FC tidak berputus asa dan terus berusaha untuk mendapatkan jaringan buat pasukan mereka. Akhirnya, penantian untuk mendapatkan jaringan berjaya diperoleh apabila gawang DPMM FC dibolosi pada minit

ke-27, hasil sepakan Muhammad Mirza Nursyakirin Abdullah Shahrin.

Pemain DPMM FC tidak menunggu lama untuk menambah jumlah jaringan apabila Sergio Mendiguchia Iglesias sekali lagi berjaya menjaringkan gol pada minit ke-35 menjadikan kedudukan jaringan 3-1.

Bersambung pada babak kedua permainan, DPMM FC terus menguasai permainan apabila Sergio Mendiguchia Iglesias terus menyumbang jumlah jaringan buat pasukannya

ANTARA yang hadir menyaksikan perlawanan antara DPMM FC dengan BSRC FC.

setelah berjaya membolosi gawang BSRC FC pada minit ke-48.

DPMM FC tidak memberi peluang kepada BSRC FC



Pupuk kemahiran kepimpinan, lahirkan generasi berpengetahuan

Siaran Akbar : Bank Islam Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 25 Oktober. – Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) baru-baru ini mengukuhkan lagi komitmennya untuk menggalakkan pendidikan dan pembangunan masyarakat melalui sokongannya terhadap program sulung An-Najah.

Program itu merupakan pertandingan kuiz di seluruh negara untuk murid sekolah rendah ugama Tahun 6, bertujuan untuk memupuk

minda murid yang cemerlang dengan menyediakan cabaran intelek dan kemahiran kepimpinan pemikiran yang mencabar dan merangsang.

Pertandingan yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Pemimpin Sekolah-sekolah Ugama Kawasan Brunei 1, direka untuk meningkatkan tahap pengetahuan di kalangan peserta sebelum mereka menduduki Peperiksaan Sijil Peperiksaan Sekolah-Sekolah

Rendah Ugama (SSRU) dan memastikan mereka bersedia untuk kejayaan akademik.

Dengan menyertai program tersebut, pelajar berpeluang meningkatkan minat membaca dan kemahiran mencari maklumat serta menggalakkan peserta meneroka pelbagai topik agama dan membangunkan kemahiran berfikir kritis.

Program An-Najah juga membantu mengukuhkan konsep penting dan menggalakkan pemahaman yang lebih mendalam

tentang pengajaran Islam di negara ini.

Sokongan penajaan BIBD, menunjukkan komitmen bank untuk menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat dan pembangunan masyarakat, menyumbang kepada mewujudkan masyarakat yang lebih saksama dan inklusif, selaras dengan Rangka Kerja Kelestarian BIBD, di bawah tonggak Kesan Sosial Inklusif.

Inisiatif ini juga sejajar dengan Wawasan Brunei 2035, yang bertujuan untuk mewujudkan

sebuah negara yang dinamik dan bertenga.

Dengan melabur dalam pendidikan dan memupuk bakat muda, BIBD membantu membina tenaga kerja yang berpengetahuan dan berkemahiran, yang akan menyumbang kepada pembangunan mampan Brunei.

BIBD kekal komited terhadap peranan dan komitmennya untuk menyokong inisiatif yang menggalakkan pendidikan, pembangunan masyarakat, dan kesejahteraan rakyat Brunei.

NAIB PRESIDEN REPUBLIK RAKYAT CHINA TAMATKAN LAWATAN RASMI



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohammad Hasif Matzin

BANDAR SERI BEGAWAN,
Rabu, 23 Oktober. – Naib Presiden Republik Rakyat China, Tuan

Yang Terutama Han Zheng berserta rombongan berlepas meninggalkan negara ini setelah menamatkan Lawatan Rasmi selama tiga hari.

Hadir di Lapangan Terbang

Antarabangsa Brunei (LTAB) untuk mengucapkan selamat berlepas, Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Juga hadir, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Xiao Jianguo; Setiausaha-setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri dan Setiausaha-setiausaha Tetap di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Sepanjang lawatan Tuan Yang Terutama di negara ini, TYT berpeluang berbincang mengenai isu-isu dua hala di antara NBD dan Republik Rakyat China serta bertukar-tukar pandangan tentang hal ehwal serantau dan antarabangsa yang mempunyai kepentingan bersama.

NBD dan Republik Rakyat China menjalin hubungan diplomatik sejak 30 September 1991. Kedua-dua buah negara



NAIB Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Han Zheng berserta rombongan berlepas meninggalkan negara ini setelah menamatkan Lawatan Rasmi (atas dan kiri).

membentuk hubungan kerjasama strategik pada 5 April 2013.

Kedua-dua buah negara juga menikmati kerjasama dinamik dalam perdagangan dan

pelaburan, tenaga, pertanian dan perikanan, pertahanan, pendidikan, perkhidmatan udara dan pelancongan, kesihatan serta pertukaran antara rakyat.

Solat Jemaah Subuh Macam Jumaat dapat sambutan menggalakkan

Oleh : Wan Mohamad Sahran
Wan Ahmadi
Foto : Mohamad Azmi Haji
Awang Damit



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir bagi mengimarahkan Solat Jemaah Subuh Macam Jumaat di Masjid Kampung Sungai Besar (atas kanan), manakala gambar atas kiri, Profesor Dr. Haji Abdul Somad semasa menyampaikan tazkirah berkaitan Institusi Kekeluargaan : Tanggungjawab Suami, Isteri dan Anak-anak bagi melahirkan keluarga sakinah, mawaddah warahmah.

BANDAR SERI BEGAWAN,
Jumaat, 25 Oktober. - Solat Jemaah Subuh Macam Jumaat anjuran Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) dan Majlis Perundingan Kampung (MPK) Sungai Besar diadakan awal pagi tadi di Masjid Kampung Sungai

Besar dan mendapat sambutan yang begitu menggalakkan dengan kehadiran para jemaah yang memenuhi ruang masjid berkenaan.

Hadir bagi mengimarahkan bersama para jemaah, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang

Berhormat Pehin Udina Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Sejurus menunaikan Sembahyang Subuh Berjemaah, Tazkirah Subuh turut

menyemarakkan lagi acara berkenaan yang disampaikan oleh penceramah yang tidak asing lagi dari Republik Indonesia, Profesor Dr. Haji Abdul Somad yang sememangnya dinantikan oleh para jemaah di sini.

Inti pati ceramah Profesor Dr. Haji Abdul Somad membincangkan mengenai tajuk tazkirah berkaitan Institusi Kekeluargaan : Tanggungjawab Suami, Isteri dan Anak-anak bagi melahirkan keluarga sakinah, mawaddah warahmah.

Profesor Dr. Ustaz Abdul Somad antara lain menjelaskan antara kewajipan suami, iaitu memberi makan termasuk nafkah kepada isteri juga tanggungan suami sebagai ketua keluarga, tempat tinggal, pakaian terutamanya lengkap menutup aurat yang disyariatkan dalam Islam yang sesuai dengan kemampuan serta memberi pendidikan yang berguna umpsamnya menjadi imam dalam sembahyang dan mengajar mengaji Al-Quran.

Menurutnya lagi, selaku pemimpin dalam keluarga yang mempunyai anak perempuan, seorang ayah patut melihat dan nilai seorang bakal suami kepada anaknya itu daripada

aspek agama dan akhlaknya yang baik.

Sementara itu tambahnya lagi, dari sudut perempuan untuk jodoh anak lelaki itu pula wajar dinilai dari segi hartanya, keturunan, kecantikan dan juga agamanya.

Selain kewajipan suami, Profesor Dr. Haji Abdul Somad juga menjelaskan beberapa perkara mengenai ciri-ciri sifat daripada seorang isteri antaranya menyenangkan hati suami, patuh dan taat, tidak khianat, iaitu menjaga amanah dengan sebaiknya dan selalu ingat-mengingati akan perkara kebaikan.

Sifat seorang isteri katanya, termasuk hati yang selalu bersyukur, lisan yang selalu berzirik dan menjadi isteri yang solehah.

Solat Subuh Berjemaah diimamkan oleh Imam masjid berkenaan, Awang Haji Hanafiah bin Haji Mahmud.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; serta para jemaah masjid yang lain.



سوروهنجای فرخدمتین عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

PENTING

SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR

BARU

IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihadapkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.

Laman Utama > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja



DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR

- ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemaskini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education and lain-lain
- ✗ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tanga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- ✗ Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.


PERHATIAN!

Sila sahkan bahawa maklumat di dalam profil adalah lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan bagi jawatan yang dipohon.

✓ Memahami bahawa maklumat **profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur** semasa menghadapkan permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak menepati kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya **permohonan tidak akan diproses**.



MMN HADIRI PERHIMPUNAN AGUNG AIPA KE-45



■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

VIENTIANE, REPUBLIK DEMOKRATIK RAKYAT LAO, Rabu, 23 Oktober. — Majlis Mesyuarat Negara (MMN) telah menghadiri Perhimpunan Agung ASEAN Inter-Parliamentary Assembly (AIPA) Ke-45 yang berlangsung dari 18 hingga 22 Oktober 2024 yang dihoskan oleh Dewan Rakyat Republik Demokratik Rakyat Laos.

Perhimpunan berkenaan diadakan di Vientiane, Republik Demokratik Rakyat Lao, dengan tema 'The Role of Parliaments in Enhancing Connectivity and Inclusive Growth of ASEAN'.

Rombongan Negara Brunei Darussalam (NBD) diketuai oleh Yang Di-Pertua MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, dan disertai 10 Ahli MMN.

Turut serta, Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet dan Jurutulis MMN, Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah, dan pegawai-pegawai dari Urus Setia

MMN.

Dalam tempoh lima hari, Perhimpunan Agung AIPA Ke-45 meluluskan 38 buah resolusi yang merangkumi isu-isu kritis di bawah komiti politik, ekonomi, sosial, organisasi, serta Mesyuarat Ahli Parlimen Wanita dan Mesyuarat Ahli Parlimen Muda.

Setiap komiti membincangkan dan meluluskan resolusi-resolusi yang berkaitan dengan pembangunan serantau, kerjasama dan isu-isu global. Komiti politik membincangkan antara lain keselamatan siber dan keterhubungan ASEAN dan kerjasama politik bagi memperkuuh kestabilan serantau. Komiti juga membincangkan kerjasama parlimen yang diperlukan bagi menangani ancaman siber.

MMN diwakili oleh Ahli-ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman dan Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman.

Komitie ekonomi memberi tumpuan kepada ketahanan siber dan pendigitalan dalam

menyokong pertumbuhan ekonomi digital ASEAN. Resolusi-resolusi menggariskan peranan pelaburan bertanggungjawab dalam sektor pertanian, serta kepentingan mobilisasi modal ke arah pembangunan infrastruktur mampan.

Komitie juga telah meluluskan satu resolusi bertajuk 'Strengthening ASEAN Cyber Resilience Through Parliamentary Cooperation : Towards a Future of Safe and Vibrant Digital Economy' yang dicadangkan oleh NBD.

MMN diwakili oleh Ahli-ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim, Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin dan Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumtin.

Komitie sosial mengesahkan resolusi yang menekankan tindakan bersepada ASEAN dalam menangani isu-isu terkini dalam perkembangan sosial termasuk masalah plastik, inovasi digital dalam penjagaan kesihatan, penyalahgunaan dadah dan kebajikan sosial bagi warga tua.

MMN diwakili oleh Ahli-ahli

MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof dan Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam.

Komitie organisasi meluluskan resolusi yang berkaitan dengan pentadbiran AIPA termasuk laporan kewangan, cadangan bajet, mengesahkan garis panduan, prosedur dan pengemaskinian kepada status kerangka kerja dan beberapa Memorandum Persefahaman (MoU).

Mesyuarat berkenaan turut meluluskan sebuah resolusi bagi AIPA Distinguished Service Award sebagai pengiktirafan sumbangan kepada AIPA.

MMN diwakili oleh Ahli-ahli MMN, Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin dan Dr. Dayang Hajah Huraini.

Mesyuarat Ahli Parlimen Wanita (WAIPA) meluluskan resolusi yang berkaitan dengan membangunkan parlimen yang responsif terhadap isu jantina (gender) dan menggalakkan penyertaan politik wanita di ASEAN.

Resolusi juga turut menekankan usaha menangani keganasan

YANG Berhormat Yang Di-Pertua MMN mengetuai rombongan Negara Brunei Darussalam (NBD) dan disertai 10 Ahli MMN semasa menghadiri Perhimpunan Agung ASEAN Inter-Parliamentary Assembly (AIPA) Ke-45 yang berlangsung dari 18 hingga 22 Oktober 2024.

terhadap wanita dan kanak-kanak serta menyegerakan inisiatif kesaksamaan gender.

MMN diwakili oleh Ahli-ahli MMN, Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah dan Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee.

Mesyuarat Ahli Parlimen Muda (YPA) menekankan peranan belia dalam membina ASEAN yang inklusif dan berdaya tahan. Resolusi-resolusi menggariskan kepentingan penglibatan belia dalam proses penggubalan dasar serta mempromosikan kesihatan mental belia dan inovasi digital untuk mencapai pembangunan mampan.

MMN diwakili oleh Ahli-ahli MMN, Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee dan Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat.

Perhimpunan Dialog Bersama Parlimen Pemerhati AIPA berkenaan turut mengadakan sesi dialog bersama dengan 15 buah Parlimen Pemerhati AIPA, dalam usaha memperkuuh kerjasama parlimen ke arah pertumbuhan inklusif dan keterhubungan ASEAN.

Dalam Sidang Plenari Kedua, delegasi Parlimen Negara-negara ASEAN melaporkan pencapaian Mesyuarat Komiti Perhimpunan Agung AIPA Ke-45. Perhimpunan diakhiri dengan persetujuan sebulat suara terhadap Kenyataan Bersama (Joint Communique) yang ditandatangani oleh Ketua-ketua Perwakilan negara Ahli AIPA.

Menutup tirai Perhimpunan Agung AIPA Ke-45, Negara Malaysia telah menerima AIPA Chairmanship sebagai tuan rumah Perhimpunan Agung AIPA Ke-46 pada 2025.

Menteri Hal Ehwal Ugama terima kunjungan hormat



■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BERAKAS, Khamis, 24 Oktober. — Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji

Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman petang tadi menerima kunjungan hormat daripada Secretary National

Commission on Muslim Filipinos (NCMF), Yang Berhormat Sabuddin N. Abdurahim bertempat di Bilik Dhiyafah, Tingkat 5, Bangunan Tambahan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Dewan Majlis.

Rombongan NCMF berada di negara ini bagi menyertai Zakat Framework Workshop pada 24 - 25 Oktober 2024.

Kunjungan hormat tersebut bertujuan untuk mengeratkan

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa menerima kunjungan hormat daripada Secretary National Commission on Muslim Filipinos (NCMF), Yang Berhormat Sabuddin N. Abdurahim.

hubungan dua hala antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Filipina serta bertukar-tukar pengetahuan dan pengalaman dalam perkhidmatan agama khususnya berkaitan dengan kebajikan dan pembangunan ummah, pendidikan Islam, urusan haji, Biasiswa Pendidikan Ugama, industri halal, zakat dan pembangunan wakaf.

Hadir pada kunjungan hormat tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama ketika berucap.

>> Muka 1

Dengan kedudukannya sedemikian itu, MIB dilihat dan diyakini dapat berfungsi selaras dengan visi UBD 'Ke Arah Kesempurnaan Insan' kerana ia sebagai satu modul yang mengajar mahasiswa dan mahasiswinya supaya mengetahui dengan menghargai dan seterusnya menghayati nilai-nilai murni cara hidup kebruneian seperti nilai budaya, seni sastera, sejarah dan yang berkaitan dengan kemelayuan, keislaman dan keberajaan perlu juga dilihat seiring dengan pembangunan negara yang mapan dan selari dengan SDGs.

Dengan itu katanya, ternyata APB sedang membuat suatu pendekatan baharu dalam mengetengahkan MIB sebagai falsafah negara kita. Pendekatan menghubungkaitkan MIB dengan pembangunan negara dan selari dengan SDGs.

Pendekatan itu tambahnya, berbeza daripada pendekatan konvensional yang setakat mengetengahkan nilai-nilai murni kemelayuan, keislaman dan keberajaan.

Menurut Yang Berhormat, sungguhpun suatu pendekatan yang berbeza namun ia ada

INTEGRASI PRINSIP MIB DALAM PEMBANGUNAN NEGARA

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman semasa merasmikan Hari MIB UBD bertempat di Ruang Legar Perpustakaan Utama, UBD, hari ini.

Semasa berucap, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menyambut baik bahawa APB sedang membuat pendekatan untuk melihat MIB sebagai falsafah negara dengan segala nilai-nilai kemelayuan, keislaman dan keberajaan perlu juga dilihat seiring dengan pembangunan negara yang mapan dan selari dengan SDGs.

Dengan itu katanya, ternyata APB sedang membuat suatu pendekatan baharu dalam mengetengahkan MIB sebagai falsafah negara kita. Pendekatan menghubungkaitkan MIB dengan pembangunan negara dan selari dengan SDGs.

Pendekatan itu tambahnya, berbeza daripada pendekatan konvensional yang setakat mengetengahkan nilai-nilai murni kemelayuan, keislaman dan keberajaan.

Menurut Yang Berhormat, sungguhpun suatu pendekatan yang berbeza namun ia ada

dengan kewajarnya. Tegasnya, ada kewajaran menghubungkaitkan MIB dengan pembangunan negara itu. Dalam pada itu harus dan perlu juga difahami serta perlu untuk diteruskan bahawa pendekatan yang konvensional itu adalah tetap relevan.

Tegasnya lagi, pendekatan konvensional itu adalah selaras dengan usaha menerapkan nilai-nilai MIB iaitu kemelayuan, keislaman dan keberajaan sebagai falsafah negara iaitu penerapan ke dalam kehidupan berbangsa dan berpemerintahan yang kesan dan pengaruhnya sangat besar kepada nilai-nilai yang kita pelihara dan pertahankan itu akan terus serasi dalam sosiopolitik kenegaraan kita. Sebab itulah ia diterapkan ke dalam sistem pendidikan sampai ke peringkat pengajian tinggi.

Dalam masa yang sama, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama berpendapat bahawa kita jangan terus menerus seperti terpegun mengagumi semboyan semboyan MIB. Kita jangan sampai lupa bahawa MIB itu selain falsafah negara ia sendiri adalah 'negara', Negara Brunei Darussalam - Negara MIB dengan status kemerdekaan dan kedaulatannya

diazamkan untuk kekal selama-lamanya.

Dengan itu, Yang Berhormat menekankan, pendekatan baharu APB yang ingin mengintegrasikan prinsip-prinsip MIB selaras dengan SDGs atau lestari seperti yang sedang diketengahkannya dalam Hari MIB UBD sempena 40 tahun ia dititahmasyhurkan.

Tegasnya, APB hendaklah memahami dengan baik bahawa pembangunan mampan itu tidaklah khusus kepada komitmen negara kita menggunakan pakai program pembangunan yang diputuskan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) iaitu UN 2030 Agenda for Sustainable Development dengan 17 matlamatnya.

Yang Berhormat menekankan bahawa APB dan kita semua mestilah memahamkan pembangunan yang ingin diintegrasikan dengan prinsip-prinsip MIB iaitu pembangunan kebangsaan negara MIB.

Pemahaman sebegini kata Yang Berhormat, menjadi lebih jelas dengan pendekatan kita menggunakan pakai agenda SDGs, PBB secara menyelaraskannya dengan Wawasan Brunei 2035. Oleh itu, pendekatan yang wajar dalam mengintegrasikan prinsip-prinsip MIB dengan pembangunan itu ialah komitmen negara untuk memenuhi hasrat yang diazamkan dalam Pemasyhuran Kemerdekaan 40 Tahun yang lalu.

pembangunan kebangsaan negara MIB kita yang dirancang dan dilaksanakan dalam Wawasan Brunei 2035.

Ke arah itulah pendekatan yang akan dilakukan seterusnya dalam memperkatakan dan mengetengahkan MIB sebagai falsafah negara di samping pendekatan yang konvensional tentang nilai-nilai murni kemelayuan, keislaman dan keberajaan.

Untuk makluman bersama, sejauh ini, semenjak 40 Tahun Merdeka (1984 - 2024) NBD, negara MIB telah melancarkan lapan Rancangan Kemajuan Negara (RKN), sebagai lanjutan atau kesinambungan RKN I yang mula diperkenalkan dalam tahun 1953. Pada dasarnya kesemua RKN adalah untuk membangun dan memajukan negara yang menepati makna usaha negara untuk mencapai masa depan yang lebih baik dan lebih mampan untuk semua rakyat dan penduduk.

Hasil dan kesannya kata Yang Berhormat, kita dan negara sedang berada dalam arus pembangunan, bukan sahaja pada menepati komitmen negara kepada SDGs PBB bahkan yang penting ialah komitmen negara untuk memenuhi hasrat yang diazamkan dalam Pemasyhuran Kemerdekaan 40 Tahun yang lalu.

Penghayatan, pemahaman falsafah MIB terus dipertingkatkan

TUNGKU LINK, Khamis, 24 Oktober. - Pengarah Akademi Pengajian Brunei (APB), Dr. Haji Tassim bin Haji Abu Bakar berkata bahawa Melayu Islam Beraja (MIB) pertama kali dititahkan dalam Titah Pemasyhuran Kemerdekaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 1 Januari 1984.

Sudah 40 tahun MIB menjadi sebagai falsafah negara yang telah diisyiharkan dalam Titah Kemerdekaan yang sebelumnya hanya dikenali sebagai Kesultanan Melayu Islam.

Dr. Haji Tassim selaku Pengurus Majlis dalam ucapan alu-aluannya seterusnya menyatakan bahawa menyoroti kembali, sejak tahun 1985 hingga masa kini, pengajaran dan pembelajaran Modul MIB telah menjadi modul wajib di Universiti Brunei Darussalam (UBD) yang dikendalikan oleh APB dan mahasiswa serta mahasiswa wajib lulus modul ini sebelum dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda.

"Selaras dengan visi UBD iaitu 'Ke Arah Kesempurnaan Insan', modul MIB berfungsi sebagai satu modul dalam mengajar mahasiswa dan mahasiswa supaya menghargai warisan yang menjadi cara hidup kebruneian seperti nilai-nilai Islam, budaya, seni, sastera, ekonomi perdagangan, sains dan teknologi masa kini, seiring dengan pembangunan negara yang mampan dan selari dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs)," jelasnya pada Majlis Hari

MIB UBD berlangsung di Ruang Legar, Perpustakaan Utama, UBD, hari ini.

Menurut Dr. Haji Tassim, Hari MIB UBD dihasrat ingin meneroka integrasi dan konsep MIB selaras dengan SDGs.

Hari ini, ujarnya, kita bukan sahaja menyoroti kembali MIB sebagai falsafah negara, malah juga mengkaji dan menghubungkaitkan peranannya dalam mencapai SDGs. MIB yang diasaskan atas nilai-nilai Melayu, Islam dan Beraja telah lama menjadi panduan hidup rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD) semenjak sultan yang pertama.

"MIB membentuk jati diri kita, menyemai perpaduan dan mendorong kemajuan negara, sejajar dengan Wawasan Brunei 2035 dan Pendekatan Seluruh Negara (The Whole of Nation Approach).

"Pada hari ini kita juga melihat masyarakat dunia telah menjadikan SDGs sebagai teras agenda bagi tahun 2030 seperti yang dipersetujui pada 25 September 2015 di Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)," katanya lagi.

Justeru, tambahnya, dengan memupuk pemahaman dan pengamalan yang lebih mendalam tentang MIB dan memupuk secara berterusan mengekal semangat jati diri, tanggungjawab sivik dan komitmen terhadap pembangunan lestari dalam kalangan warga universiti.

Dalam konteks dunia moden pada hari ini, jelasnya, mengikut faktor masa, keadaan dan ekonomi, budaya berpakaian memang menjadi jolokan setiap

individu dan masyarakat, namun perubahan-perubahan dalam konteks budaya telah berlaku menerusi konsep Asimilasi dan Akulterasi. Kita selaku orang Brunei masih mengekalkan reka bentuk baju MIB berdasarkan konsep Baju Cara Melayu namun terdapat sedikit perubahan tanpa menghilangkan reka bentuk yang asalnya.

Dr. Haji Tassim seterusnya menyeru kepada seluruh warga UBD, khususnya para mahasiswa dan mahasiswi, untuk menghayati dan mengamalkan nilai-nilai MIB dalam kehidupan sehari-hari. Jadilah agen perubahan yang proaktif, inovatif dan bertanggungjawab dalam merealisasikan SDGs demi kesejahteraan negara dan generasi akan datang.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Hari MIB UBD selaras dengan SDGs, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama juga merasmikan Baju MIB dan juga sebuah Buku MIB yang diterbitkan oleh APB, UBD Tahun 2024 yang merupakan hasil penyelidikan dalam kalangan tenaga akademik tempatan di APB, UBD.

Dengan bertemakan 'MIB dan Pembangunan Mampan : Mengakar Nilai Tempatan, Menjulang Matlamat Global', Hari MIB UBD turut mengetengahkan pameran dengan konsep 'MIB dan SDGs' yang disertai oleh fakulti, institut, pusat dan pejabat pentadbiran yang terdapat di UBD.

Yang Berhormat juga menyaksikan Pameran e-Poster



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Hari MIB UBD.

yang mengetengahkan kreatif dan informatif yang setentunya menunjukkan komitmen dan dedikasi warga UBD dalam menghubungkan MIB dengan SDGs.

Adanya usaha seumpama itu diharap menjadi sumber inspirasi kepada semua dalam meneruskan perjalanan ke arah mewujudkan masa depan yang lebih gemilang untuk NBD yang berpaksikan kepada falsafah MIB.

Majlis Hari MIB UBD turut diteruskan dengan Sesi Forum MIB yang menampilkan tiga orang panel daripada kalangan ahli akademik dan juga mantan-mantan Pengarah APB. Selain itu, beberapa aktiviti kebudayaan seperti menambat dastar dan menapih sinjang juga diadakan sebagai pendedahan kepada para pengunjung khususnya para warga universiti.

Tujuan majlis tersebut adalah

untuk menyahut tanggungjawab UBD melalui APB dalam menanai nilai taat setia menjunjung watikah pemasyhuran dan titah-titah berkenaan MIB menjadi cara hidup kebruneian di UBD serta meneroka integrasi dan MIB selaras dengan SDGs.

Selain itu, Hari MIB UBD juga diharap dapat merealisasikan empat matlamat utamanya iaitu menyatupadukan seluruh warga UBD dalam cara kehidupan kebruneian, meningkatkan pemahaman dan penghayatan tentang asas sejarah dan falsafah negara iaitu MIB.

Seterusnya, meneroka kaitan falsafah MIB dalam masyarakat kontemporari dan keselarasnnya dengan SDGs serta memupuk pemikiran kritis dan dialog dalam kalangan warga UBD mengenai peranan MIB dalam pembinaan negara dan bangsa.

KHATAM AL-QURAN SEMPENA ULANG TAHUN PENUBUHAN MASJID SSBRPAD



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran sempena Ulang Tahun Ke-10 Penubuhan Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

MANGGIS/MADANG, Jumaat, 25 Oktober. - Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit (SSBRPAD), Kampung Manggis/Madang pagi tadi mengadakan Majlis Khatam Al-Quran sempena Ulang Tahun Ke-10 Penubuhan Masjid tersebut.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Turut hadir ialah Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha

Tetap, ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan di bawah JPM dan Kementerian Pertahanan serta Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Hal Ehwal Ugama, pegawai-pegawai dan kakitangan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah serta penasihat-penasihat dan ahli-ahli Takmir Masjid SSBRPAD.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah yang dipimpin oleh Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II dan seterusnya diikuti dengan bacaan 30 juzuk Al-Quran beramai-ramai bersama 79 orang qari dan 79 qariah terdiri

dari pelajar-pelajar yang mengikuti kelas mengaji di Masjid SSBRPAD serta jemaah masjid lelaki dan jemaah Muslimah.

Kemudian, diteruskan dengan bacaan Takhtim yang dikepalai oleh Dayang Hajah Samainah binti Haji Osman dan diserikan lagi dengan Dikir Marhaban yang diketuai oleh Awang Haji Kadir bin Kurus.

Sementara itu, bacaan Doa Khatam dibacakan oleh Awang Haji Md. Noor bin Hj Ibrahim, manakala Doa Peliharakan Sultan oleh Imam Masjid SSBRPAD, Kampung Manggis / Madang, Awang Muhammad Khaizuran Amali bin Haji Kamsani.

Majlis diakhiri dengan sesi bergambar ramai bersama para peserta khatam dengan tetamu kehormat.



Konsep bekerja adalah ibadah perlu diamalkan



PROFESOR Kunjungan, Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Profesor Dr. Haji Abdul Somad semasa menyampaikan ceramahnya.

>> Muka 1

Profesor Kunjungan, Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Profesor Dr. Haji Abdul Somad pada Forum Majlis Ilmu 2024 juga menyentuh mengenai masalah kesihatan mental boleh memberi impak negatif kepada individu dalam pelbagai peringkat kehidupan, termasuk di tempat kerja seperti tekanan kerja yang tinggi dan keletihan (*burnout*) yang turut menyumbang kepada keresahan dan kemurungan.

Ceramah forum tersebut dimoderatori oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jame' Asr Hassanal

Bolkiah, Pengiran Ahmad Faris Ramadhan bin Pengiran Haji Sellahuddin. Forum Majlis Ilmu 2024 bagi Daerah Belait telah berlangsung di Pusat Insani, Seria, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang

Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Konsep bekerja adalah ibadah perlu diamalkan oleh setiap individu dalam kehidupan sehari-hari untuk meraih keredaan Allah Subhanahu Wata'ala khususnya dalam melakukan tugas dan

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohammad Hasif Matzin



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II semasa hadir pada Forum Majlis Ilmu 2024 bagi Daerah Belait.

tanggungjawab.

Dengan mengamalkan konsep ini, adalah diharapkan semua individu akan sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti dan produktiviti pada setiap masa tanpa rasa jemu.

Ini akan sudah setentunya menimbulkan kesedaran yang bekerja itu bukan sekadar tanggungjawab terhadap diri, keluarga, masyarakat dan negara malah ia merupakan amanah Allah Subhanahu Wata'ala.

Hengyi Industries lancarkan Projek SINAR

Siaran Akhbar dan Foto : Hengyi Industries Sendirian Berhad

MUARA, Rabu, 23 Oktober. - Hengyi Industries Sdn. Bhd. (Hengyi Industries) telah melancarkan Project Sustainable Integration of Natural and Renewable Energy, juga dikenali sebagai Projek SINAR berlangsung di Bangunan Pejabat Utama Hengyi Industries, Pulau Muara Besar (PMB).

Hadir selaku tetamu-tetamu kehormat pada majlis pelancaran itu ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Projek ini merupakan satu inisiatif tenaga solar yang penting dengan matlamat untuk menyediakan tenaga boleh diperbaharui untuk Penapisan Petrokimia dan menyumbang kepada Matlamat Tenaga Boleh Diperbaharui di Negara Brunei Darussalam (NBD). Projek ini akan memasang panel Solar Photovoltaic (PV) di PMB secara berperingkat, bermula

dengan Peringkat 1.

Terdahulu, acara dimulakan dengan taklimat keselamatan dan bacaan Surah Al-Fatiyah, diikuti dengan ucapan perasmian daripada Pengurus Zhejiang Hengyi Group Co. Ltd. dan Hengyi Industries, Qiu Jianlin.

Kemudian acara diteruskan dengan Perasmian Projek SINAR disertai dengan persembahan video yang memberikan pandangan mendalam tentang projek dan matlamatnya.

Projek SINAR menggariskan komitmen Hengyi Industries terhadap kelestarian dan tanggungjawab alam sekitar. Pada peringkat pertama, juga dikenali sebagai projek perintis, Hengyi Industries akan memasang panel PV Solar pada bumbung bangunan, bumbung bangsal kereta dan kawasan lapang di PMB, meliputi kawasan seluas 36 hektar.

Analisis awal telah menunjukkan bahawa PMB sangat sesuai untuk memanfaatkan tenaga suria disebabkan oleh sinaran suria tahunan yang banyak diterima, menjadikannya penarafan Gred 'A' untuk Kekayaan Sumber Tenaga

Suria.

Dengan keadaan yang menggalakkan ini, Peringkat 1 dijangka menjana sehingga 48 megawatt puncak (MWp) apabila siap sepenuhnya pada penghujung bulan April 2025.

Sebagai sebahagian daripada inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Hengyi Industries untuk menerima pakai dan melabur dalam tenaga boleh diperbaharui, Projek SINAR sejajar dengan matlamat strategik NBD untuk meningkatkan lebih banyak tenaga boleh diperbaharui dalam campuran kuasa.

Sempena pelancaran tersebut, Hengyi Industries turut mengedarkan Laporan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) 2023 kepada tetamu dan ahli media. Laporan tersebut menyerlahkan pencapaian utama syarikat dalam kemampuan alam sekitar, tanggungjawab sosial dan tadbir urus korporat sepanjang tahun.

Hadir sama, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman; Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohammed



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II dan Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II pada majlis pelancaran berkenaan.

Taib; Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid dan Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani.

Turut hadir, Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap dari Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Kementerian Pendidikan dan Jabatan Tenaga dan Pengerusi serta Ahli-ahli Jawatankuasa Perbandaran Hangzhou Persidangan Perundingan Politik

Rakyat China.

Juga hadir, ketua pegawai eksekutif, pengarah dan ahli dari Jabatan Peralihan Tenaga; Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi; Autoriti Petroleum; Pihak Berkua Maritim dan Pelabuhan NBD; Jabatan Perkhidmatan Elektrik; Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei; Bank Islam Brunei Darussalam; Baiduri Bank; Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei; Standard Chartered Bank; Bank of China (Hong Kong) Cawangan Brunei; Perkhidmatan Pengurusan Utamakon dan Teknologi Huawei.

TEROKA PELUANG PELANCONGAN, PERKUKUHKAN HUBUNGAN BUDAYA



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

YANG Berhormat Menteri-menteri Kabinet semasa hadir pada Majlis Pelancaran Rasmi yang diadakan di Tarindak D'Seni.

kejayaan penting ini bagi Syarikat Penerbangan RB," ujarnya.

Tambahnya, komitmen RB untuk menyediakan pengalaman perjalanan yang menakjubkan, terus menjadi matlamat utama RB.

Para penumpang di laluan tersebut jelasnya, akan menikmati teknologi dan keselesaan terkini bersama Airbus A320neo RB, digandingkan dengan layanan mesra Brunei dan perkhidmatan luar biasa, berdasarkan prinsip penjagaan, masyarakat dan ikhlas – jujur dari hati oleh kru kabin RB yang terkenal di dunia.

Sementara itu, Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi India ke NBD dalam ucapannya antara lain berkata, laluan baharu itu akan meningkatkan peluang pelancongan, perdagangan dan pertukaran budaya kedua-dua negara.

Majlis turut diserikan dengan acara memotong kek dan persembahan kebudayaan yang dijanjikan oleh Dewan Perniagaan India.

Chennai, pintu masuk ke India Selatan, ialah sebuah bandar yang kaya dengan budaya, perdagangan dan inovasi, di mana dengan kekayaan warisan dan persekitaran perniagaan yang sibuk, Chennai ialah destinasi yang ideal untuk pelancong beriadah dan perniagaan.

Pengembara dari India kini berpeluang untuk meneroka keindahan dan ketenangan NBD, yang terkenal dengan hutan hujan yang asli, layanan mesra dan warisan budaya yang unik.

Sementara itu, pengembara Brunei berpeluang menyaksikan festival meriah di Chennai, kuil yang menakjubkan dan hab komersial yang berkembang maju.

Perjanjian antara talian dan perkongsian kod RB dengan Air India mengukuhkan lagi laluan Chennai, dan perkongsian ini menawarkan hubungan yang lancar untuk penumpang dari bandar lain di seluruh India ke Chennai dan destinasi popular RB, termasuk Melbourne, Hong Kong, Jakarta, Singapura, Seoul, Manila dan Taipei.

Laluan baharu ini meluaskan rangkaian global RB dengan ketara, dan ia mengukuhkan hubungan budaya dan ekonomi antara NBD dan India.

Bermula pada 5 November 2024, RB akan mengendalikan tiga penerbangan mingguan antara Bandar Seri Begawan dan Chennai iaitu pada hari Selasa, Khamis dan Sabtu, dengan menawarkan pengalaman perjalanan yang mudah dan selesa di atas pesawat Airbus A320neo RB yang canggih.

Laluan baharu ini sejajar dengan strategi RB untuk meluaskan jangkauan globalnya dan seterusnya menyumbang kepada Wawasan Brunei 2035, memupuk ekonomi yang dinamik dan hubungan secara global.

Ketika RB terus mengembangkan rangkaiannya, ia tetap komited untuk menyediakan perkhidmatan yang luar biasa dan memperkayakan pengalaman perjalanan untuk penumpang di seluruh dunia.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 25 Oktober. - Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RB) mengumumkan kejayaan pelancaran laluan baharunya, yang menghubungkan Negara Brunei Darussalam (NBD) ke bandar Chennai, India.

Majlis Pelancaran Rasmi yang diadakan di Tarindak D'Seni, dihadiri oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, selaku tetamu kehormat majlis.

Turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat

Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, selaku Pengurus RB; dan Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos, selaku Timbalan Pengurus RB.

Juga hadir, Pesuruhjaya Tinggi India ke NBD, Tuan Yang Terutama Alok Amitabh Dmitri; Presiden Dewan Perniagaan India di NBD, Nazeer Ahamed Zackirah, bersama-sama Lembaga Pengarah RB, dan wakil-wakil utama dari Lembaga Pembangunan Ekonomi Brunei, Pelancongan Brunei, Jabatan Penerbangan Awam Brunei dan Dewan Perniagaan India Brunei.

Terdahulu itu, Ketua Pegawai Eksekutif RB, Kapten Awang Sabirin bin Haji Abdul Hamid,

melahirkan rasa terima kasihnya atas sokongan padu yang telah menjayakan laluan ini.

"Kami menjunjung kasih kepada kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Lembaga Pengarah kami yang dihormati atas sokongan yang tidak berbelah bahagi.

"Kami juga mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Jabatan Penerbangan Awam, Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei, Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi India, dan Dewan Perniagaan India Brunei yang merupakan kunci dalam merealisasikan

Industri penerbangan memacu pembangunan ekonomi



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa berucap.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 25 Oktober. - Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RB) digesa untuk kekal proaktif dalam meneroka kerjasama baharu melalui ketersediaan Perjanjian Perkhidmatan Udara yang ditandatangani.

Sebagai fasilitator, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi akan terus berusaha untuk mewujudkan perjanjian baharu dengan negara-negara tetapi juga menggalakkan syarikat penerbangan menggunakan

perjanjian yang telah ditetapkan. Perkara tersebut ditekankan oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha semasa berucap selaku tetamu kehormat pada Majlis Pelancaran Rasmi Laluan Brunei ke Chennai yang diadakan di Tarindak D'Seni, di sini.

Menurut Yang Berhormat, bersama-sama, mereka boleh memanfaatkan hubungan ini untuk memupuk pertumbuhan selanjutnya, meningkatkan sektor pelancongan, dan meletakkan Negara Brunei Darussalam (NBD) sebagai pemain utama dalam landskap penerbangan.

Terdahulu itu, Yang Berhormat menjelaskan, industri penerbangan adalah penting kepada pembangunan ekonomi, perhubungan global, dan pergerakan orang dan barang.

Menurut Persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa (IATA) jelasnya, Tinjauan Global Jun 2024 untuk Pengangkutan Udara menyaksikan jumlah trafik penumpang udara global telah sepadan dan melepas angka pra-COVID 2019 pada Februari 2024, tahun ini.

Kebanyakan negara tambahnya, dijangka meningkat melebihi paras

pertumbuhan berterusan, dan dalam tempoh 20 tahun akan datang, mereka menjangkakan penumpang dunia akan meningkat secara purata sebanyak 3.8 peratus setahun, menghasilkan lebih 4 bilion perjalanan penumpang tambahan pada 2043 berbanding 2023 dengan Asia Pasifik dijangka mencatatkan peningkatan terpantas dalam bilangan penumpang dan menyumbang kepada lebih banyak lagi daripada separuh daripada peningkatan bersih dalam bilangan penumpang global menjelang 2043.

Selain itu terangnya, di tengah-tengah keimbangan mengenai penurunan hasil kargo udara awal pada tahun 2024, e-dagang yang berkembang pesat dan gangguan berulang dalam kapasiti perkapalan maritim global, telah membawa kepada beberapa kadar pertumbuhan yang positif dan peningkatan dalam tahap trafik yang merupakan perkembangan yang dialu-alukan, kerana ia menjanjikan untuk mengembangkan jumlah kargo udara merentasi semua wilayah pada tahun semasa.

"Pada masa yang sama, jumlah trafik bukanlah satu-satunya cara untuk melihat aktiviti dalam industri penerbangan – bilangan perhubungan juga penting kerana perhubungan memastikan aliran

lancar barang, orang, pertukaran budaya dan idea yang diperlukan untuk menyokong nilai perniagaan global.

"Oleh itu, berlatarbelakangkan ini bahawa merupakan satu penghormatan dan keistimewaan untuk berada di sini bersama anda semua pada petang ini untuk meraikan penerbangan sulung Syarikat Penerbangan RB ke Chennai, India.

"Acara malam ini, bertemakan 'Merapattan Destinasi, Menyatukan Budaya: Hubungan Brunei-Chennai,' menandakan satu kejayaan yang luar biasa dalam bidang pelancongan, perdagangan dan persahabatan antara NBD dan Republik India. Hubungan ini bukan sahaja meningkatkan kerjasama tetapi juga memperkayakan pengalaman dan aspirasi bersama," ujarnya lagi.

Laluan baharu itu menurut Yang Berhormat, sebagai bukti komitmen RB yang tidak berbelah bahagi untuk mengembangkan jejak globalnya, meningkatkan perhubungan udara dan mengukuhkan ikatan dengan pasaran penting di seluruh dunia.

Melalui inisiatif ini, bukan sahaja membuka jalan baharu untuk mengembara tetapi juga mengeratkan hubungan yang menyatukan negara kita.

Dengan pelancaran operasi RB

ke Chennai, India katanya lagi, jumlah bilangan pasangan bandar yang disambungkan ke Bandar Seri Begawan meningkat kepada 21, merangkumi 18 negara.

Peluan itu jelasnya, mencerminkan komitmen berterusan NBD untuk meningkatkan perhubungan global, seperti yang ditunjukkan oleh 40 Perjanjian Perkhidmatan Udara yang ditubuhkan di seluruh dunia.

Kemasukan Chennai dalam rangkaian RB tambahnya, menandakan peristiwa penting, mengukuhkan lagi usaha mereka untuk berhubung dengan dunia dan memupuk hubungan yang lebih erat dengan rakan kongsi antarabangsa.

Perkembangan ini menurutnya, bukan sahaja meluaskan pilihan perjalanan untuk rakyat kita dan meningkatkan pertukaran budaya antara Brunei dan India, tetapi juga untuk meletakkan Brunei sebagai pintu masuk ke destinasi serantau lain dan membuka peluang ekonomi baharu.

Walaupun mereka terus melihat peningkatan dalam bilangan trafik penumpang udara di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei jelasnya, mereka kini berada pada tahap 60 peratus sebelum COVID untuk penumpang trafik udara, di mana RB merupakan penyumbang utama kepada jumlah ini.

MAJLIS MAKAN MALAM RAIKAN DELEGASI AMMDM KE-12



MAJLIS Makan Malam bagi meraikan para delegasi Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN Mengenai Pengurusan Bencana Kali Ke-12 (atas dan atas kanan).

JERUDONG, Rabu, 23 Oktober. - Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN Mengenai Pengurusan Bencana berfungsi sebagai platform untuk menggalakkan kerjasama dan penyelarasan dalam pengurusan bencana dalam kalangan Negara Anggota ASEAN yang memfokuskan kepada pelbagai penglibatan yang bertujuan untuk meningkatkan daya tahan dan keupayaan tindak balas terhadap bencana di seluruh rantau ASEAN.

Justeru itu, perjumpaan seumpamanya adalah merupakan peluang berharga untuk memupuk hubungan yang lebih kukuh dalam

kalangan para menteri dan delegasi untuk bertukar-tukar pandangan selain untuk memupuk persekitaran yang kondusif melalui dialog dan rangkaian berterusan dalam kalangan Negara Anggota ASEAN dalam pengurusan bencana.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam (NBD), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman, selaku Pengerusi Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN Mengenai Pengurusan Bencana Kali Ke-12 (12th ASEAN Ministerial Meeting on Disaster Management-12th AMMDM)



berkata demikian semasa menghoskan Majlis Makan Malam bagi 12th AMMDM dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan yang diadakan di The Empire Brunei, Jerudong.

Yang Berhormat seterusnya dalam ucapannya mengalu-alukan kehadiran para menteri dan delegasi ke NBD, dengan kehadiran Menteri-menteri ASEAN, Timor-Leste selaku Negara Pemerhati, Menteri-menteri dari Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea (ROK) selaku rakan dialog, Sekretariat ASEAN, Pusat AHA dan para delegasi adalah melambangkan perpaduan di rantau ini.

Tambah Yang Berhormat lagi, tahun ini adalah merupakan Ulang Tahun Ke-20 Mesyuarat

Oleh : Nooratin Haji Abas
Foto : Hernie Suliana Haji Otman

Menteri-menteri ASEAN Mengenai Pengurusan Bencana.

Oleh itu, Yang Berhormat turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak atas sumbangan dan kerjasama yang kolektif dan kukuh ke arah mencapai hasrat AMMDM untuk menjadi rantaui ini sebagai peneraju global dalam pengurusan bencana.

Mesyuarat pada tahun ini membawakan tema 'Building a Resilient ASEAN Through Inclusive and Sustainable Disaster Recovery'.

Tema berkenaan menggariskan komitmen NBD dan Negara Anggota ASEAN dalam memupuk pendekatan inklusif dan mampan

bagi pemulihan bencana terutamanya dalam memastikan semua lapisan masyarakat yang terjejas tidak terlepas pandang dan ketinggalan dalam pengurusan bencana.

Selain 12th AMMDM, beberapa mesyuarat sampingan juga diadakan seperti Mesyuarat Persidangan Parti Kali Ke-13 (13th CoP), Mesyuarat AMMDM Bersama Republik Rakyat China Kali Ke-4, Mesyuarat ACDM Bersama Jepun Kali Ke-4, Mesyuarat ACDM Bersama ROK Kali Ke-3 dan Majlis Penandatanganan Memorandum of Intent (MoI) serta pelancaran beberapa buah Projek ASEAN.

Kepentingan perpaduan dalam pemulihan, pembinaan pasca bencana

Oleh : Aimi Sani
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



MESYUARAT Menteri-menteri ASEAN Mengenai Pengurusan Bencana Ke-12 (12th AMMDM) dan Mesyuarat Persidangan Parti Ke-13 (13th CoP) Kepada Perjanjian ASEAN Mengenai Pengurusan Bencana dan Tindak Balas Kecemasan (AADMER) diadakan di The Empire Brunei, Jerudong.

JERUDONG, Khamis, 24 Oktober. - Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN Mengenai Pengurusan Bencana Ke-12 (12th AMMDM) dan Mesyuarat Persidangan Parti Ke-13 (13th CoP) Kepada Perjanjian ASEAN Mengenai Pengurusan Bencana dan Tindak Balas Kecemasan (AADMER) telah diadakan hari ini di The Empire Brunei, Jerudong.

Mesyuarat telah dirasmikan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman selaku tuan rumah dan Pengerusi 12th AMMDM.

Perasmian mesyuarat tersebut turut dihadiri oleh Menteri-menteri dan Wakil-wakil Negara Anggota ASEAN, Timbalan Setiausaha Agung ASEAN Komuniti

Sosiobudaya ASEAN, Sekretariat ASEAN, Pusat Penyelarasan ASEAN bagi Bantuan Kemanusiaan dalam pengurusan bencana (Pusat AHA) dan Timor-Leste sebagai pemerhati serta rakan dialog dari Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea.

Semasa Majlis Perasmian 12th AMMDM, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dalam ucapannya telah menzahirkan ucapan terima kasih kepada Jawatankuasa ASEAN mengenai Pengurusan Bencana (ACOM) atas sumbangan dan komitmen yang tidak berbelah bahagi dalam membina dan mengukuhkan usaha rantau ini dalam pengurusan bencana.

Yang Berhormat turut menyatakan

merakamkan ucapan takziah dan simpati yang mendalam kepada Negara-negara Anggota ASEAN yang telah terjejas dengan kesan Taufan Tropika Yagi baru-baru ini dan menzhirkan rasa solidariti terhadap masyarakat yang terjejas.

Seterusnya, Yang Berhormat juga mengambil maklum dan menghargai usaha dan sikap perpaduan yang ditunjukkan oleh Negara-negara Anggota ASEAN dan Pusat AHA dengan tindak balas yang pantas dalam mengerahkan bantuan kepada mangsa-mangsa yang terjejas.

Selaras dengan tema pada tahun ini iaitu 'Building a Resilient ASEAN Through Inclusive and Sustainable Disaster Recovery', Yang Berhormat turut menyatakan

mengenai kepentingan tindakan yang bersatu dalam pemulihan dan pembinaan semula pasca bencana.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri selanjutnya menekankan bahawa usaha pemulihan bukan sahaja harus teguh, bahkan ia juga harus bersifat saksama dan inklusif terutamanya dalam memastikan bahawa semua individu khasnya wanita, kanak-kanak, warga emas dan orang kurang upaya adalah dikendalikan dengan sepadu tanpa meninggalkan sesiapun.

Semasa Majlis Perasmian 12th AMMDM tersebut juga, Yang Berhormat juga merakamkan penghargaan terhadap usaha ACOM dalam membimbing dan menyelia pelaksanaan Program

kerja ADDMER 2021-2025 serta Lembaga Pengelola Pusat AHA dalam memberi panduan bagi mengoperasikan Pusat AHA malah perancangan strategik untuk masa depan adalah penting dan ia memerlukan pelaksanaan langkah dan penyelesaian yang mampan.

Oleh yang demikian, pencapaian dalam kedua-dua bidang dasar dan operasi adalah penting dalam mencapai aspirasi Perjanjian ASEAN mengenai AADMER, Deklarasi ASEAN mengenai Satu ASEAN, Satu Respons : ASEAN Bertindak Balas Terhadap Bencana sebagai Satu Rantau dan Visi ASEAN 2025 mengenai pengurusan bencana dan dalam memenuhi objektif Pelan Induk Komuniti Sosiobudaya ASEAN (ASCC) 2025.

MEMPERKUKUH KESIAPSIAGAAN BENCANA, MEMBINA KETAHANAN, KAPASITI ASEAN



Siaran Akhbar : Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

JERUDONG, Khamis, 24 Oktober.

— Pada sidang luar Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN Mengenai Pengurusan Bencana Kali Ke-12 (12th AMMDM), Menteri-menteri ASEAN telah menghadiri mesyuarat bersama Rakan Dialog iaitu Mesyuarat AMMDM Bersama Republik Rakyat China Kali Ke-4; Mesyuarat AMMDM Bersama Jepun Kali Ke-4; dan Mesyuarat AMMDM Bersama Republik Korea

Kali Ke-3 di The Empire Brunei.

ASEAN sangat menghargai sokongan berterusan daripada Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea dalam sama-sama memperkuuhkan kesiapsiagaan bencana serta membina ketahanan dan kapasiti melalui penerusan projek-projek pembangunan kapasiti, pembiayaan dan bantuan kemanusiaan di ASEAN.

Dalam pada itu, mesyuarat juga

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri selaku Pengerusi Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN Mengenai Pengurusan Bencana Kali Ke-12 semasa hadir menyaksikan Penandatanganan Memorandum of Intent (MoI) dan Pelancaran beberapa Projek ASEAN (kiri, kanan dan bawah kanan).

diteruskan dengan Majlis Penandatanganan Memorandum of Intent (MoI) dan Pelancaran beberapa Projek ASEAN yang telah disaksikan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, selaku Pengerusi Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN Mengenai Pengurusan Bencana Kali Ke-12.

Mesyuarat pada hari itu diakhiri dengan acara penyerahan kepada pihak Kerajaan Kemboja sebagai Pengerusi yang akan mengambil alih kepimpinan badan sektor yang bertanggungjawab dalam pengurusan bencana dan bantuan kemanusiaan pada tahun 2025.



Wujudkan sistem amaran awal, kukuhkan infrastruktur



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semasa menyertai acara penanaman pokok pada Majlis Memperingati 20 Tahun Tsunami Lautan Hindi dan Hari Pengurusan Bencana ASEAN 2024. Manakala gambar bawah, antara yang menyertai acara berkenaan.

Oleh : Aimi Sani
Foto: Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 25 Oktober. — Majlis Memperingati 20 Tahun Tsunami dan Hari Pengurusan

Bencana ASEAN 2024 diadakan pagi tadi, bertempat di Taman Mahkota Jubli Emas, di ibu negara, di sini.



Majlis Memperingati Tsunami Lautan Hindi yang Ke-20 berkenaan dihadiri bersama oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman selaku Pengerusi Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN Mengenai Pengurusan Bencana Kali Ke-12 pada tahun ini; Menteri-menteri ASEAN dalam Pengurusan Bencana; Pusat AHA (ASEAN Coordinating Centre for Humanitarian Assistance on disaster management) dan EU (European Union) selaku penaja kepada acara berkenaan.

Acara penting berkenaan diadakan dengan tujuan untuk merenungkan kembali kejadian tsunami yang dahsyat dan menjadi satu peringatan pilu yang telah merugut lebih daripada 230,000 nyawa di 14 buah negara, dengan impak bencana yang besar kepada komuniti di Asia Tenggara dan rantau Lautan Hindi.

Yang Berhormat dalam ucapannya mengimbau mengenai impak bencana daripada kejadian tsunami berkenaan yang telah membentuk semula cara

menangani bencana alam dan betapa pentingnya bagi pihak yang berkepentingan untuk mempertingkatkan kesiapsiagaan, kedayaan, mitigasi dan adaptabiliti dalam menghadapi bencana.

Menurut Yang Berhormat, berikut kejadian tsunami tersebut juga telah memperkuuh komitmen dan kesalinghubungan Negara-negara ASEAN dan rantau berkenaan serta seterusnya menekankan keperluan mendesak agar setiap usaha akan terus diselaraskan bagi mengurangkan risiko bencana alam.

Yang berhormat juga turut menyatakan mengenai kepentingan untuk mewujudkan sistem amaran awal dan memperkuuh

sebagai langkah mitigasi dalam menghadapi bencana alam pada masa akan datang.

Tambah Yang Berhormat lagi, penglibatan semua pihak di setiap peringkat masyarakat juga adalah sangat penting dalam sama-sama membantu dan memupuk budaya daya tahan selain mengukuhkan kerjasama serantau terutamanya dalam memastikan mereka yang terjejas akibat bencana menerima sokongan yang diperlukan untuk membina semula kehidupan mereka.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan acara penanaman pokok yang simbolik, bagi menandakan semangat pemulihan yang berkekalan dan sebagai tanda penghormatan, sesuai kepada daya tahan alam semula jadi dan komuniti yang terjejas.



DUTA Kesatuan Eropah ke ASEAN, Tuan Yang Terutama Sujiro Seam semasa berucap.


 سوروهنجاۓ قرخمن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

TIPS MEMUAT NAIK

PENTING:
Pastikan menggunakan pelayar seperti Google Chrome / Mozilla Firefox / Safari

#1
Format fail yang betul


PDF:
Kad Pengenalan, Lesen Memandu, Sijil, Transkrip & Lain-lain Dokumen

#2
Saiz fail tidak melebihi 3MB


JPG / PNG: Gambar Berukuran Passport (Gambar Profil)

#3
Dokumen yang diimbas hendaklah dalam versi asal / berwarna


#4
Nama fail tidak mengandungi sebarang simbol dan jarak (space)


NBD KOMITED KUKUHKAN RANGKAIAN PENERBANGAN



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi menandatangani bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Tuan Yang Terutama Abdulaziz bin Abdullah Al-Duailej, menandatangani bagi pihak Kerajaan Arab Saudi.

Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

>> Muka 1

Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, menandatangani bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, manakala Presiden Pihak Berkusa Am Penerbangan Awam (General Authority of Civil Aviation-GACA) Arab Saudi, Tuan Yang Terutama Abdulaziz bin Abdullah Al-Duailej, menandatangani bagi pihak

Kerajaan Arab Saudi.

Perjanjian baharu berkenaan adalah bagi memperbaharui ASA asal yang ditandatangani pada 1992, mencerminkan hubungan diplomatik yang berkekalan antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Arab Saudi, yang pertama kali ditubuhkan pada 1 Julai 1987.

Perjanjian yang dipertingkatkan berkenaan bertujuan untuk memupuk pilihan pengangkutan udara komersial yang lebih fleksibel, membolehkan syarikat penerbangan yang ditetapkan daripada kedua-dua negara untuk

mengendalikan penerbangan ke lapangan terbang antarabangsa masing-masing.

Perjanjian berkenaan juga sejajar dengan piawaian terkini Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (International Civil Aviation Organization-ICAO) dan mematuhi rangka kerja kawal selia kedua-dua negara.

Menjelang pemeteraian berkenaan, Yang Berhormat mengadakan Mesyuarat Dua Hala bersama Tuan Yang Terutama Abdulaziz, dengan kedua-dua pemimpin berbincang tentang kemajuan dan cabaran dalam sektor penerbangan.

Kedua-dua pihak mengulangi komitmen mereka meningkatkan perhubungan dan memperkuuh hubungan dua hala melalui pengangkutan udara. Kedua-dua

pihak juga menyedari bahawa perkhidmatan penerbangan terus meningkatkan pelancongan dengan ketara, menekankan keperluan untuk penyelaras dengan kapasiti, infrastruktur dan kemudahan lapangan terbang.

Yang Berhormat juga turut mengadakan pertemuan dua hala yang berasingan dengan Pengurusan Serantau untuk Asia Tenggara di Persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa (International Air Transport Association-IATA), Yuli Thompson, yang berpangkalan di Kuala Lumpur.

Kedua-dua pihak tertumpu kepada pelaksanaan bil laluan udara kargo elektronik, promosi pengeluaran bahan api penerbangan mampan, dan dasar visa untuk menggalakkan pelancongan ke NBD.

Sepanjang ICAN2024, delegasi NBD secara aktif mencari peluang untuk membuat rundingan perjanjian perkhidmatan udara yang menyokong piawaian penerbangan global dan memajukan liberalisasi pengangkutan udara.

Dengan 40 ASA dua hala yang telah pun dilaksanakan, NBD akan terus memperkuuh rangkaian penerbangannya yang membolehkan perhubungan udara antarabangsa, yang merupakan pemicu kritikal untuk pelancongan, perdagangan dan pertumbuhan ekonomi.

Ini adalah selaras dengan matlamat negara untuk menjadi hab perjalanan udara serantau, meningkatkan daya tarikannya kepada pelawat dan perniagaan antarabangsa.

Promosikan pertanian mampan, lindungi sumber asli serantau



Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 Oktober. - Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, menghadiri 46th Meeting of the ASEAN Ministers on Agriculture and Forestry (the 46th AMAF Meeting) melalui Sidang Video pada Khamis, 24 Oktober 2024.

Mesyuarat AMAF Ke-46 dipengerusikan oleh Menteri Pertanian, Ternakan dan Pengairan Myanmar, Tuan Yang Terutama U Min Naung.

Semasa AMAF Ke-46, para Menteri ASEAN mengiktiraf kepentingan pertanian mampan, pengurusan hutan mampan, penyahkarbonan (decarbonisation) dan pendigitalan di rantau ASEAN.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan semasa menyertai Sidang Video Mesyuarat AMAF Ke-46.

ber tanggungjawab yang komited terhadap menjaga alam sekitar dan kesaksamaan sosial di arena antarabangsa.

Mesyuarat itu juga mengiktiraf beberapa bidang keutamaan teras untuk kerjasama pada tahun-tahun akan datang dan menggalakkan sektor ASEAN yang berkaitan kumpulan kerja untuk meneruskan usaha mereka, dalam melaksanakan inisiatif penting berkaitan makanan, pertanian dan perhutanan yang mampan yang diterima pakai oleh ASEAN.

Para pemimpin Mesyuarat AMAF Ke-46 berpuas hati dengan kemajuan dalam pelaksanaan rangka kerja dasar berkaitan Kerjasama ASEAN dalam sektor makanan, pertanian dan perhutanan di 2023-2024, yang sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), meletakkan ASEAN sebagai pemimpin yang

daya tahan ekonomi, dan menggalakkan kesihatan ekologi.

Pada hari berikutnya, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan turut menghadiri 24th Meeting of the ASEAN Ministers on Agriculture and Forestry Plus Three (The 24th AMAF Plus Three)

dan 8th ASEAN-India Ministerial Meeting in Agriculture and Forestry (The 8th AIMMAF).

AMAF+3 Ke-24 memuji pencapaian yang dicapai dalam pelaksanaan Strategi Kerjasama ASEAN+3 (APTC) bagi tempoh 2016-2025 dalam beberapa bidang utama, berkaitan dengan pertanian mampan, amalan pertanian yang baik, penyeludupan dan penggunaan teknologi digital, peningkatan pembangunan sumber manusia dan pembinaan kapasiti, strategi untuk menyesuaikan diri, dan mengurangkan perubahan iklim dan inisiatif penghutanan semula pengurusan hutan yang mampan.

Mesyuarat AIMMAF Ke-8 mengiktiraf kemajuan ketara, dalam pelaksanaan Pelan Tindakan Jangka Sederhana Kerjasama ASEAN-India dalam Pertanian dan Perhutanan (2021-2025), melalui menggalakkan pelaburan,

pembangunan sumber manusia dalam subsektor makanan, pertanian, perhutanan, dan perikanan dengan menyediakan peluang kepada belia ASEAN, dan meningkatkan daya tahan sistem semula jadi sambil meningkatkan kapasiti penyesuaian masyarakat manusia, untuk menghadapi bahaya alam sekitar.

Turut hadir dalam mesyuarat tersebut ialah Setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan Pegawai Kanan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

882 GRADUAN POLITEKNIK BRUNEI DIRAIKAN



YANG Berhormat Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Konvokesyen Politeknik Brunei (PB) Ke-10 pada sesi pagi.

Oleh : Haniza Abdul Latif, Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Hernie Suliana Haji Othman



PEMANGKU Pengarah PB ketika berucap.

BERAKAS, Khamis, 24 Oktober. - Seramai 882 orang graduan iaitu 388 orang graduan lelaki dan 494 orang graduan perempuan Politeknik Brunei (PB) Class of 2024 telah menerima Sijil-sijil Diploma Tahap 5 masing-masing pada Majlis Konvokesyen PB Ke-10 Tahun 2024 bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Pelajar-pelajar tersebut telah pun menamatkan program pengajian masing-masing selama tiga tahun yang telah ditawarkan oleh sekolah-sekolah di bawah PB iaitu Sekolah Perdagangan, Sekolah Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Sekolah Sains dan Kejuruteraan, Sekolah Sains Kesihatan dan kohort graduan yang pertama daripada Sekolah Petrokimia.

Diploma Tahap 5 ini adalah diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan melalui Majlis Kebangsaan Pengiktirafan



(Graduate Employment Rate) enam bulan selepas Konvokesyen bagi Kelas 2023 adalah 63.2 peratus. Manakala graduan-graduan yang menyambung pembelajaran ke peringkat tinggi bagi Kelas 2023 adalah 32.5 peratus.

Melalui pencapaian-pencapaian ini katanya, PB terus berjaya untuk kekal sebagai salah satu pembekal sumber tenaga manusia bagi industri sektor awam dan swasta yang berkualiti, berkemahiran tinggi dan berdaya saing.

"Seterusnya hasil daripada Kajian Kepuasan Majikan (Employer Satisfaction Study) bagi Kelas 2022 yang bekerja di sektor awam dan juga swasta, 96 peratus daripada majikan telah memberi maklum balas positif terhadap mutu pekerjaan dan prestasi graduan PB 12 bulan selepas mendapatkan pekerjaan.

"Pada masa yang sama, pencapaian ini juga mencerminkan persiapan daripada pihak PB dalam membekalkan para graduan dengan kemahiran-kemahiran serta kompetensi yang dikehendaki di alam pekerjaan," jelasnya lagi.

Acara kemuncak Majlis Konvokesyen PB Ke-10 pada pagi itu ialah penyampaian Sijil-sijil Diploma Tahap 5 oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan kepada 424 graduan yang mengikuti program-program Diploma Tahap 5 dalam Perakaunan Perniagaan dan Kewangan; Diploma Tahap 5 dalam Pengajian; Diploma Tahap 5 dalam Pengajian Perniagaan (Keusahawanan); Diploma Tahap 5 dalam Pengajian Perniagaan (Pengurusan Sumber Manusia); Diploma Tahap 5 dalam Pengajian Perniagaan (Pemasaran); Diploma Tahap 5 dalam Seni Bina; Diploma Tahap 5 dalam Kejuruteraan Awam; Diploma Tahap 5 dalam Reka Bentuk Dalam; Diploma Tahap 5 dalam Kejuruteraan Kimia; Diploma Tahap 5 dalam Teknologi Peralatan Kimia; Diploma Tahap 5 dalam Teknologi Rawatan Air; Diploma Tahap 5 dalam Teknologi Loji Tenaga dan Sistem Tenaga; Diploma Tahap 5 dalam Teknologi Penyimpanan dan Pengangkutan; Diploma Tahap 5 dalam Teknologi Loji Kuasa Terma; Diploma Tahap 5 dalam Teknologi Sains (Teknologi Makmal Kimia); dan Diploma Tahap 5 dalam Teknologi Makmal.

Turut hadir ke Majlis Konvokesyen sesi pagi, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani selaku Pengerusi Lembaga Pengelola PB; Ahli-ahli Majlis Lembaga Pengelola PB dan penaja-penaja anugerah.

Sementara itu, pada Majlis Konvokesyen sesi petang, penyampaian sijil disempurnakan oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid yang juga hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Para graduan yang menerima sijil pada sesi petang itu menamatkan Program-program Diploma Tahap 5 dalam Media Digital (Level 5 Diploma in Digital



YANG Berhormat Menteri Pembangunan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Konvokesyen sesi petang dan seterusnya menyampaikan sijil kepada penerima.

Media); Diploma Tahap 5 dalam Sistem Maklumat (Level 5 Diploma in Information System); Diploma Tahap 5 dalam Rangkaian Teknologi Maklumat (Level 5 Diploma in IT Network); Diploma Tahap 5 dalam Informatik dan Pengkomputeran Perpustakaan (Level 5 Diploma in Library Informatics and Computing); Diploma Tahap 5 dalam Pembangunan Web (Level 5 Diploma in Web Development); Diploma Tahap 5 dalam Data Analitik (Level 5 Diploma in Data Analytics); Diploma Tahap 5 dalam Kejuruteraan Elektrikal dan Elektronik (Level 5 Diploma in Electrical and Electronics Engineering); Diploma Tahap 5 dalam Kejuruteraan Mekanikal (Level 5 Diploma in Mechanical Engineering) dan Diploma Tahap 5 dalam Kejuruteraan Petroleum (Level 5 Diploma in Petroleum Engineering).

Graduan yang diraikan turut menamatkan Diploma Tahap 5 dalam Kejuruteraan

Telekomunikasi dan Sistem (Level 5 Diploma in Telecommunication and Systems Engineering); Diploma Tahap 5 dalam Sains Kesihatan (Kebersihan dan Terapi Gigi) - Level 5 Diploma in Health Science (Dental Hygiene & Therapy); Diploma Tahap 5 dalam Sains Kesihatan (Perbidanan) - Level 5 Diploma in Health Science (Midwifery); Diploma Tahap 5 dalam Sains Kesihatan (Kejururawatan) - Level 5 Diploma in Health Science (Nursing); Diploma Tahap 5 dalam Sains Kesihatan (Paramedik) - Level 5 Diploma in Health Science (Paramedic); Diploma Tahap 5 dalam Sains Kesihatan (Paramedik) - Level 5 Diploma in Health Science (Environmental Health) dan Diploma Tahap 5 dalam Sains Kesihatan (Paramedik) - Level 5 Diploma in Health Science (Cardiovascular Technology).

Majlis Konvokesyen PB Ke-10 pada sesi petang tersebut diakhiri dengan bacaan Doa Kesukuran.



SUASANA sekitar Majlis Konvokesyen yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas (atas kanan, kanan dan kiri).



GADONG, Rabu, 23 Oktober. - Transformasi digital adalah agenda utama di Negara Brunei Darussalam (NBD), terutama selepas pelancaran Pelan Induk Ekonomi Digital 2025, yang bercita-cita untuk menjadikan NBD sebagai Negara Pintar (Smart Nation) selaras dengan visi Wawasan Brunei 2035.

Dengan panduan Majlis Ekonomi Digital, Kementerian Pendidikan telah mengembangkan Rancangan Transformasi Digitalnya, yang menggariskan usaha strategik untuk mendorong transformasi digital dalam Kluster Pendidikan.

NBD telah membuat kemajuan yang signifikan dalam memperkasakan pendidikan melalui inovasi digital dengan inisiatif yang bertujuan untuk membekalkan tenaga kerja kami dengan kemahiran yang diperlukan bagi menghadapi gelombang digitalisasi, memanfaatkan peluang yang ada dan akhirnya menyediakan pendidikan berkualiti tinggi untuk semua.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh semasa menyampaikan ucapan perasmianya pada Mesyuarat Ahli Lembaga Tadbir

MEMPERKASA PENDIDIKAN MELALUI INOVASI DIGITAL



MESYUARAT Ahli Lembaga Tadbir (GBM) Pusat Inovasi dan Teknologi Pendidikan Kementerian Pendidikan Asia Tenggara (SEAMEO INNOTECH) Ke-68 diadakan di Rizqun International Hotel, Gadong (atas). Manakala gambar atas kiri, Yang Berhormat Menteri Pendidikan menyampaikan ucapannya.

(GBM) Pusat Inovasi dan Teknologi Pendidikan Kementerian Pendidikan Asia Tenggara (SEAMEO INNOTECH) Ke-68, bertempat di Rizqun International Hotel, Gadong, di sini.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan seterusnya berkata, walaupun manfaat inovasi digital dalam pendidikan adalah besar, terdapat pelbagai cabaran seperti Jurang Digital (Digital Divide) iaitu teknologi yang masih tidak seimbang, dengan ramai pelajar kekurangan peranti yang diperlukan dan sambungan internet. Merapatkan jurang digital ini adalah penting untuk menangani keimbangan ini melalui komunikasi terbuka dan dengan menunjukkan faedah yang ketara dalam inovasi digital.

Menyentuh mengenai Keselamatan Siber dan Privasi tambah Yang Berhormat, penggunaan lebih banyak alat digital memerlukan perlindungan

privasi dan keselamatan data pelajar menjadi keutamaan. Melaksanakan langkah keselamatan siber yang teguh adalah penting untuk melindungi maklumat sensitif.

Manakala Rintangan kepada Perubahan (Resistance to Change) pula jelas Yang Berhormat, perubahan boleh jadi menakutkan dan mungkin ada tantangan daripada pendidik, ibu bapa, dan juga pelajar. Ia adalah penting untuk menangani keimbangan ini melalui komunikasi terbuka dan dengan menunjukkan faedah yang ketara dalam inovasi digital.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan seterusnya berkata, walaupun cabaran-cabaran ini memerlukan pertimbangan yang teliti, ia juga memberikan peluang untuk kerjasama dan pertumbuhan bagi negara-negara anggota

SEAMEO untuk menguatkan kerjasama kita.

"Dengan mengumpulkan kepakaran dan sumber daya, kita dapat menangani isu-isu ini dengan lebih berkesan dan membina sistem pendidikan sistem pendidikan yang berdaya tahan dan inklusif untuk rantaui ini melalui semangat kerjasama ini, kita dapat mengatasi halangan dan terus membuat kemajuan menuju matlamat pendidikan bersama kita.

"Melangkah ke hadapan, usaha untuk berinovasi dan menyesuaikan diri mesti diteruskan agar kita dapat mengatasi keimbangan ini. Teknologi AI dan pembelajaran mesin mempunyai potensi untuk merevolusikan pendidikan dengan menyediakan maklum balas masa nyata, mengautomasikan tugas pentadbiran dan menawarkan

Oleh : Aimi Sani
Foto : Alishahrin Haji Mumin

pengalaman pembelajaran yang diperibadian.

"Teknologi imersif ini akan dapat mencipta pengalaman pembelajaran yang menarik dan interaktif, menjadikan konsep yang kompleks lebih mudah difahami dan diingati.

"Perkembangan seperti Kecerdasan Buatan (AI) dan Pembelajaran Mesin serta Realiti Maya dan Realiti Tertambah mungkin menarik, namun perlu ada pertimbangan tentang bagaimana teknologi ini akan benar-benar menangani keimbangan yang yang disebutkan," tambah Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan seterusnya melahirkan harapan agar Mesyuarat GBM SEAMEO INNOTECH Ke-68 ini akan menjadi platform yang berharga untuk memperluas sempadan inovasi dan teknologi dalam memajukan strategi praktikal dan melaksanakannya.

Memperkasakan pendidikan melalui inovasi digital bukan hanya tentang mengadopsi teknologi baharu tetapi juga tentang mempraktikkan semula cara kita mengajar dan belajar.

Dengan mengamalkan strategi baharu kata Yang Berhormat, menangani cabaran dan meneroka arah masa depan, kita dapat mencipta sistem pendidikan yang lebih adil, menarik dan berkesan. Pandangan dan perbincangan yang dilakukan sepanjang dua hari ini akan memainkan peranan penting dalam membimbing usaha kolektif ke arah membina sistem pendidikan yang lebih berdaya tahan dan inklusif di seluruh kawasan SEAMEO.

Perasmian Mesyuarat GBM SEAMEO INNOTECH Ke-68

GADONG, Rabu, 23 Oktober. - Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam hari ini telah menyelaras Mesyuarat Ahli Lembaga Tadbir (GBM) Pusat Inovasi dan Teknologi Pendidikan Kementerian Pendidikan Asia Tenggara (SEAMEO INNOTECH) Ke-68, yang berlangsung selama tiga hari bermula 22 hingga 24 Oktober 2024, bertempat di Rizqun International Hotel, Gadong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi merasmikan Majlis Pembukaan Mesyuarat GBM SEAMEO INNOTECH berkenaan ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr.

Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh. Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pengarah SEAMEO INNOTECH, Dr. Leonor Magtolis Briones yang disampaikan oleh Timbalan Pengarah SEAMEO INNOTECH, Kochakorn Khattapan Acidle selaku wakil, antara lain berkata bahawa salah satu sorotan utama Mesyuarat Lembaga Pengarah tahun ini adalah pembentangan Pelan Lima Tahun Pembangunan SEAMEO INNOTECH Ke-11 (SEAMEO INNOTECH's 11th Five-Year Development Plan).

"Rancangan ini, dibentuk melalui pendekatan Pemikiran Masa

Dewan, mewakili visi bercita-cita tinggi dan proaktif pusat kami untuk tahun-tahun akan datang. Ketika kita menghadapi ketidakpastian masa depan, adalah penting untuk kita menggunakan pemikiran inovatif bagi memastikan SEAMEO INNOTECH tetap bersedia untuk masa depan dan responsif terhadap perubahan dalam landskap pendidikan," terang Dr. Leonor Magtolis Briones.

Acara kemudian diikuti dengan ucapan pembukaan oleh Pakar Dasar dan Perancangan, Sekretariat SEAMEO, Emiljohn Sentillas yang antara lain berkata bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah ini adalah acara penting

bagi Pusat SEAMEO mereka.

Menurut beliau, ia berfungsi sebagai ruang berharga untuk merenungkan pencapaian mereka selain membincangkan kemajuan program yang sedang berjalan dan meneroka inisiatif masa depan.

Dengan memupuk hubungan antara Pusat SEAMEO dan Kementerian Pendidikan, ia juga akan dapat memastikan keselarasan dan responsif terhadap keperluan dan keutamaan yang berkembang di rantaui ini. Majlis diteruskan dengan penyampaian ucaptama oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan

Yang Berhormat Ahli Lembaga Tadbir tahun ini memfokuskan kepada perbincangan utama mengenai hala tuju masa depan SEAMEO INNOTECH, termasuk laporan pencapaian pusat,

pengemaskinian program pendidikan, serta kemajuan dalam bidang seperti pengurusan pengetahuan, penyelidikan, pembangunan kapasiti dan sumber manusia.

Mesyuarat ini menzahirkan sokongan yang berterusan dan kukuh daripada negara-negara anggota SEAMEO terhadap kerjasama serantau dan inovasi dalam pendidikan.

Perbincangan dan hasil mesyuarat ini diharap akan dapat membantu membentuk inisiatif pendidikan strategik serta menyokong matlamat dalam mewujudkan persekitaran pembelajaran yang inovatif dan inklusif di seluruh rantaui. Mesyuarat dianjurkan bersama oleh Jabatan Pengurusan Pendidik, Kementerian Pendidikan dan SEAMEO INNOTECH.



SEBAHAGIAN yang hadir pada Mesyuarat Ahli Lembaga Tadbir (GBM) Pusat Inovasi dan Teknologi Pendidikan Kementerian Pendidikan Asia Tenggara (SEAMEO INNOTECH) Ke-68.

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia

Sila muat turun

PenggunaBijak



USAHA MAJUKAN EKONOMI BERLANDASKAN ISLAM



GADONG, Khamis, 24 Oktober. - Selaras dengan Wawasan Brunei 2035 yang menekankan ekonomi yang dinamik adalah penting untuk meneroka bagaimana nilai-nilai Islam boleh diterapkan dalam konteks pembangunan ekonomi negara.

Pendekatan ini tidak hanya melibatkan pertumbuhan ekonomi yang kompetitif dan berinovasi, tetapi juga memastikan bahawa pembangunan tersebut berpaksikan kepada prinsip keadilan dan kesejahteraan sosial bagi seluruh ummah.

Sehubungan itu, sebuah Forum Perdana bertajuk 'Pembangunan ekonomi ummah menerusi penghayatan Muamalah' diadakan di Dewan Sutra, The Rizqun International Hotel, hari ini, untuk membincangkan berkenaan bagaimana Muamalah boleh dijadikan asas kepada pembangunan ekonomi umat Islam.

Forum Perdana berkenaan merupakan anjuran bersama Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), An Naafii Co, Sahabat Ustaz Abdul Somad Brunei dan P.A.Y. Evans.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid.

Pada Forum Perdana tersebut, Ra'es KUPU SB, Profesor Madya

Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani juga mengetengahkan tentang peranan zakat dan wakaf dalam meningkatkan kesejahteraan ekonomi ummah.

Menurut Profesor Madya Dr. Abdul Nasir, zakat dan wakaf boleh berfungsi dengan efisien bila ia ditadbir dan diuruskan secara efektif. Bila membincangkan mengenai pemberian zakat kepada asnaf-asnaf yang memerlukan, terlebih dahulu perlu untuk memahami mengenai tingkah laku penerima zakat.

Beliau juga menjelaskan bahawa secara lazimnya, bantuan kewangan zakat yang diterima lebih berfokus kepada memenuhi keperluan sehari-hari dan kurang tertumpu kepada penyimpanan. Ini menjadikan keseluruhan sistem menjadi tidak efisien dalam konteks menyumbang kepada ekonomi negara.

Penerima zakat perlu diberikan pengetahuan dan kemahiran berkenaan bagaimana bantuan kewangan yang diterima boleh menjadi modal awal bagi mereka mula menjalankan kegiatan yang boleh membantu meningkatkan aktiviti ekonomi mereka dan seterusnya menyumbang kepada ekonomi negara.

Penerima zakat perlu dibekalkan bukan sahaja bantuan wang zakat kerana itu adalah hak yang telah diberikan oleh Allah, malahan juga perlu diberikan wang modal, kemahiran dan jaminan pemasaran

untuk mereka menjalankan aktiviti perekonomian dan seterusnya mencipta pekerjaan untuk mereka serta masyarakat.

Asnaf zakat diberikan bantuan kewangan dan kemahiran untuk bermula agar mereka boleh berpindah daripada kepompong kemiskinan kepada pencipta pekerjaan dan menjadi penyumbang zakat. Zakat juga boleh dijadikan sebagai instrumen dalam mengukuhkan talian keselamatan sosial. Dana zakat boleh berperanan dalam memberi bantuan segera seperti makanan, tempat tinggal, perubatan dalam keadaan darurat seperti berlakunya pandemik.

Wakaf pula menurut beliau, sering dilihat dalam bentuk kebendaan. Walhal, dana wakaf boleh digunakan bagi perkara-perkara lainnya seperti untuk kemajuan pendidikan, pengembangan kemahiran atau latihan-latihan pendidikan bagi masyarakat khususnya bagi yang tidak berkemampuan.

Melalui dana wakaf tersebut nanti akan melahirkan insan-insan yang berdikari untuk mendapatkan pendapatan bagi kehidupan dan keluarga mereka.

Selain itu, dana wakaf boleh diberikan bagi pelengkap keperluan masyarakat seperti tanah-tanah peribadi yang diwakaf dan didirikan bangunan-bangunan komersial, yang nanti diguna pakai oleh orang-orang awam



YANG Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi) hadir selaku tetamu kehormat pada Forum Perdana bertajuk 'Pembangunan ekonomi ummah menerusi penghayatan Muamalah' (atas). Sementara gambar kiri, para ahli panel pada forum berkenaan.

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

melaksanakan kegiatan perekonomian. Hasil sewa disalurkan kepada kebajikan masyarakat dan program komuniti.

Sehubungan itu, dirumuskan bahawa zakat bukannya hanya melibatkan proses mengutip, menyimpan dan mengagihkan tetapi ia perlu dilihat sebagai platform yang mampu membantu mengubah keadaan Penerima menjadi lebih baik dalam konteks perekonomian hidup mereka.

Selain itu, wakaf pula bukannya hanya setakat dalam bentuk aset, tetapi ia boleh dijelaskan dalam bentuk fizikal dan dimanfaatkan secara efektif. Justeru itu, pengurusan profesional dalam mengumpul dan mengagihkan zakat serta wakaf mampu membantu negara dalam menangani isu kemiskinan. Mendorong orang ramai untuk mengeluarkan zakat kerana melihat kelebihan dan manfaatnya kepada masyarakat dan negara.

Sementara itu, Profesor Dr. Haji Abdul Somad selaku panel kedua membincangkan mengenai penerapan prinsip-prinsip syariah dalam kegiatan operasi Lembaga Kewangan Syariah. Ini termasuk kepatuhan dalam Muamalah seperti memberi barang yang baik, tidak menipu dan aninya.

Antara produk ekonomi syariah seperti yang disampaikan termasuk kewangan syariah,

makanan halal, ubat dan kosmetik, media dan rekreasi serta lain-lain di mana semua berbentuk keperluan masyarakat Islam. Perlu ada pengawasan bagi memastikan bahawa semua produk-produk ekonomi syariah tersebut dilaksanakan sesuai dengan syariah Islam.

Kewangan-kewangan orang Islam pula boleh diuruskan melalui beberapa cara seperti melalui Wadi'ah (tabungan syariah), Mudharabah (penyimpanan kewangan yang ditawarkan oleh dalam bank-bank Islam dengan tujuan pelaburan dan mendapatkan hasil tertentu), Rahn (penggadaian syariah), Giro Syariah dan Ijarah (pembentayaan syariah).

Antara objektif Forum Perdana diadakan adalah untuk meningkatkan pemahaman tentang peranan Muamalah dalam pembangunan ekonomi ummah dan seterusnya menyelaras prinsip ekonomi Islam dengan matlamat ekonomi yang dinamik, Wawasan Brunei 2035.

Forum berkenaan juga diharapkan menjadi wadah dialog dan perbincangan kerjasama antara ilmuwan dan masyarakat dalam usaha memajukan ekonomi berlandaskan ajaran Islam. Forum tersebut dihadiri oleh 600 peserta daripada agensi kerajaan dan swasta, institusi pengajian tinggi dan juga orang awam.

28 murid terima sijil Peperiksaan SSSRU

■ Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

SALAMBIGAR, Jumaat, 25 Oktober. - Seramai 28 murid masing-masing pada Majlis Penyampaian Sijil Peperiksaan Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSSRU) Darjah VI Tahun 1445 Hijrah / 2023 Masihi yang diadakan di Theatre Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB), di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil kepada murid-murid yang diraikan ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Guru Besar Sekolah Ugama Antarabangsa Brunei, Dayang Hajah Intan Khairani binti Pehin

Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Yahya selaku Pengerusi Majlis.

Seterusnya, ucapan daripada wakil penerima Sijil SSSRU Tahun 2023 yang antara lain mengucapkan ribuan terima kasih kepada para tenaga pengajar dan ibu bapa yang telah memberikan sokongan dan dorongan sepanjang pembelajaran di sekolah ugama.

Majlis Penyampaian Sijil SSSRU ini bertujuan untuk meraikan dan menghargai kejayaan murid-murid dalam peperiksaan SSSRU yang lalu di samping sebagai dorongan dan motivasi kepada murid-murid mencapai kejayaan lagi di masa akan datang.

SESI bergambar ramai pada Majlis Penyampaian Sijil Peperiksaan Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSSRU) Darjah VI Tahun 1445 Hijrah / 2023 Masihi.



Riyak merosakkan segala kebaikan

Subhanahu Wata'ala.

Pada hakikatnya, orang yang melakukan riyak bertujuan untuk memperlihatkan kehebatan, kebaikan, perjuangan dan amalannya. Dengan kata lain, riyak merupakan perbuatan yang sia-sia kerana mengandungi anasir kepura-puraan. Mereka akan sentiasa mencari-cari peluang untuk dipuji dan sentiasa dalam keadaan berpura-pura di depan orang. Jika dipuji, ia akan menambah amalannya akan tetapi jika dikeji, ia akan mengurangkan amalannya.

Hal ini setentunya bertentangan dengan kehendak agama kita yang sentiasa menyeru umatnya agar beramal atau melakukan perkara kebaikan dan amal kebijakan dengan hati yang tulus dan ikhlas semata-mata kerana mengharapkan reda Allah Subhanahu Wata'ala. Orang yang melakukan amalannya dengan riyak ini digolongkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai Syirik Asghar atau syirik kecil iaitu perbuatan yang memperseketukan Allah Subhanahu Wata'ala dengan tidak terang-terangan. Daripada Mahmud bin Lubaid Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Perkara yang paling aku takut terjadi pada kamu adalah syirik yang kecil". Para sahabat bertanya : "Apa itu syirik yang kecil wahai Rasulullah". Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Itulah riyak. Allah Azza Wajala akan berfirman pada hari kiamat kelak : Pergilah orang yang kamu hendak tunjukkan amalan kamu kepada-Nya di dunia dan lihatlah adakah di sisi mereka itu ganjaran (dengan sebab amalan kamu)". (Hadis Riwayat Imam Ahmad)

Riyak adalah pemusnah segala amalan dan amalan itu akan menjadi sia-sia tanpa disedari dan juga perosak segala kebaikan. Kerana itu orang yang beramal dengan riyak, ia berdosa dan amalannya tiada diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Sesungguhnya kemegahan, kemasyhuran serta lupa akan kebesaran dan keagungan Allah Subhanahu Wata'ala merupakan antara faktor yang mendorong seseorang itu bersifat riyak dalam kehidupannya. Terdapat sebuah kisah dari hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang boleh dijadikan sebagai satu ikhtibar mengenai tiga golongan yang dicampakkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala ke dalam Neraka Jahanam, sedangkan mereka telah melakukan amalan-amalan yang mulia. Semua ini tidak lain adalah kerana mereka melakukan amalan-amalan itu bukan kerana Allah Subhanahu Wata'ala semata-mata tetapi untuk mendapatkan pujian, penghargaan dan sanjungan daripada masyarakat.

Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu,

aku mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Sesungguhnya manusia pertama yang akan diadili pada hari kiamat nanti ialah seorang lelaki yang mati syahid. Beliau akan dibawa dan didatangkan di hadapan Allah. Kemudian ditunjukkan segala kenikmatan yang telah diberikan kepadanya dan ia mengakuinya. Lalu Allah bertanya : Apa yang telah engkau lakukan dengannya? Lelaki itu menjawab : Aku telah berperang di jalan-Mu sehingga aku mati syahid. Allah menjawab : Engkau bohong! Sebaliknya engkau berperang agar engkau dipanggil pahlawan! Sesungguhnya engkau telah dipanggil dengan gelaran itu. Kemudian lelaki itu diarahkan untuk diseret dengan wajahnya di atas muka bumi, kemudian dilempar ke dalam neraka.

"Kemudian giliran seorang lelaki yang mempelajari ilmu, mengajarkannya dan membaca Al-Quran. Dia dibawa dan Allah menunjukkan nikmat-Nya kepada lelaki itu, dan dia pun mengakuinya. Allah bertanya : Apa yang telah engkau lakukan dengannya? Lelaki itu menjawab : Aku telah mempelajari ilmu, mengajarkan ilmu, mengajarkan ilmu dan membaca Al-Quran kerana-Mu. Allah menjawab : Engkau bohong! Sebaliknya engkau menuntut ilmu untuk dipanggil orang alim dan engkau membaca Al-Quran untuk dipanggil qari. Sesungguhnya engkau telah dipanggil dengan gelaran itu. Kemudian lelaki itu diarahkan untuk diseret dengan wajahnya di atas muka bumi, kemudian dilempar ke dalam neraka.

"Kemudian giliran seorang lelaki yang Allah meluaskan kepadanya harta dan dia memberikan kesemua hartanya kepada orang yang berhak. Dia dibawa dan Allah menunjukkan nikmat-Nya kepada lelaki itu dan dia pun mengakuinya. Allah bertanya : Apa yang telah engkau lakukan dengannya? Lelaki itu menjawab : Tidak aku tinggalkan sedikit pun jalan yang mana engkau suka untuk harta dibelanjakan padanya melainkan aku membelanjakan hartaku pada jalan itu untuk-Mu. Allah menjawab : Engkau bohong! Sebaliknya engkau melakukan hal itu untuk dipanggil dermawan. Engkau mendapat gelaran itu kemudian lelaki itu diarahkan untuk diseret dengan wajahnya di atas muka bumi. Kemudian dia dilempar ke dalam neraka. Abu Hurairah Radiallahuanhu berkata, kemudian Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menepuk pahaku sambil berkata, wahai Abu Hurairah, mereka adalah manusia pertama yang merasakan panasnya api Neraka Jahanam di hari kiamat nanti". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Riyak adalah sifat yang dilarang dalam agama Islam, maka setiap Muslim hendaklah sentiasa berusaha menjauhinya

agar dapat membersihkan diri, hati, perasaan dan jiwa dalam menjalani kehidupan. Adapun antara langkah paling penting untuk merawat atau mengatasi sifat riyak ini ialah dengan cara :

Pertama : Mujahadah iaitu penyerahan yang bersungguh-sungguh dalam menyingsirkan hawa nafsu dan syahwat.

Kedua : Muraqabah iaitu sikap lebih memperhatikan perbuatan diri dan menjaga tepi kain sendiri. Seorang hamba yang ingin menjadi insan bertakwa mestlah melatih dirinya agar sentiasa menjaga dan memperhatikan perbuatan dan tingkah lakunya sendiri.

Ketiga : Taubat iaitu kembali kepada Allah Subhanahu Wata'ala setelah melakukan perbuatan maksiat atau meninggalkan perintah-perintah agama dengan cara memohon ampun dan menyesali akan perbuatan dosa yang telah dilakukan dan berazam untuk tidak akan berbuat dosa lagi dan lebih rajin melakukan amal soleh.

Keempat : Tawaduk erti menuaikan hak Allah Subhanahu Wata'ala dengan bersungguh-sungguh, taat menghambarkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Tawaduk juga dapat diertikan dengan merendah diri.

Kelima : Ikhlas mengerjakan amal ibadah semata-mata mengharapkan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Keenam : Bersyukur terhadap nikmat yang telah dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala. Orang yang memperoleh limpahan nikmat Allah Subhanahu Wata'ala berupa ilmu pengetahuan, kekayaan, pangkat, kedudukan dan seumpamanya, hendaklah bersyukur dan memanfaatkan segala nikmat yang telah dikurniakan itu bagi kepentingan diri, keluarga, masyarakat, agama, bangsa dan juga negara dengan mengikut jalan yang diredayai oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Akhirnya, marilah kita sama-sama muhasabah diri dengan membentulkan niat dalam melakukan sesuatu perkara dengan ikhlas semata-mata kerana Allah Subhanahu Wata'ala. Apabila terdetik sahaja perasaan riyak dalam hati, segeralah ingat kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan memohon keampunan kepada-Nya. Mudah-mudahan segala amal perbuatan yang kita lakukan mendapat keredaan, keberkatan dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Ya Rabbal Alamin.

Tafsirnya : "Maka celakalah orang-orang bersembahyang. (Iaitu) mereka yang lahir terhadap sembahyang mereka. (Juga) mereka yang berkeadaan riyak". (Surah Al-Maun, ayat 4-6)

BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman di dalam Surah An-Nisa, ayat 38 :

Tafsirnya : "Dan (juga) orang-orang yang membelanjakan harta mereka kerana riyak kepada manusia dan mereka tidak pula beriman kepada Allah dan tidak juga kepada hari akhirat. Sesiapa yang menjadikan syaitan itu sebagai temannya maka syaitan adalah seburuk-buruk teman".

Agama kita menuntut umatnya agar memiliki sifat-sifat yang terpuji dan mlarang umatnya daripada bersifat keji bagi mencapai kebahagiaan dan kejayaan hidup di dunia dan juga di akhirat. Dalam agama Islam, sifat riyak adalah antara sifat yang keji dan tercela. Riyak adalah penyakit rohani iaitu perbuatan yang tersembunyi di dalam hati dan perasaan seseorang dengan niat dan tujuan tertentu. Menurut Imam Al-Hafiz Ahmad ibn Hajar Al-Asqalani, riyak adalah menzahirkan suatu ibadah dengan tujuan agar ia dilihat manusia lalu mereka memuji pelaku amalan tersebut. Ia berbeza dengan mereka yang menzahirkan amalannya bagi mendorong manusia lain untuk mencontohnya di mana terdapat kemanfaatan di dalamnya sambil sentiasa berlumba-lumba melaksanakan amalan soleh semata-mata kerana Allah

15 belia sertai SSEAYP Ke-48



SESI bergambar ramai pada pratonton Persembahan Kebudayaan Kebangsaan (National Presentation) berlangsung di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Siaran Akbar dan Foto : Jabatan Belia dan Sukan

BERAKAS, Khamis, 24 Oktober. - Negara Brunei Darussalam (NBD) pada tahun ini sekali lagi telah dipelawa bagi mengikuti Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun (SSEAYP)

Kali Ke-48, yang merupakan Program Pertukaran Belia Antarabangsa dilaksanakan khusus untuk belia rantau ASEAN dan Jepun.

NBD akan menghantar satu

kontinen seramai 15 belia dan seorang Ketua Kontinen (National Leader) dengan keramaian keseluruhan 168 belia daripada 11 buah negara yang menyertainya.

Program SSEAYP 2024 tahun ini akan berjalan selama 38 hari, mulai 4 November hingga 11 Disember

2024 bermula di Tokyo, Jepun dan akan singgah di beberapa negara ASEAN iaitu Viet Nam dan Republik Indonesia sebelum kembali ke Tokyo.

Peserta program akan mengikuti aktiviti-aktiviti yang disusun oleh negara-negara disinggahi termasuk Majlis Selamat Datang, Aktiviti Tinggal Bersama Keluarga Angkat dan Lawatan Sambil Belajar.

Salah satu pengisian Program SSEAYP ini mengehendaki setiap kontinen untuk membuat Persembahan Kebudayaan sebagai salah satu saluran untuk memperkenalkan identiti dan kebudayaan negara negara masing-masing.

Bagi tujuan tersebut, satu pratonton Persembahan Kebudayaan Kebangsaan (National Presentation) telah diadakan di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang akan dipersembahkan oleh kontinen negara semasa majlis-majlis resepsi di negara-negara tempat persinggahan dan juga sebagai aktiviti pengenalan negara di atas Kapal Nippon Maru yang akan digunakan sepanjang pelayaran di laut.

Hadir menyaksikan pratonton tersebut ialah Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly selain tetamu kehormat.

Antara persembahan kebudayaan yang telah disediakan termasuk Warisan Satu Anugerah, Adai-Adai, Dundang Beranyut, Joget Hati Tertawan dan Silat Melayu.

Sebelum itu, majlis terlebih dahulu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat diketuai oleh Ketua Belia Kontinen Negara Brunei Darussalam ke SSEAYP Ke-48, Awang Mohammad Azid bin Haji Mohamed Sambas dan diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pegawai Belia dan Sukan, Syed Abdul Muiz bin Haji Syed Anayatullah Shah selaku Ketua Kontinen NBD.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan penyampaian sijil penghargaan dan cenderamata kepada penaja-penaja yang memberikan sokongan dan tajaan kepada kontinen NBD ke SSEAYP 2024.

Atur cara juga menyaksikan tayangan video pengenalan kontinen serta Persembahan Cheers dan diakhiri dengan sesi bergambar ramai bersama tetamu kehormat.

Riyak Merosakkan Segala Kebaikan

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 21 Rabiulakhir 1446H bersamaan 25 Oktober 2024M


 حفظها الله
JABATAN HAL EHWAH MASJID
KEMENTERIAN HAL EHWAH UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Riyak adalah:

Menzahirkan sesuatu ibadah dengan tujuan agar ia dilihat manusia lalu mereka memuji pelaku amalan tersebut



Riyak adalah pemusnah segala amalan dan amalan itu akan menjadi sia-sia tanpa disedari



Antara langkah paling penting untuk merawat atau mengatasi sifat riyak :

Mujahadah

Bersungguh-sungguh dalam menyingkirkan hawa nafsu dan syahwat



Muraqabah

Memperhatikan perbuatan diri dan menjaga tepi kain sendiri



Taubat

Memohon ampun & menyesali akan perbuatan dosa yang telah dilakukan & berazam untuk tidak akan berbuat dosa lagi & lebih rajin melakukan amal soleh



Tawaduk

Menunaikan hak Allah dengan bersungguh-sungguh



Ikhlas

Ikhlas mengerjakan amal ibadah semata-mata mengharapkan keredhaan Allah



Bersyukur

Bersyukur terhadap nikmat yang telah dikurniakan Allah

KHATAM AL-QURAN RAIKAN 358 BAKAL GRADUAN IBTE KE-32



SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam dan Doa Kesyukuran bersempena Majlis Konvokesyen IBTE Ke-32 (atas). Manakala gambar kanan, sebahagian yang hadir pada majlis tersebut.

MANGGIS / MADANG, Rabu, 23 Oktober. - Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) telah meraikan seramai 358 bakal graduan yang terdiri daripada 151 lelaki dan 207 perempuan dalam Majlis Khatam dan Doa Kesyukuran, hari ini.

Majlis yang berlangsung di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang, di sini merupakan anjuran IBTE bersempena Majlis Konvokesyen

IBTE Ke-32.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad. Turut hadir semasa majlis tersebut ialah Pengarah Pendidikan Teknik / Ketua Pegawai Eksekutif IBTE, Dr. Awang Haji Mohd. Zamri bin Haji Sabli; Pegawai-pegawai Pengurusan IBTE serta jemputan khas yang terdiri daripada pegawai-pegawai, tenaga pengajar dan kakitangan

IBTE serta ibu bapa dan penjaga bakal graduan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Selawat Tafrijiyah beramai-ramai yang diketuai oleh Awang Kaseh Ikhwan Afif Jazimin bin Mohammad Rosdi iaitu pelajar HNTec dari IBTE Kampus Mekanikal, diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatiha yang dipimpin oleh tetamu kehormat majlis.

Bacaan surah-surah Al-Quran seterusnya dibacakan oleh para peserta khatam yang diketuai oleh

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



Awang Muhammad Sakhawi bin Saiful dan Awang Mohd. Hanif Hamizan bin Haji Zakaria, bakal graduan dari IBTE Kampus Nakhoda Ragam.

Doa Khatam Al-Quran dipimpin oleh Awang Ahmad Izzat Mu'inuddin bin Haji Masli, bakal graduan dari IBTE Kampus Bisnes dan kemudiannya diikuti dengan bacaan Takhtim oleh pelajar-pelajar perempuan dari IBTE Kampus Sultan Saiful Rijal.

Majlis turut diserikan dengan Dikir Marhaban yang diketuai oleh Awang Shaifulbahri bin Haji Ahmad

dan pelajar-pelajar IBTE serta diakhiri dengan bacaan Doa Kesyukuran yang dipimpin oleh Awang Mohammad Akmal Hakim bin Mohamad Alihan, pelajar dari Kampus IBTE Jefri Bolkiah.

Majlis keagamaan tersebut merupakan salah satu acara tahunan yang diadakan sempena Majlis Konvokesyen IBTE yang bertujuan untuk menyentuh semangat para pelajar agar mencintai Al-Quran serta membudayakan amalan membaca Al-Quran dalam kehidupan sehari-hari mereka.

Pastikan teknologi dalam sistem pendidikan bersetujuan



SETIAUSAHA Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Dr. Dayang Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin hadir selaku tetamu kehormat pada pelancaran Laporan Pemantauan Pendidikan Global (GEM) Tahun 2023 bagi Asia Tenggara dan seterusnya menyampaikan ucapan pada majlis tersebut (atas dan atas kanan).

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

GADONG, Rabu, 23 Oktober. - Pusat Serantau SEAMEO VOCTECH, Negara Brunei Darussalam (NBD) menganjurkan pelancaran Laporan Pemantauan Pendidikan Global (GEM) Tahun 2023 bagi Asia Tenggara yang berlangsung pagi tadi di pusat berkenaan.

Perasmian tersebut bersempena Sesi Perkongsian mengenai Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) yang inklusif untuk Masa Depan Hijau dan Digital serta sebagai sebahagian daripada Mesyuarat Ahli Lembaga Tadbir Ke-35.

Terdahulu, Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian

Pendidikan, Dr. Dayang Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin yang juga hadir selaku tetamu kehormat dalam ucapannya menjelaskan bahawa peranan teknologi dalam pendidikan tidak dapat dipertikaikan. Ia telah merevolusikan cara mengajar dan belajar dengan merapatkan jurang dalam akses pengetahuan dan meningkatkan kualiti pendidikan di seluruh dunia.

Menurutnya, dalam dunia digital yang serba pantas ini, teknologi memainkan peranan yang semakin penting dalam menyediakan generasi akan datang bagi menghadapi cabaran dan peluang dalam Abad Ke-21.

"Kita mesti menyediakan generasi untuk celik teknologi, melengkapkan mereka dengan kemahiran digital dan keupayaan pemikiran kritis yang akan membolehkan mereka berkembang maju dalam dunia di mana teknologi terus berkembang pesat.

"Dengan pemikiran ini dan sebagai sebahagian daripada Cross Cutting Enablers dalam Pelan Strategik Kementerian Pendidikan 2023-2027 bahawa kami komited untuk menggabungkan infrastruktur teknologi inovatif melalui transformasi digital dalam pendidikan yang meningkatkan pengalaman pembelajaran, memupuk penglibatan dan pemahaman yang lebih baik serta

mempersiapkan mereka dengan dunia berteknologi," jelas beliau lagi.

Katanya lagi, dalam menyediakan generasi baharu bagi masa depan digital, sistem pendidikan mesti melangkaui sekadar pengenalan alat digital di dalam bilik darjah. Kita perlu memupuk literasi digital di setiap peringkat pendidikan dari peringkat awal kanak-kanak hingga ke pendidikan tinggi dan latihan teknikal serta vokasional.

Sehubungan itu, bagi meneruskan usaha menonjolkan kepentingan teknologi dalam pendidikan, Laporan GEM Tahun 2023 adalah sumber yang tepat pada masanya dan tidak ternilai. Laporan ini berfungsi sebagai alat penting dalam membantu memahami cara teknologi digunakan dalam pendidikan di seluruh Asia Tenggara.

Laporan GEM, yang dihasilkan oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) dengan kerjasama SEAMEO, bertajuk 'Technology in Education : A Tool on Whose Terms?', mengkaji bagaimana teknologi digunakan dalam pendidikan di 11 buah negara di Asia Tenggara termasuk NBD.

Ia menyeru pihak kerajaan untuk memastikan teknologi dalam pendidikan adalah sesuai, saksama dan berskala, memfokuskan kepada kelestarian sosial, ekonomi dan alam sekitar.

Sesi perkongsian tersebut meneroka bagaimana sistem TVET boleh menyepakati kemampuan dan keterangkuman untuk memenuhi permintaan industri yang berkembang pesat.



Sumbangan daripada ahli lembaga pengarah dan pakar industri daripada GIZ RECOTwin, Labtech International, CAITO, dan NISAI memberikan pandangan berharga tentang pembangunan kurikulum, latihan guru dan menyelaraskan TVET dengan keperluan industri moden yang berubah-ubah.

Sesi itu juga menekankan kepentingan menyediakan tenaga kerja dengan kemahiran untuk masa depan bagi menyokong pertumbuhan ekonomi yang mampan dan keterangkuman sosial bagi memudahkan rangkaian dan kerjasama untuk membangunkan kemahiran profesional di seluruh Asia Tenggara.

Sebagai tambahan, acara ini menyediakan peluang untuk rangkaian dan kerjasama masa depan yang berpotensi, memfokuskan kepada pembangunan kemahiran profesional di seluruh Asia Tenggara.

34 PESERTA BERTANDING DI MUSABAQAH MEMBACA AL-QURAN



Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Alishahrin Haji Mumin

TUTONG, Khamis, 24 Oktober. — Seramai 34 peserta terdiri daripada 27 qari dan tujuh qariah telah terpilih dan akan bertanding di Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan bagi Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi.

Pengumuman pertandingan tersebut diadakan petang tadi di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong, yang turut diselajurkan dengan Majlis Penyampaian Hadiah Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Saringan Kebangsaan bagi Tahun 1446H / 2024M.

Johan qari dan qariah Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Saringan Kebangsaan bagi Tahun 1446H / 2024M masing-masing

disandang oleh Awang Ahmad Naufal bin Haji Nor Asman dari Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kampung Jangsak dan Dayangku Alya Syahirah binti Pengiran Haji Jofri dari Masjid Kampung Serdang.

Sementara itu, naib johan qari disandang oleh Awangku Muhammad Ammarul Amysar bin Pengiran Haji Marjuki dari Masjid Kampung Serdang dan tempat ketiga dimenangi oleh Awang Zainal Mustapa bin Jaluddin dari Masjid Kampung Tanjong Bunut.



Menyandang naib johan qariah ialah Dayang Lina Musfirah binti Haji Abd. Wahab dari Masjid Kampung Kilanas dan Dayangku Alma Hazirah binti Pengiran Haji Jofri dari Masjid Kampung Pulaie mendapat tempat ketiga.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan suguhan kepada para hakim dan hadiah serta sijil penyertaan kepada para peserta ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Bahagian Dasar dan Keugamaan) Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Omar.

Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Saringan Kebangsaan bagi tahun ini telah diadakan selama tiga hari bermula dari 22 hingga 24 Oktober 2024.

Antara kriteria pemilihan bagi

melayakkan diri ke peringkat seterusnya ialah para peserta yang bertanding dalam Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Saringan ini hendaklah peserta qari dan qariah yang memperoleh markah 80 peratus ke atas.

Terdahulu majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan seterusnya pengumuman keputusan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Saringan Kebangsaan bagi Tahun 1446H/2024M oleh Pengurus Jemaah Hakim Musabaqah, Awang Mohammad Ali Sabri bin Haji Yusof.

Antara tujuan musabaqah ini diadakan adalah untuk melahirkan generasi muda yang boleh membaca Al-Quran dengan lancar dan sempurna, di samping memupuk semangat suka

PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Bahagian Dasar dan Keugamaan) Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Shamsol bin Haji Omar hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada penerima (kiri dan kiri sekali).

membaca Al-Quran dalam kalangan peserta khususnya dan menjadikan pembacaan Al-Quran sebagai amalan sehari-hari mereka.

Musabaqah ini juga diharatkan bagi menghayati isi kandungan Al-Quran agar dapat disemaikan dalam kehidupan beragama, berbangsa dan bernegara.

Selain itu, ia bertujuan untuk mencari peserta qari dan qariah yang berpotensi dan berkriteria untuk bertanding di peringkat seterusnya.



ANTARA peserta yang menyertai pertandingan berkenaan.

BGIC Ke-20 fokuskan pendidikan berkualiti

Oleh : Nurhamiza Haji Roslan
Foto : Dk. Nur Hafizah Pg. Osman

SUNGAI HANCHING, Khamis, 24 Oktober. — Persidangan Isu-isu Global Borneo (Borneo Global Issues Conferences - BGIC) Ke-20, Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB) akan bermula pada 24 Oktober hingga 27 Oktober 2024 dan diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas.

Persidangan pada tahun ini membawa fokus kepada Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Keempat iaitu Pendidikan Berkualiti dan akan melibatkan hampir 250 perwakilan daripada 23 buah sekolah di mana 21 buah sekolah terdiri dari sekolah-sekolah dari seluruh Negara Brunei Darussalam dan dua buah sekolah lagi dari luar negara. BGIC Ke-20 dihoskan oleh ISB dan rakan persidangan ialah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan juga Kementerian Pendidikan.

Sehubungan itu, Sidang Media mengenai BGIC Ke-20 diadakan pagi tadi di ISB, Sungai Hanching bagi memperkenalkan penceramah utama BGIC tahun ini iaitu Dr. Stuart Lawrence dan Linda Cruse.

Dr. Stuart Lawrence ialah seorang penceramah motivasi yang telah memenangi anugerah. Beliau juga merupakan seorang guru, pemidato, pengarang dan konsultan yang berusaha ke arah memupuk cara berfikir dan kemahiran untuk mencapai potensi kepada belia dan orang dewasa.

Manakala Linda Cruse ialah Pengasas Race4Good. Beliau juga seorang pekerja bantuan kemanusiaan, penulis dan penceramah yang komited untuk membantu komuniti yang terjejas akibat bencana di seluruh dunia.

Beliau terkenal dengan kaedah

bantuan bencana yang inventif, mengutamakan pemerksaan penduduk tempatan untuk pembinaan semula yang mampan. Melalui tulisan dan ucapannya, Linda menyampaikan pengalamannya untuk memotivasi orang lain ke arah bertindak yang memberi impak.

Hadir pada Sidang Media BGIC ISB Ke-20 ialah Ketua Pengurusan Perhubungan Strategik Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Dayangku Rodzi binti Pengiran Abdul Rahman dan Pengurus HSE di Brunei LNG Sdn. Bhd., Awang Amir Hamzah bin POKPSDP Haji Abdul Rahman.

Turut hadir sebagai ahli panel ialah Pengetua Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif ISB, Dominic Morley; Setiausaha-setiausaha Agung BGIC ISB, Francisca Vega dan Zara Jeffri dengan rakan Setiausaha Agung BGIC ISB, Emilia Lim sebagai Juruacara.

Hadir sama menyaksikan Sidang Media, Pengurus Besar ISB, Dayang Vienna Law; Timbalan Pengetua ISB, Dayang Ai Ling Wong dan pengjur BGIC ISB David Glantz dan Rowena Miles, Pengurus Jawatankuasa BGIC ISB dan kakitangan ISB.

Tema BGIC ISB pada tahun ini ialah 'Matlamat Pembangunan Mampan 4 : Pendidikan Berkualiti dan bagaimana kita boleh memastikan bahawa pendidikan berkualiti yang inklusif dan saksama menyokong pembangunan mampan?'.

Menyentuh mengenai tema, Dominic Morley menjelaskan bahawa ISB amat percaya dalam melabur ke arah membangun modal insan dan pendidikan berkualiti untuk meningkatkan



SIDANG Media mengenai Isu-isu Global Borneo (Borneo Global Issues Conferences - BGIC) Ke-20 diadakan di Sekolah Antarabangsa Brunei, Sungai Hanching

produktiviti, kemakmuran dan kualiti hidup semua ahli komuniti tempatan dan global ISB.

"Oleh itu, kami telah menganjurkan BGIC ISB secara besar-besaran sejak penubuhannya dua dekad yang lalu, dengan matlamat utama untuk memberi manfaat kepada belia, masyarakat dan komuniti kita," jelas beliau.

Beliau juga menzhirkan rasa gembira kerana tema persidangan tahun ini menonjolkan kepentingan pendidikan berkualiti untuk meningkatkan ekonomi global, memastikan pembangunan mampan dan memperkasakan belia bagi menyokong SDGs dan melindungi masa depan bumi kita.

Antara perisian BGIC ISB Ke-20 ini nanti ialah majlis pelancarannya pada hari pertama diikuti dengan sesi ucaprama, perbincangan komiti dan perhimpunan agung. Persidangan akan diteruskan dengan sesi perbahasan dan

permusatan resolusi berkaitan tema persidangan.

Topik-topik yang akan dibahaskan, antara lainnya ialah menangani cabaran pendidikan berkualiti, akses kepada pendidikan yang adil dan saksama, kesedaran mengenai alam sekitar dan amalan-amalan mesra alam dan mengintegrasikan pengetahuan literasi digital ke dalam kurikulum sekolah.

BGIC ISB merupakan persidangan tahunan yang diterajui oleh pelajar-pelajar ISB. Ia digayakan untuk mengikut model persidangan Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di mana peserta-peserta akan mewakili negara-negara pilihan untuk menyuarakan pandangan mereka mengenai pelbagai isu semasa dunia.

Inisiatif ini bertujuan untuk membangun pemahaman pelajar tentang kewarganegaraan global, kemahiran kritis dalam penyelidikan, pengucapan awam,

dan perundingan. Persidangan tahun ini menandakan pencapaian penting untuk ISB memandangkan ia adalah edisi yang ke-20 dan bersempena ulang tahun ISB Ke-60, melambangkan enam dekad kecemerlangan akademik inklusif.

Persidangan ISB BGIC Ke-20 disokong oleh penaja Golden Tree iaitu Syarikat Brunei Shell Petroleum Sdn. Bhd. dan BIBD; penaja Silver Leaf iaitu Brunei LNG Sdn. Bhd.; penaja Bronze Earth iaitu Dynamik Technologies Sdn. Bhd., Brunei Fertilizer Industries Sdn. Bhd., CfBT Education Services (B) Sdn. Bhd. dan Imagine Sdn. Bhd.; dan penaja barang iaitu Aewon Garment & Embroidery, TLT Enterprise, D'Sunlit Sdn. Bhd., Interhouse Company, Air Cat Logistics Sdn. Bhd. dan Brunei Press Sdn. Bhd.

Persidangan ISB BGIC Ke-20 turut disokong oleh Green Brunei dan Jabatan Perdana Menteri bersempena Kem Belia SDG.

IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURIAH TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN


PERINGATAN PENTING

- 1 Teliti Skim Iklan sebelum memohon.
- 2 Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan serta huriahan iklan akan ditolak.
- 3 Lengkapkan Profil PSCR 2.0 (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
- 4 Lengkapkan Kelulusan (keputusan / pangkat serta subjek / bekalan kelulusan)
- 5 Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap (SPPK) yang berlaku
- 6 Tandaikan "✓" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
- 7 Lengkapkan Maklumat (kursus / pelajaran / pengalaman Perkhidmatan Awam / latihan-latihan profesional dan lain-lain yang diperlukan di dalam iklan)

JABATAN ADAT ISTIADAT NEGARA JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Sebut Harga :
JAIN / 2 / 2019 - 2024 (01)

Tajuk Tawaran :
Pembelian dan Pembekalan Kenderaan Jenis Van Minima 9 Tempat Duduk untuk Jabatan Adat Istiadat Negara

Tarikh Tutup / Jam:
19 November 2024 – Selasa.
(2.00 Petang)

Tempat Menghantar Tawaran:
Peti Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri, Jalan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan BB3913, Negara Brunei Darussalam.



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Bahagian Khidmat Bakti Negara [BKBN]

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran :
11 / SEPTEMBER / KKBS / BKBN / 1.41 / 24

Tajuk Tawaran :
Kontrak Pembekalan Serta Penghantaran Pelbagai Pakaian Bagi Tiga (3) Pengambilan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN)

Tarikh Tutup :
Selasa,
5 November 2024.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



JABATAN BANDARAN TUTONG KEMENTERIAN HAL EHWA DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran:
JBT / S / 14 / 2024 - 2025

Tajuk Tawaran:
Kerja-Kerja Membalik Jubin Di Kawasan Bangunan Gerai Selera Tutong, Jalan Menteri Taib, Pekan Tutong

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu, 6 November 2024
Jam 2.00 Petang



Jawatan, Tanda Gaji dan Bilangan Iklan	Jabatan dan Kementerian	Kekosongan	Jenis Iklan	Tarikh Tutup Permohonan
1. PENOLONG PEGAWAI UGAMA C.3-4 EB.5 (BAHAGIAN III) 2024/OCT/03/KHEU	JABATAN HAL EHWA SYARIAH, KEMENTERIAN HAL EHWA UGAMA	01	7(A)	02 NOVEMBER 2024
2. PEMBANTU KANAN PERKEMBANGAN UGAMA C 1-2 EB 3 (BAHAGIAN III) 2024/OCT/02/KHEU	PUSAT DAWAH ISLAMIAH, KEMENTERIAN HAL EHWA UGAMA	02	7(A)	02 NOVEMBER 2024

PERINGATAN:
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIKLANKAN DI BAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.

3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEH DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN



Jabatan Pertubuhan-Pertubuhan Antarabangsa

Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri

Iklan Jawatan Kosong

Jawatan Kosong Di OIC General Secretariat In Jeddah

Jawatan : Director of Asian Affairs – Political Affairs Department, Jeddah, Kingdom Of Saudi Arabia

Tarikh Tutup :
30 Oktober 2024.

Untuk makluman, pemohon-pemohon yang berminat hendaklah menghadapkan permohonan dan curriculum vitae melalui e-mel: vacancy@oic-oci.org



Bilangan Tawaran:
JBBSB / SH / 2024-2025 / 53 / UB / 08

Tajuk Sebut Harga:
One (1) Year Term Contract For Maintenance And Repair Machines For Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan

Hari, Tarikh dan Jam Tutup:
Khamis,
31 Oktober 2024,
Jam 2.00 Petang.

Keterangan Lanjut Boleh Diperoleh Dari:
Unit Bengkel, Bahagian Pengurusan Pemuliharaan Estet Depot Jabatan Bandaran, Kampung Belimbing Subok, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan



Bahagian Khidmat Bakti Negara [BKBN]
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran :
10 / SEPTEMBER / KKBS / BKBN / 1.41 / 24

Tajuk Tawaran :
Pembekalan Serta Penghantaran Pelbagai Pakaian Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Ke-13

Tarikh Tutup :
Selasa,
5 November 2024.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



Bahagian Khidmat Bakti Negara [BKBN]
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran :
12 / SEPTEMBER / KKBS / BKBN / 1.41 / 24

Tajuk Tawaran :
Kontrak Penggal Tiga (3) Tahun Bagi Perkhidmatan Menjahat Serta Menghantar Pakaian Seragam Program Khidmat Bakti Negara (PKBN)

Tarikh Tutup :
Selasa,
5 November 2024.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



Iklan Tarikh Lanjutan

Jemputan Untuk Memberi Tawaran Jabatan Perkhidmatan Elektrik Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / PDP / 005 / 2024

Tajuk:
Implementation Of Distribution Management System (DMS) Into The DES Distribution Network (Recall)

Tarikh Tutup:
19 November 2024
(Selasa, Jam 2.00 Petang)

Harga Dokumen:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup :
Tender Box
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan, BB3913 Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan:
Mempunyai pendaftaran syarikat dengan Kementerian Pembangunan dalam Kelas 3, 4 atau 5, dalam Kategori E03 dan mempunyai pekerja yang berdaftar dengan JPE dalam kategori E03.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Kaunter Unit Tawaran dan Sebut Harga, Tingkat 4, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

MENINGKATKAN KERJASAMA SERANTAU, ANTARABANGSA DALAM PENGURUSAN BENCANA



MESYUARAT Jawatankuasa Pengurusan Bencana ASEAN (ASEAN Committee on Disaster Management-ACDM) Kali Ke-45 yang diadakan di Indera Samudra Grand Hall, The Empire Brunei diteruskan lagi dengan Mesyuarat bersama rakan dialog ACDM dari Jepun, Republik Rakyat China dan Republik Korea (ROK) secara berasingan.

JERUDONG, Rabu, 23 Oktober. - Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana ASEAN (ASEAN Committee on Disaster Management-ACDM) Kali Ke-45 yang diadakan di Indera Samudra Grand Hall, The Empire Brunei diteruskan lagi dengan Mesyuarat bersama rakan dialog ACDM dari Jepun, Republik Rakyat China dan Republik Korea (ROK) secara berasingan.

Ketiga-tiga mesyuarat berkenaan dipengerusikan bersama oleh Pengarah Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam, Kolonel (B) Muhd. Harrith Rashidi bin Haji Muhd. Jamin; Pengarah Biro Pengurusan Bencana, Pejabat Kabinet Jepun, Katsuhiko Kita; Timbalan Menteri Kementerian Pengurusan Keemasan Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Xu Jiaai; dan Ketua Pengarah Biro Kerjasama Pentadbiran Antarabangsa, Kementerian Dalam Negeri dan Keselamatan ROK, Park Yung Suh.

Mesyuarat - mesyuarat berkenaan adalah melambangkan satu langkah penting ke arah meningkatkan kerjasama serantau dan antarabangsa dalam pengurusan bencana.

Semasa Mesyuarat ACDM Bersama Jepun Kali Ke-8,

Pengerusi ACDM mengesahkan sokongan berterusan Jepun untuk aktiviti ACDM dengan menggalakkan kerjasama di antara entiti awam dan swasta ASEAN bersama Jepun dalam pengurusan bencana.

Kerjasama yang telah lama terjalin berkenaan berfungsi sebagai asas memupuk hubungan yang kukuh untuk saling manfaatkan kerjasama di antara ASEAN dan Jepun terutamanya dalam bidang pengurusan bencana melalui projek semasa dan seterusnya untuk membuka jalan bagi beberapa usaha dan projek pada masa yang akan datang.

Antara lain yang turut dibincangkan semasa mesyuarat berkenaan adalah termasuk beberapa cadangan aktiviti baharu dalam melaksanakan Pelan Kerja ASEAN - Jepun mengenai pengurusan bencana.

Sokongan Jepun yang berkemampuan dalam Pembangunan Program Kerja AADMER 2021-2025 juga adalah merupakan sebagai pendekatan yang progresif dalam kerjasama pengurusan bencana serantau.

Manakala, semasa Mesyuarat ACDM Bersama Republik Rakyat China Kali Ke-8, Pengerusi telah membincangkan mengenai dengan tumpuan untuk memajukan daya tahan bencana dan pengurangan risiko bencana

merentas rantau ASEAN dan Republik Rakyat China.

Berikut daripada itu juga, semasa sidang Mesyuarat ACDM Bersama ROK Kali Ke-7 pula, perbincangan secara komprehensif diadakan termasuk perbincangan dalam beberapa perkara yang bertujuan untuk memajukan daya tahan dan keupayaan tindak balas bencana di rantau ASEAN dan ROK.

Perbincangan utama adalah termasuk pengemaskinian projek yang sedang dilaksanakan untuk melaksanakan Pelan Kerja ASEAN-ROK mengenai pengurusan bencana. Beberapa kemajuan dikemukakan semasa sidang mesyuarat berkenaan terutamanya mengenai dengan inisiatif dan projek-projek yang dilaksanakan, iaitu Program Pembangunan Kapasiti Pengurusan Risiko Bencana untuk

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

Negara Anggota ASEAN (Projek D-CAB), Program Pembangunan Kapasiti ASEAN-ROK dalam memanfaatkan Sains, Teknologi, dan Inovasi Canggih untuk Ketahanan Bencana, dan Projek Piawaian dan Persijilan ASEAN untuk Pakar dalam Pengurusan Bencana (ASCEND).

Projek-projek berkenaan adalah merupakan usaha kerjasama antara ASEAN dan ROK bagi memperkuuh lagi Pengurangan Risiko Bencana (DRR) di rantau ini.

Sehubungan dengan mesyuarat-mesyuarat berkenaan, pengurus juga turut menekankan akan kepentingan kerjasama ASEAN dengan rakan dialog ACDM terhadap usaha kerjasama dalam Pengurangan Risiko Bencana (DRR) dan pengurusan bencana.

seterusnya bagi memupuk perpaduan dan kerjasama dalam rantau yang lebih berdaya tahan bencana.

Dengan komitmen bersama untuk meningkatkan kedadahan dan keupayaan tindak balas bencana, mesyuarat-mesyuarat penting berkenaan telah menjadi sebagai satu landasan yang membolehkan perbincangan untuk diadakan secara dengan lebih mendalam dan terbuka ke atas pelbagai isu penting terutamanya dengan menyemak kemajuan-kemajuan yang telah dicapai setakat ini dan seterusnya bertukar-tukar pandangan tentang cara bagi memajukan lagi kerjasama dalam Pengurangan Risiko Bencana (DRR) dan pengurusan bencana.

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Guru Berkualiti, Negara Maju'. Tarikh Tutup : 30 Oktober 2024
2. 'Mensyukuri Nikmat Kesihatan'. Tarikh Tutup : 6 November 2024
3. 'Jadikan Kerja Sebagai Ibadah'. Tarikh Tutup : 13 November 2024

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarik jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi

BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



KOLONEL (B) Muhd. Harrith Rashidi bin Haji Muhd. Jamin selaku salah seorang pengurus ketiga-tiga mesyuarat berkenaan.

Biro Mencegah Rasuah | Brunei Darussalam



PERADUAN VIDEO PENDEK ANTI RASUAH 2024

"Bersatu Membanteras Rasuah!"

Serlahkan bakat awda dalam membanteras rasuah dengan menyertai Peraduan Video Pendek Anti Rasuah

HADIAH UNTUK DIMENANGI:

TEMPAT PERTAMA - B\$2,000.00

Tempat Ke-dua- B\$1,500.00

Tempat Ke-tiga – B\$1,000.00

3x Hadiah Saguhati bernilai B\$700.00

TARIKH TUTUP UNTUK
PENYERTAAN:

30 November 2024 @ 3.00 Ptg

Imbas kod QR untuk maklumat lanjut mengenai peraduan & pendaftaran!



Untuk keterangan lanjut:

+ 673 7146797

shortvideo@acb.gov.bn

www.acb.gov.bn

35 TERIMA SIJIL SKIM BIMBINGAN ASAS MUALLAF



PENGIRAN Dr. Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil bagi peserta-peserta Skim Bimbining Asas Muallaf Siri Ke-199 (Lelaki) dan Siri Ke-200 (Perempuan).

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Ihsan Pejabat Unit Da'wah Daerah Tutong

TUTONG, Rabu, 23 Oktober. - Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil bagi peserta-peserta Skim Bimbining Asas Muallaf Siri Ke-199 (Lelaki) dan Siri Ke-200 (Perempuan) telah diadakan secara serentak di keempat-empat daerah oleh Pusat Da'wah Islamiah (PDI) melalui Bahagian Pembangunan Muallaf (Tarbiyah Muallaf) dan Unit Da'wah, hari ini.

Skim tersebut telah dikendalikan selama 14 hari bermula 8 Oktober hingga 23 Oktober 2024 yang disertai oleh seramai 35 peserta yang terdiri daripada 17 lelaki dan 18 perempuan dari Daerah Tutong.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis diadakan di Pejabat Unit Da'wah Daerah Tutong, di sini, ialah Pemangku Pengarah Urusan

Zakat, Waqaf dan Baitulmal, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Dr. Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit yang juga menyempurnakan penyerahan sijil penyertaan kepada para peserta.

Antara pengisian Skim Bimbining Asas ini termasuk mempelajari ilmu asas Fardu Ain dan Fardu Kifayah iaitu Iqrak, Hafalan, Tauhid, Fiqh, Praktikal Ibadat, Sejarah Islam, Pemakanan dalam Islam, Akhlak Islam, Kebersihan serta Teori dan Praktikal Pengurusan Jenazah.

Objektif Skim Bimbining diadakan adalah untuk memberikan bimbining kepada peserta-peserta muallaf dalam menghalusi dan meningkatkan lagi ilmu pengetahuan Islam terutama dalam bidang akidah, ibadah dan

akhlik. Skim yang dijalankan mengutamakan kualiti pembelajaran dan penyebaran sahsiah yang baik. Manakala pendekatan yang dibawa adalah secara interaktif dan fleksibel mengikut tajuk-tajuk yang disampaikan kepada peserta muallaf.

Dalam usaha menjaga dan memelihara kemaslahatan saudara-saudara baharu, PDI menyediakan beberapa program bimbining khusus untuk muallaf iaitu Bimbining Pengenalan Islam, Skim Bimbining Asas (dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris), Skim Bimbining Lanjutan I serta Skim Bimbining Lanjutan II. Kelas Bimbining Muallaf juga turut dibuka secara mingguan di keempat-empat daerah dan Program Lawatan Tarbiyah Muallaf.

NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

- "boleh pecaya kan tu?"
- "mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"
- "ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"
- "iawah? banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- Dapatkan resit rasmi.
- Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Pemiagaan-ke-Pengguna

Meningkatkan ilmu pengetahuan agama Islam muallaf

PULAI, Rabu, 23 Oktober. – Skim Bimbining Asas Muallaf berobjektif untuk memberi bimbining kepada para peserta muallaf dalam menghalusi dan meningkatkan lagi ilmu pengetahuan agama Islam terutama dalam bidang akidah, ibadah dan akhlak.

Sehubungan dengan itu, seramai 43 peserta terdiri daripada 19 lelaki dan 24 perempuan dari Daerah Brunei dan Muara menerima sijil masing-masing pada Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil bagi para peserta Skim Bimbining Asas Muallaf Siri Ke-199 (Lelaki) dan Siri Ke-200 (Perempuan) yang diadakan di Bangunan Darul Huda, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), di sini, petang tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil berkenaan, Pengarah PDI, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh.

Skim Bimbining Asas Muallaf kelolaan PDI melalui Bahagian Pembangunan Muallaf (Tarbiyah Muallaf) dan Unit Da'wah berkenaan telah dikendalikan selama 14 hari bermula 8 hingga 23 Oktober 2024 secara serentak di keempat-empat daerah.



PENGARAH Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama selaku tetamu kehormat majlis semasa menyampaikan sijil kepada para penerima (kiri dan kanan).

Antara pengisian Skim Bimbining Asas berkenaan termasuk mempelajari ilmu asas Fardu Ain dan Fardu Kifayah, iaitu Iqra, hafalan, Tauhid, Fiqh, praktikal ibadat, sejarah Islam, pemakanan dalam Islam, akhlak Islam, kebersihan serta teori dan praktikal pengurusan jenazah. Skim berkenaan juga dijalankan

dengan mengutamakan kualiti pembelajaran dan penyebaran sahsiah yang baik, manakala pendekatan yang dibawa adalah secara interaktif dan fleksibel mengikut tajuk-tajuk yang disampaikan kepada peserta muallaf.

Dalam usaha menjaga dan memelihara kemaslahatan

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Dk. Nur Hafil Pg. Osman

saudara-saudara baharu, PDI juga menyediakan beberapa program bimbining khusus untuk muallaf, iaitu Bimbining Pengenalan Islam, Skim Bimbining Asas (dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris), Skim Bimbining Lanjutan I serta Skim Bimbining Lanjutan II. Kelas Bimbining Muallaf juga turut dibuka secara mingguan di keempat-empat daerah dan Program Lawatan Tarbiyah Muallaf.

TERAPKAN DISIPLIN, SENTIASA FOKUS DALAM PENGAJIAN

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



AWANG Mohammad Rayyan bin Haji Mohd. Sufian semasa ditemu bual.

BERAKAS, Khamis, 24 Oktober. – Setiap strategi dan inisiatif Politeknik Brunei (PB) dibentuk dan dilaksanakan untuk melahirkan para graduan yang akan menyumbang kepada pembangunan negara, dilengkapi dengan nilai-nilai teras berlandaskan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB).

Selain itu, graduan PB juga dibekalkan dengan kemahiran Abad Ke-21, meliputi pembelajaran dan inovasi, kemahiran maklumat, media dan teknologi serta kemahiran hidup dan kerjaya, termasuk keusahawanan.

Graduan-graduan Class of 2024, yang menerima penganugerahan Sijil Diploma Tahap 5 pada Majlis Konvokesyen Ke-10 Tahun 2024 bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini, menzahirkan rasa syukur setelah berjaya menamatkan pengajian masing-masing.

Awang Mohammad Rayyan bin Haji Mohd. Sufian, 20 tahun, dari Sekolah Perdagangan, PB berasa lega setelah berjaya menamatkan Diploma Tahap 5 dalam Pengajian Perniagaan (Pemasaran) dan

mendapat lulus dengan cemerlang.

Tambahnya, selepas tiga tahun mengimbangi di antara sekolah dan menjalankan perniagaan 'Heritage Bakwa', akhirnya beliau telah dapat menamatkan program tersebut yang mana merupakan satu pencapaian yang sangat bermakna.

Menyentuh mengenai program yang dipilih katanya, bidang keusahawanan merupakan salah satu bidang yang memang diminati sejak dulu lagi, dan telah mula menjalani perniagaan sendiri bermula dari umur 16 tahun.

Mempelajari tentang perniagaan dari sudut teori jelasnya, dapat membantu dalam mengembangkan perniagaannya dengan lebih baik dan juga memberi masa untuk fokus pada perniagaan sambil melanjutkan pengajian.

"Cabaran utama adalah untuk mengimbangi antara pengajian dan menguruskan dua perniagaan serentak. Namun, saya atas cabaran ini dengan disiplin, kerja keras dan pengurusan masa yang baik. Tiada rahsia besar, cuma dedikasi dan komitmen yang tinggi untuk memastikan kedua-duanya berjalan dengan lancar," ujarnya lagi.

Beliau seterusnya menyarankan agar para belia untuk tidak takut mencuba sesuatu yang baru.

Jika mereka mempunyai minat yang mendalam dalam satu bidang jelasnya, jangan ragu-ragu untuk meneruskan walaupun ia nampak mencabar, yang penting, yakin dengan diri

sendiri, disiplin dalam usaha, dan jangan lupa untuk selalu bersyukur dengan setiap peluang yang ada.

Sementara itu, bagi Dayang Nurul 'Ain binti Abd. Wahab, 23 tahun, berasa sangat bangga dan bersyukur atas semua pengalaman yang telah dilalui semasa menjalani pengajian di Sekolah Petrokimia, PB.

Dayang Nurul 'Ain yang mengambil jurusan Diploma Tahap 5 dalam Kejuruteraan Kimia turut mengongsikan pelbagai pembelajaran, cabaran dan kenangan yang tidak akan dilupakan.

Setiap detik, baik suka maupun duka katanya, telah membentuk dirinya agar menjadi individu yang lebih baik dan bersedia menghadapi masa hadapan.

"Dalam kesempatan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih yang mendalam kepada ibu bapa dan keluarga atas kasih sayang dan pengorbanan yang tiada bandingnya. Terima kasih juga kepada pensyarah atas bimbingan mereka serta kepada rakan-rakan yang sentiasa memberikan sokongan," ujarnya lagi.

Beliau memilih Program Kejuruteraan Kimia kerana minat dalam bidang sains dan kejuruteraan serta untuk mencari peluang kerjaya yang baik, memandangkan program ini menawarkan pelbagai kerjaya dalam industri petrokimia yang menjanjikan prospek masa depan yang cerah.

"Antara cabaran yang dihadapi semasa mengikuti program ini adalah memahami konsep kompleks dalam kimia yang memerlukan pemahaman yang mendalam serta pengurusan masa bagi membangi-

tugas sekolah, kerja rumah dan aktiviti luar.

"Untuk mengatasi cabaran ini, saya menerapkan pembelajaran berstruktur dengan membahagikan topik kompleks kepada aspek yang lebih kecil dan fokus pada satu perkara pada satu masa. Saya juga memperbaiki kemahiran pengurusan masa dengan merancang jadual harian untuk membahagikan kerja yang perlu diselesaikan," ujarnya lagi.

Saranannya kepada para belia ialah untuk terus berusaha dan berjuang kerana setiap cabaran yang ditempuh adalah peluang untuk belajar dan berkembang ke arah yang lebih baik.

Manakala Dayang Nurfarah Aliaa binti Haji Suhaimi, 20 tahun, ketika ditemui turut merasa sangat bersyukur dan bangga setelah menerima sijil tersebut kerana ia adalah hasil usaha keras, pengorbanan, dan sokongan daripada keluarga, pensyarah dan rakan-rakan.

Penerimaan diploma ini katanya, bukan sahaja satu pencapaian peribadi, tetapi juga simbol kejayaan bersama semua yang telah memberi sokongan sepanjang perjalanan ini.

Dayang Nurfarah Aliaa yang mengambil jurusan Diploma Tahap 5 dalam Perakaunan Perniagaan dan Kewangan seterusnya mengongsikan, bidang ini dipilih kerana minat dalam pengurusan kewangan dan perniagaan.

Tambahnya, bidang itu menawarkan peluang kerjaya yang luas dan dapat memberikan kemahiran penting untuk mengurus kewangan serta membuat keputusan perniagaan yang baik.

Cabaran utama yang hadapi

katanya, ialah mengimbangi masa antara tugas, kelas, kehidupan peribadi, dan kadang-kadang, beban kerja akademik terasa sangat berat.

Cara mengatasi cabaran-cabaran itu jelasnya, adalah dengan merancang jadual yang teratur, sentiasa fokus pada tugas yang penting, dan mengambil masa untuk berehat agar tidak stres. Selain itu, minta bantuan dan nasihat daripada pensyarah atau rakan-rakan jika ada perkara yang kurang jelas.

Bagi belia yang ingin meneruskan pengajian di PB, saranannya ialah untuk sentiasa berdisiplin dan fokus pada matlamat mereka.

Tambahnya, ambil peluang untuk belajar sebanyak mungkin, bukan sahaja dalam akademik tetapi juga melalui aktiviti luar kelas, dan jangan takut untuk bertanya jika ada yang tidak faham, dan pastikan pengurusan masa adalah baik.

Katanya lagi, penyertaan dalam kelab-kelab atau projek yang ditawarkan, dapat membantu mereka mengembangkan kemahiran dan pengalaman yang berguna untuk masa depan.



DAYANG Nurul 'Ain binti Abd. Wahab semasa ditemu bual.

Sub-Stesen Elektrik Batu 18, Tutong terbakar



KEBAKARAN di Sub-Stesen Elektrik Batu 18, Tutong berjaya dipadamkan menggunakan satu jet foam sebanyak sembilan tong.

Lima buah jentera dari Balai Bomba Lamunin dan Balai Bomba Tutong telah dikehendaki ke tempat kejadian sejurus menerima panggilan kecemasan pada jam 8.58 pagi.

Operasi memadam kebakaran diketuai oleh Ahli Bomba Kanan No. 9, Awang Azamain bin Haji Abdul Fattah.

Setibanya di tempat kejadian anggota bomba segera bertindak memadam kebakaran yang melibatkan sebuah peralatan di stesen tersebut menggunakan satu jet foam sebanyak sembilan tong.

Api dapat dikawal dalam masa dua minit dan punca kebakaran dan kerugian masih lagi dalam siasatan.

Tiada kecederaan dan korban jiwa dilaporkan semasa kejadian.

Hadir semasa operasi, Pegawai Pemerintah Cawangan Operasi 'E', SSFR, Haji Afiq bin Haji Julah; Stesen Komander Balai Bomba Tutong ASFR, Dayang Hajah Siti Alam binti Haji Ali; Stesen Komander Balai Bomba Lamunin ASFR, Dayang Nur Halimatul Halimah binti Abdullah Chin.

Siaran Akbar dan Foto:
Jabatan Bomba dan Penyelamat

TUTONG, Khamis, 24 Oktober. - Jabatan Bomba dan Penyelamat telah menerima panggilan kebakaran di Sub-Stesen Elektrik Batu 18, Tutong.

Jangan Memandu ketika mengantuk

Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada ANDA dan SAYA

Always Wear a seatbelt No mobile phones while driving Speeding is dangerous Do not drive under influence Wear helmet and proper attire while riding Always watch out for other road users Always check tyres

www.mkkjr.gov.bn

OPERASI SIAGA : 4 KESALAHAN DIKESAN

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh



PENGUATKUASAAN Undang-undang, Jabatan Buruh semasa mengendalikan Operasi Siaga 230 / 2024 (atas dan atas kanan).

MUARA, Khamis, 24 Oktober. - Bahagian Penguatan Kesan Undang-undang, Jabatan Buruh telah mengendalikan Operasi Siaga 230 / 2024 pada 15 Oktober 2024 lalu yang bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Perintah Pekerjaan

2009 dipatuhi oleh para majikan. Pemeriksaan dijalankan di premis kegiatan menjahit kusyen dan sofa di kawasan Jalan Muara telah mendapat empat kesalahan di bawah Perintah Pekerjaan 2009 yang dilakukan oleh majikan iaitu dua kesalahan di bawah Bab

112(2) iaitu menggaji pekerja asing tanpa lesen daripada Pesuruhjaya Buruh di mana majikan didapati telah menggaji pekerja asing jaminan Pas Lawatan.

Selain itu, menggaji pekerja asing daripada syarikat lain berjawatan tukang besi di bawah kegiatan pembinaan dan kesalahan di bawah Bab 71 iaitu gagal memberikan cuti tahunan serta Bab 70 iaitu gagal memberikan cuti pada hari kelepasan awam yang diwartakan.

Bagi kesalahan melanggar Perintah Pekerjaan 2009, jika didapati, majikan asal dan majikan yang menjamin boleh dikenakan kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi kesalahan tersebut. Jika gagal membayar kompaun tersebut, majikan akan dihadapkan ke mahkamah.

Sehubungan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebaikan pekerja selaras dengan kehendak Perintah Pekerjaan 2009 seperti majikan yang berkeinginan menggaji pekerja asing hendaklah mendapatkan lesen daripada Pesuruhjaya Buruh dan pekerja-pekerja asing yang dijamin



hendaklah diberikan pekerjaan dan bekerja di syarikat sendiri serta pekerja hendaklah diberikan cuti tahunan dan memberikan cuti pada hari kelepasan awam yang diwartakan.

Untuk maklumat lebih lanjut bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).

Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

کمترین کسیختن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.



2 warga tempatan ditahan miliki barang tegahan

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



BARANGAN tegahan yang berhasil dirampas oleh Balai Polis Bangar, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) (atas dan bawah).

TEMBURONG, Khamis, 24 Oktober. - Balai Polis Bangar, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) berjaya menahan dua lelaki warga tempatan dan merampas beberapa kotak dan minuman keras dipercayai barang tegahan.

Dalam kejadian tersebut, berikutan maklumat yang diterima berhubung dengan kegiatan penyeludupan, keanggotaan Balai Polis Bangar telah menjalankan pemantauan di kawasan Kampung Bekarut, Jalan Panduaran Tamada. Didapati sebuah

kenderaan pacuan 4 roda berwarna hitam dalam keadaan mencurigakan.

Kira-kira pukul 9.00 malam, PPDB cuba untuk menahan kenderaan tersebut semasa melalui kawasan Kampung Belais, menyebabkan kenderaan tersebut mula memecut dan melarikan diri.

Pemandu dan penumpang kemudian bertindak melarikan diri ke dalam hutan serta meninggalkan kenderaan di tengah-tengah jalan. Walau bagaimanapun, kedua-dua suspek dapat dikesan dan ditahan oleh anggota Balai Polis Bangar.

Kesemua barang tegahan serta dua suspek telah ditahan di Balai Polis Bangar, di samping itu juga, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dimaklumkan untuk siasatan selanjutnya.

PPDB mengingati orang ramai agar jangan melibatkan diri dengan sebarang aktiviti-aktiviti jenayah dan melanggar undang-undang di negara ini. Jika mempunyai maklumat mengenai kegiatan jenayah adalah disarankan untuk menyalurkan maklumat ke Balai Polis berdekatan atau melalui Talian Kecemasan 993.

DARI MAHKAMAH

Didenda kerana miliki barang tegahan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Oktober. – Mahkamah Majistret menjatuhkan hukuman denda sebanyak BND23,810 atau 13 bulan pemerjaraan jika gagal membayar denda berkenaan terhadap seorang lelaki warga tempatan, hari ini.

Majistret, Sharifah Nur Baqiyah binti Malai Shahran memutuskan hukuman tersebut selepas Khalid bin Ibrahim (defendant), berumur 24 tahun mengaku bersalah atas satu pertuduhan.

Mengikut pertuduhan, defendant didakwa atas kesalahan memiliki 22 karton, 56 paket dan 34 batang rokok pelbagai jenis tanpa permit dan kebenaran yang sah ditemui di sebuah rumah kawasan Jalan Ban 5, Kampung Kilanas.

Selain itu, wang tunai sebanyak BND158 hasil daripada penjualan rokok berkenaan dihukum rampas dan diserahkan kepada pihak kerajaan untuk tindakan lanjut.

Sementara semua barang yang terlibat, iaitu rokok juga dihukum rampas untuk diserahkan kepada pihak kerajaan bagi tujuan dimusnahkan. Manakala satu unit smart phone tablet terlibat adalah untuk dikembalikan kepada defendant.

Pegawai Penguatan Kesan Undang-undang, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja telah menjalankan tangkapan terhadap defendant pada 13 Mac 2023, pukul 10.27 pagi.



PERTANDINGAN TINGKATKAN KUALITI, PENGUKUHAN BAHASA ARAB

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Oktober. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Bahasa Arab (FBA) telah mengadakan Pertandingan Tazkirah di dalam Bahasa Arab sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi dengan membawa tema 'Risalah dari Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam'. Seramai lapan peserta yang

terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi tempatan dan antarabangsa UNISSA telah mengikuti pertandingan tersebut. Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Dekan Fakulti Bahasa Arab, UNISSA, Dr. Dayang Hajah Rafidah binti Haji Abdullah. Turut hadir, Penolong Dekan Fakulti Bahasa Arab, Dr. Dayang Hajah Norhayati binti Haji Abdul Karim, para pensyarah dan manakala tempat ketiga dimenangi oleh Awang Mohd. Kamal Shukri bin Mohd. Kamal dari

UNISSA.



SEKITAR Pertandingan Tazkirah di dalam Bahasa Arab sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi dengan membawa tema 'Risalah dari Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam' (atas dan atas kiri).

Dayang Nur Nawwarah binti Ewardy Irwan dari FBA telah dinobatkan sebagai johan pertandingan tersebut, tempat kedua disandang oleh Dayang Ruwaida Katemadi dari Fakulti Syariah. Manakala tempat ketiga dimenangi oleh Awang Mohd. Kamal Shukri bin Mohd. Kamal dari

Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam.

Antara tujuan pertandingan adalah untuk menjadi satu wadah atau platform bagi mengajak generasi muda belia untuk memupuk rasa cinta kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan mendedahkan

keimpinan, akhlak budi pekerti serta menerapkan nasihat Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam diri mereka dan secara tidak langsung mempertingkatkan kualiti dan pengukuhan penggunaan bahasa Arab di Negara Brunei Darussalam.

NBD menawarkan peluang unik untuk peminat burung



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Oktober. - Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dengan kerjasama syarikat penerbangan tempatan, baru-baru ini menerima kunjungan daripada Dominic Couzens, iaitu seorang pakar burung terkemuka, pengarang alam semula jadi yang terkenal dan ketua lawatan



DOMINIC COUZENS seorang pakar burung terkemuka dari United Kingdom (atas sekali kiri). Manakala gambar atas kiri antara spesis burung yang ada di NBD iaitu Velvet-fronted Nuthatch. Sementara gambar atas kanan, Helmeted Hornbill yang hampir pupus.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kemajuan Pelancongan

lapangan antarabangsa dari United Kingdom, untuk pengalaman memerhati burung yang mengasyikkan pada hujung minggu di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Sepanjang lawatannya, Dominic meneroka landskap NBD yang menakjubkan dan menyelami kepelbagaiannya burung yang terdapat di negara ini. Beliau turut melawat beberapa lokasi pemerhatian burung yang terkenal, termasuk Taman Rekreasi Hutan Bukit Patoi, Taman Rekreasi Batang Duri dan Taman Negara Ulu Temburong.

Dalam tempoh tiga hari berkenaan, beliau mencatatkan sejumlah 119 spesies burung yang mengagumkan, mempamerkan kepelbagaiannya biologi NBD yang luar biasa.

Antara penemuan yang paling dihargai ialah Garnet Pitta yang sukar ditemui, spesies yang sangat dicari dalam kalangan peminat burung, Helmeted Hornbill yang hampir pupus, Spectacled

Flowerpecker, spesies yang baru ditemui di Borneo pada 2009 dan Velvet-fronted Nuthatch yang menarik secara visual, terkenal dengan kemampuannya yang jarang untuk turun ke batang pokok dengan menggunakan kepala terlebih dahulu, satu sifat yang tidak biasa dalam kalangan burung.

"Memerhati burung di NBD adalah pengalaman yang benar-benar mengubah hidup. Keindahan hutannya yang tidak terusik, digabungkan dengan keseronokan memerhatikan spesies yang jarang ditemui, menjadikannya syurga bagi mana-mana peminat alam semula jadi," kata Dominic.

Selain daripada pertemuannya dengan burung, Dominic juga turut menikmati hidupan liar unik di rantaunya ini, termasuk kera ekor panjang, monyet daun perak, tupai kerdl Borneo, biawak air asia, labah-labah kayu gergasi, dan buaya air masin yang terkenal mendiami kawasan berkenaan.

NBD semakin menjadi destinasi utama bagi peminat pemerhati burung, dengan hutan hujannya yang asli dan ekosistem yang pelbagai. Dengan lebih 600 spesies direkodkan, termasuk banyak burung yang jarang ditemui dan endemik, ia menawarkan peluang unik untuk peminat burung untuk mengalami alam semula jadi dalam bentuk yang paling tulen.

Landskap yang tenang, digabungkan dengan komitmen untuk pemuliharaan, memastikan NBD kekal sebagai tempat perlindungan hidupan liar dan tempat yang mesti dikunjungi untuk peminat burung.

Jabatan Kemajuan Pelancongan

menggandakan usahanya untuk mempromosi NBD melalui gabungan ciri-ciri pasaran tradisional dan digital. Strateginya merangkumi kerjasama dengan pempengaruh (*influencer*) pengembalaan yang terkenal dan penglibatan dengan tokoh penting yang pakar dalam bidang khusus, seperti pemerhati burung yang gemar.

Dengan menjemput pakar seperti Dominic Couzens, Jabatan Kemajuan Pelancongan secara berkesan mempamerkan kekayaan biodiversiti NBD, menjadikan negara ini sebagai destinasi utama bagi peminat pemerhati burung.

BIBD adakan Mesyuarat Agung 1 November

Siaran Akhbar : Bank Islam Brunei Darussalam


BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Oktober. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) ingin memaklumkan kepada semua ahli bahawa Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) 2024 akan diadakan pada Jumaat, 1 November 2024.

Mesyuarat akan bermula pada pukul 9.30 pagi bertempat di Tarindak D'Seni, Jalan Residency, di ibu negara. Pendaftaran ahli-ahli akan dibuka dari pukul 8.00 pagi hingga 9.15 pagi. Hanya Ahli BIBD yang berdaftar setakat tarikh tutup buku pada 21 September 2024 layak untuk mengambil bahagian dan mengundi dalam AGM 2024 ini.

Semua yang hadir, termasuk ahli, proksi, atau wakil yang diberi kuasa, diwajibkan membawa kad pengenalan atau pasport asal untuk tujuan pengesahan dan pendaftaran.

Ahli yang ingin melantik proksi atau wakil yang diberi kuasa perlu melengkapkan Borang Pencalonan dan Kebenaran Proksi, serta menyertakan salinan kad pengenalan atau pasport mereka dan pihak yang dilantik.

Borang yang lengkap mestilah diserahkan kepada Pendaftar Saham BIBD, Tricor (B) Sdn. Bhd., tidak kurang dari 48 jam sebelum mesyuarat berlangsung. Untuk makluman para ahli, BIBD telah melantik Aegis Secure Data Solutions Sdn. Bhd. (ASDS) untuk menghantar dokumen-dokumen berkaitan dengan AGM 2024 kepada alamat berdaftar Ahli. Untuk memuat turun dokumen-dokumen yang berkenaan, sila layari laman sesawang BIBD di www.bibd.com.bn.



Kereta pergi kerja rosak

Oleh: Sweetie Aaira
Ilustrasi : Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

ZAMRI berlari pantas maju ke depan. Peluh mengalir lancar di wajahnya yang runting. Gaya lariannya ganjil sekali, ganjil disebabkan ia berlari di samping kedua belah tangannya menjinjing *recycle-bag* setiapnya, Zamri kelihatan seperti orang bergegas mencari bilik air. Beberapa minit melepas lapan setengah pagi. *Terkapus-kapus* pernafasan Zamri berlari akibat tidak pernah meluangkan masa untuk bersukan selama ini. Syukur ia bukan seorang perokok, kalau tidak pernafasannya mungkin lebih teruk.

Ketua di tempat Zamri bekerja seorang yang mementingkan diri, bernama Merad. Ia seorang yang sangat tegas, tetapi ketegasan itu seperlunya kena pada tempatnya. Tambah lagi Merad ini tidak ada sifat kesediaan untuk mendengar dan memahami terlebih dahulu. Sebeginalah kadangkala sifat manusia yang terlalai bila bergelumang nikmat kehidupan. Seorang ketua perlu bijak menggaris saluran yang jelas kepada para-pekerja agar mereka dapat menggalas tanggungjawab pekerjaan dengan sebaiknya. Pemimpin yang beriktibar sentiasa berjiwa afwah sebagaimana juga sebaliknya. Tetapi Merad tidak berpendapat sebegini sebagai seorang ketua.

Merad kbetul juga sedang menuju ke tempat kerja, terserempak Zamri yang berjalan terburu-buru serta kelihatan bernafas tercungap-cungap. Zamri yang terlihat ketuanya itu, lalu berhenti untuk memberi salam, dengan suara kekurangan oksigen ia memohon maaf.

"Assalamualaikum Tuan.. uh! Uh! uh..uh..! aa.. maaf.. keakhiran saya pagi ani.. uh! uh!"

Merad memalingkan wajah, ia tidak ingin memandang Zamri yang dianggapnya pekerja bermasalah itu.

"Waalaikumsalam.. datang jam macam ani adalah melanggar peraturan syarikat." Kata Merad.

"Uh! Uh.. Tuan.. aa.. tadi.. ada masalah.. anu.." Zamri yang kesusahan menarik nafas, cuba menerangkan.

Merad tanpa menghiraukan, pergi meninggalkan Zamri. Tergores hati Zamri dilayan sedemikian rupa. Tetapi ia bersegera ke tempat kerja. Ia meletakkan *recycle-bag* atas mejanya dan mula membuat pekerjaan.

Zamri ini dari mula berkhidmat, sangat berpegang kepada amanah yang dipikulnya dengan sedaya upaya. Ia percaya kejujuran

adalah kewajipan, sebagaimana nasihat seorang cikgu yang ketika ia masih di bangku sekolah, bahawa kejujuran adalah apa yang membezakan manusia dan insan yang berjiwa keimanan. Zamri selalu menasihati rakan-rakan kerjanya untuk mengamalkan sifat sedemikian. Kesemua rakan-rakan kerja menerima baik ajakannya.

Kebetul ada seorang perempuan rakan kerjanya bernama Hardiah, dan kebetul pula Hardiah ini sudah lama mencari pasangan hidup tetapi belum lagi mendapat pasangan hingga kini. Dalam masa yang sama disebabkan kebaikan dan sifat sabar Zamri yang matang sebagai seorang lelaki dewasa di pandangan mata Hardiah. Penampilan Zamri tersebut telah berjaya menggerudi corong hatinya menyebabkan ia sungguh menyukai Zamri. Menurut Hardiah, sejak beberapa tahun akhir ini, tumbuh dengan subur pohon harapan di hatinya untuk menjadi teman hidup Zamri.

Hardiah memerhatikan Zamri sejak ia tiba, Hardiah lalu berdiri dan mendekati.

"Assalamualaikum, selamat pagi Abang Zamri," Hardiah menegur lembut, "Akhir Abang datang pagi ani.. ingau hati Diah." Lembut sekali suara Hardiah, ia berdiri sopan dengan senyuman menawan, lebih menawan dibandingkan senyuman seseorang yang menerima gaji *bonus* yang sedang keluar dari mesin ATM.

"Waalaikumussalam selamat pagi kembali," Zamri menyahut, "keritaku anu, tadi.. berulah, maklum tah kerita lama."

"Iyakah Abang Zamri? Iatah hati ani lain rasa awal pagi tadi, ingau Diah tadi masa dalam kerita, teberanti jari manis ani dari menakan switch.. semasa kan switch on aircond kerita.." Hardiah menyuarakan simpatinya dengan informasi yang cukup manis.

Zamri segera membala, "Lain kali inda usah tah ingau, taruskan saja urusan."

"Eeh..!? Apakan permasalahan Abang pagi tadi? Semakin ingau pulang Diah memikirkan." Hardiah semakin menekan manis.

Wajah Zamri mula berkerut-kerut mendengar Hardiah, tidak tahu apa hendak dicakapkan.

"Abang Zamrii..." Suara Hardiah mula terdengar semakin berirama manis.

"Eeh! Terlupa tah ku juu! Ada kerja urgent untuk diuruskan."

Zamri meninggalkan Hardiah segera,

dengan langkah yang cepat ia berlalu, tetapi sebelum itu akan pergi ke bilik air dulu demi mengelakkan diri dari terus melayan Hardiah. Hardiah yang mengekorinya terpaksa berhenti langkah bila mendapati Zamri yang masuk ke bilik air. Tidak apa, masa masih panjang, ada beberapa kali lagi ia boleh berusaha untuk mendekati Zamri pada hari itu.

Tengah hari, selesai Zamri solat Zuhur di masjid berhampiran, Zamri tidak berganjak dari duduknya. Banyak persoalan yang berkeliling dalam fikiran, tetapi yang paling menekannya, tentang keretanya yang rosak awal pagi tadi. Bagaimanakah ia akan pulang petang nanti? Ia tidak mahu menerima pelawaan Hardiah datang dan pulang kerja ikut keretanya. Zamri terus berzikir dan bertasbih, memohon jalan penyelesaian dari Allah yang Maha Berkusa, Zamri tahu hanya Dia sahaja sebaik-baik Perungkai kesulitan hamba-hambaNya yang memerlukan.

Sebenarnya telah beberapa kali kereta dipakai Zamri untuk pergi kerja itu bermasalah, pernah sehingga menyebabkan ia berjalan pulang ke rumah yang jauhnya 11 kilometer dari tempat kerjanya. Hanya satu-satu kereta itu sahaja kepunyaannya, kereta lama pemberian dari arwah ayahnya. Bukan ia tidak mahu naik bas, masalahnya laluan ke rumahnya itu memang jarang sekali ada bas melintas. Hendak menunggu gajian *bonus*, masih berjarak 2 bulan lagi. Terasa berat di bahu, seolah-olah tiada jalan penyelesaian cepat. Belum ia dapat membeli kereta baharu, memandangkan gajinya terikat beberapa potongan bulanan dan gajinya bukanlah sebesar mana. Hendak meminta pertimbangan dari ketuanya tentu sekali tidak memungkinkan, boleh jadi ia akan disindir untuk berhenti kerja pula. Sedang ia menyusur kegusaran hati, ia terlupa, sesungguhnya Allah yang maha berkuasa tidak pernah sesaat pun leka mendengar rintihan setiap hamba-hambaNya.

Jam 5.00 petang waktu pulang, Zamri keluar ofis dengan langkah yang longlai. Pulang berjalan kaki ia pada hari ini, tetapi bukan itu yang membebankan fikirannya. Ia tidak tahu bagaimana untuk datang kerja esok dan hari seterusnya? Tiba-tiba ia teringat janji dengan abangnya petang itu, Zamri hampir-hampir terlupa abangnya nada hal penting memerlukan

pertolongannya. Ia segera mencapai mobile.

"Assalamualaikum bang! Ya Allah.. hampir terlupakan janji berjumpa kita hari ani, minta maaf indaku sengaja, sibuk menguruskan kerja antadi di ofis."

"Waalaikumsalam, bah inda kenapa, terima kasih menelipun abang," Sahut abangnya dari sebelah talian, "aa.. macami ani saja, berurusan di telipun saja. Anu.. aku ani mengharap pertolonganmu sebenarnya."

Zamri mendengar dengan prihatin, perkara yang hendak disampaikan abangnya itu.

"Kaka iparmu ani, kadia marahkan abang, sampai berkelahi basar kami kelamarin. Tahu jua kau sudah abang ani bukannya pandai menangkis silat apa ani. Abang ani bukannya ada ilmu pertahanan power rangers."

"Tapi apa jua dapatku menulung kita? Kadiaku pun sama jua indada ilmu menangkis silat jua," sahut Zamri, "Berbaik-baik tah saja abiskita laki-bini, mengalah tah saja, balikan kaka coklatkah."

"Dangar habis dahulu apakan abang sampaikan, Kakamu.. ia inda suka abang bermutusikal, cemburu bah ia, pikirannya abang atau bermutusikal seolah-olah kan mencari peluang menambah kuota pasangan."

"Kenapa kan kaka negatif mind atu." Zamri mencelah.

"Demi mengelakkan keburukan syak wasangka, akhirnya kami bersepakat, mutusikal ragad abang atu, ku serahkan tah arahmu, tulung tah ku, ambil tia mutusikal atu, kondisinya tip-top, performance 99.9% macam baru, nombor plat lesennya pun mengancam hebat, abang membeli dari kawan bulan lepas BND700, kalau kau bersetuju.. membayar tah kau selepas gaji bonus, BND500 kah.. BND600 kah.. mana tah saja, kalau labih lagi kau membayar.. alhamdulillah. Bah jangan lupa mengambil mutusikal atau secepatnya, sesuai tu untukmu, kau lagi bujang.. bah Assalamualaikum."

Belum sempat menjawab salam, talian mobile sudah terputus. Di hujung petang yang semakin kelam, terasa kelapangan di dada Zamri sepenuhnya. Airmata bergelinang mensyukuri pertolongan dari Allah yang Maha Berkusa, sesungguhnya Allah adalah sebaik-baik Perungkai kesulitan hamba-hambaNya yang memerlukan.



3PSA - Bantu dalam mengenal pasti tahap prestasi jabatan

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Jabatan Penerangan, Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

PENILAIAN Penggredan Prestasi Sektor Awam 3PSA merupakan inisiatif berterusan Jabatan Perdana Menteri (JPM) khususnya Jabatan Perkhidmatan Pengurusan (MSD) bagi menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Ke-21 pada tahun 2014.

Program ini telah dilancarkan pada tahun 2015, dan pada peringkat awal, MSD menyasarkan kepada jabatan-jabatan yang banyak berurusan dengan orang ramai. Sejak pelaksanaan 3PSA pada Tahun Kewangan 2016/2017, sebanyak 48 agensi telah dilaksanakan penilaian 3PSA termasuk 21 agensi dilaksanakan penilaian susulan.

Penilaian dibahagikan kepada empat skop, iaitu Strategi dan Pelaksanaan; Dasar dan Pelaksanaan; Sumber Manusia; dan Pemedulian Pelanggan. Setiap skop juga akan melihat kepada dua dimensi, iaitu :

- Pemboleh daya (*enablers*) - Dilihat dari aspek persediaan agensi kerajaan dalam mencapai matlamat penubuhan agensi berkenaan dan;
- Pencapaian (*results*) - Melihat sejauh mana pencapaian jabatan telah dilaksanakan. Bagi tujuan pemarkahan, wajaran telah ditetapkan bagi setiap skop

dan dimensi yang membawa jumlah kesemuanya 100 peratus.

Penerima 3PSA Tahun Kewangan 2023/2024

Semasa Sambutan Kemuncak HPA Kali Ke-31 Tahun 2024 di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, dua agensi kerajaan telah menerima sijil pengiktirafan 3PSA melalui Penarafan Bintang, iaitu Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), JPM dan Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan. Jabatan-jabatan ini telah memperolehi tahap pencapaian tiga bintang dan ke atas melalui penilaian 3PSA yang telah dilaksanakan pada Tahun Kewangan 2023/2024.

Pejabat SPA, JPM

Pengiktirafan bagi Pejabat SPA ini merupakan pengiktirafan kali kedua yang mana jabatan ini telah dianugerahkan pertama kali pada tahun 2019, dan pada tahun ini, telah mendapat empat bintang.

Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan

Pengiktirafan bagi Jabatan Perkhidmatan

Farmasi ini juga merupakan pengiktirafan kali kedua yang mana jabatan ini telah pertama kali dianugerahkan 3PSA pada Sambutan HPA Tahun 2018.

Pengarah Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan, Dayang Hajah Zanatul 'Aini binti Haji Zainin / Haji Jinin, semasa ditemui Pelita Brunei menzahirkan rasa syukur dan berterima kasih di atas pengiktirafan jabatan iaitu mendapat tiga bintang di bawah 3PSA. Tambahan, penilaian penggredan prestasi ini adalah amat bermakna dan amat dihargai kerana ia dapat membantu pihak jabatan dalam mengenal pasti tahap prestasi jabatan pada masa ini; dan dalam masa yang sama dapat mengenal pasti tindakan-tindakan penambahbaikan yang perlu dilaksanakan bagi meningkatkan lagi pretasi tersebut.

Menurutnya lagi, Jabatan Perkhidmatan Farmasi telah terpilih di bawah program 3PSA di mana penilaian penggredan telah dilaksanakan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Pengurusan pada tahun lepas (2023). Ini adalah penilaian susulan di mana Jabatan Perkhidmatan Farmasi telah dinilai pada kali pertama pada tahun 2016.

Pada penilaian kali pertama tersebut jelasnya, tahap pencapaian keseluruhan jabatan adalah juga di tahap baik iaitu mendapat tiga bintang. Melalui penilaian susulan yang telah dijalankan, terdapat beberapa usaha-usaha baharu jabatan telah dibuat dalam melaksanakan

penambahbaikan, termasuk melaksanakan beberapa cadangan penambahbaikan. Ini adalah termasuk melaksanakan dasar-dasar seperti dasar / matlamat bagi keselamatan pesakit, menambah baik perkhidmatan kaunter dan perkhidmatan pelanggan.

"Harapan saya adalah bagi Jabatan Perkhidmatan Farmasi akan terus berusaha ke arah kecemerlangan dalam perkhidmatan selaras dengan visi dan misi jabatan. Ini termasuk dalam terus membuat tindakan penambahbaikan perkhidmatan dalam meningkatkan sistem penjagaan kesihatan yang berkualiti dan memberikan perkhidmatan yang cemerlang untuk pesakit dan orang awam," ujarnya lagi.

Penutup

Melalui 3PSA, prestasi jabatan-jabatan kerajaan khususnya dan Perkhidmatan Awam (PA) amnya dapat dinilai dan diukur yang setentunya akan menyumbang kepada pencapaian Prestasi Kebangsaan, iaitu Indeks Keberkesanan Kerajaan (Government Effectiveness Index).

Dengan adanya pengiktirafan dan penghargaan ini juga diharapkan akan dapat memberikan dorongan dan motivasi di kalangan agensi kerajaan dan warga Perkhidmatan Awam ke arah pemberian perkhidmatan yang cemerlang untuk mencapai matlamat Wawasan PA Abad Ke-21 dan Wawasan Brunei 2035.





KANADA KURANGKAN IMIGRESEN, POPULASI DIJANGKA MENURUN PADA 2025, 2026

OTTAWA, 25 Okt. - Kerajaan persekutuan Kanada pada Khamis mengumumkan rancangan tahap Imigresen bagi menghentikan pertumbuhan populasi dalam jangka pendek, yang dijangka menyebabkan penurunan populasi pada 2025 dan 2026.

Populasi Kanada meningkat setiap tahun sejak 1867 hasil daripada Imigresen yang berterusan.

Imigresen, Pelarian dan Kewarganegaraan Kanada dalam kenyataan media berkata Rancangan Tahap Imigresen 2025-2027 dijangka menyebabkan penurunan populasi sebanyak 0.2

peratus pada 2025 dan 2026 sebelum kembali kepada pertumbuhan populasi sebanyak 0.8 peratus pada 2027, lapor Xinhua.

Ramalan ini mengambil kira pengurangan sasaran dalam pelbagai aliran Imigresen selama dua tahun akan datang, serta aliran keluar penduduk sementara akibat

sasaran 5 peratus, kehilangan populasi semula jadi dan faktor-faktor lain, menurut kenyataan itu.

Buat pertama kali, rancangan tahap ini merangkumi sasaran terkawal untuk penduduk sementara, khususnya pelajar antarabangsa dan pekerja asing, serta untuk penduduk tetap.

Populasi Kanada terus berkembang dalam beberapa tahun kebelakangan ini, mencapai 41 juta pada April 2024. Imigresen menyumbang hampir 98 peratus daripada pertumbuhan ini pada 2023, dengan 60 peratus daripadanya disumbangkan oleh penduduk sementara. - ©BERNAMA

Bangladesh haramkan kumpulan pelajar bekas parti pemerintah

NEW DELHI, 24 Okt. - Kerajaan sementara Bangladesh mengharamkan kumpulan pelajar parti Liga Awami yang dipimpin bekas perdana menteri Sheikh Hasina di bawah undang-undang antikeganasan.

Larangan ke atas Liga Pelajar Bangladesh (Bangladesh Chhatra League) berkuat kuasa serta-merta, menurut agensi berita Bangladesh Sangbad Sangstha yang dikendalikan oleh kerajaan pada Rabu, memetik kenyataan Kementerian Dalam Negeri.

Semasa tunjuk perasaan besar-besaran yang menyebabkan penyengkiran Hasina, kumpulan itu dipersalahkan atas banyak serangan ganas terhadap penunjuk perasaan.

Perintah larangan itu menyatakan bahawa sepanjang 15 tahun pemerintahan Liga Awami, kumpulan pelajarnya terlibat dalam jenayah seperti pembunuhan, penyeksaan, keganasan di kampus dan serangan seksual.

Kerajaan mempunyai bukti yang mencukupi bahawa kumpulan itu terlibat dalam aktiviti konspirasi, subversif, dan keganasan terhadap negara sejak kejatuhan kerajaan Liga Awami pada 5 Ogos, menurut kenyataan itu. - ©BERNAMA

Greece ambil langkah berjaga-jaga selepas wabak sheep pox

ATHENS, 23 Okt. - Greece akan melaksanakan siri langkah mengawal penularan wabak sheep dan goat pox selepas penyakit itu menular di beberapa kawasan di negara itu, menurut pengumuman yang dibuat oleh Kementerian Pembangunan Pertanian dan Makanan Greece pada Selasa.

Sejumlah 17,500 haiwan ditakai selepas pengesahan kes di 104 ladang di seluruh negara, lapor Xinhua memetik siaran media oleh kementerian itu.

Sebagai langkah pencegahan, larangan memindahkan kambing dan biri-biri dikuatkuasakan selama 10 hari sementara para pakar cuba mengesan punca penyakit berjangkit, menurut kementerian.

Rumah penyembelihan akan ditutup selama 10 hari, dan pakar akan menjalankan ujian di zon pemantauan sekitar ladang yang dikenalpasti.

Kementerian turut menyokong penternak haiwan yang terjejas dengan memberi bantuan kewangan antara 150 hingga 500 euro (kira-kira US\$162.5 hingga US\$540.16) untuk setiap haiwan yang ditakai. - ©BERNAMA

Buku Shakespeare dikembalikan ke perpustakaan New Jersey selepas 100 tahun

WASHINGTON, 23 Okt. - Naskhah William Shakespeare Life of King Henry the Fifth dikembalikan ke Perpustakaan Awam New Jersey selepas 101 tahun dipinjam.

Menurut laporan United Press International (UPI), pegawai di Perpustakaan Awam Paterson berkata Cynthia Delhaie menemukan buku itu ketika mengemas barang milik arwah neneknya, Arlene Delhaie dan menyedari bahawa buku itu dipinjam pada 1923.

Delhaie kemudian menghubungi perpustakaan dan membuat persiapan untuk memulangkan buku itu.

"Ini kali pertama saya menemui situasi seperti ini sejak lebih 20 tahun bekerja."

"Tidak pernah terlambat untuk memulangkan bahan perpustakaan," kata Corey Fleming, Pengarah Perpustakaan Awam Paterson kepada TAPinto Paterson.

Pustakawan menyatakan naskhah cetakan 1910 itu mempunyai edisi terhad dan amat dihargai oleh pengumpul buku.

Namun, buku ini tidak terlalu lewat jika dibandingkan dengan satu lagi buku yang dipulangkan ke Perpustakaan Poudre di Colorado awal tahun ini.

Pegawai mendedahkan bahawa naskhah Ivanhoe oleh Sir Walter Scott dikembalikan 105 tahun selepas tarikh pemulangannya : 13 Februari 1919.

Seperti kata-kata Shakespeare, 'Better three hours too soon than a minute too late', dalam The Merry Wives of Windsor, namun kita diingatkan bahawa bagi perpustakaan, bahkan lewat seratus tahun pun masih diterima! - ©BERNAMA

Duma sahkan perjanjian elak cukai dua kali antara Rusia, Malaysia

MOSCOW, 24 Okt. - Dewan Perwakilan Rusia, Duma mengesahkan perjanjian antara Kerajaan Persekutuan Rusia dan Kerajaan Malaysia mengenai pengelakan pencukaian dua kali ke atas cukai pendapatan serta langkah pencegahan pengelakan cukai, termasuk protokol

berkaitan.

Menurut agensi berita TASS, dokumen itu dibentangkan kepada Duma oleh Kerajaan Rusia untuk disahkan. Pada masa ini, perjanjian antara Kerajaan Kesatuan Soviet dan Kerajaan Malaysia mengenai pengelakan pencukaian dua kali ke atas cukai pendapatan masih

berkuat kuasa antara Rusia dan Malaysia.

Kerajaan Rusia menegaskan bahawa semakan semula perjanjian Soviet - Malaysia diperlukan bagi mengambil kira perubahan dalam keadaan ekonomi semasa di kedua-dua negara. - ©BERNAMA

Serangan pengganas ke atas syarikat industri pertahanan Turkiye, 5 maut 22 cedera

ANKARA/ISTANBUL, 24 Oktober. - Dua pengganas yang menyerang kemudahan Turkish Aerospace Industries (TAI) di ibu negara Ankara telah "ditewaskan," manakala lima orang terkorban dan 22 lagi cedera, Agensi Anadolu memetik kenyataan Menteri Dalam Negeri Ali Yerlikaya.

"Malangnya, kita kehilangan lima nyawa, jumlah keseluruhan mangsa yang cedera mencecah 22 orang," katanya kepada pemberita.

Presiden Turkiye, Recep Tayyip Erdogan mengecam serangan pengganas itu dengan berkata: "Saya mengutuk serangan keji ini ke atas kemudahan Turkish Aerospace Industries."

Naib Presiden Cevdet Yilmaz turut mengecam serangan itu, dengan menyatakan, "Tindakan keji ini menyasarkan kejayaan Turkiye dalam industri pertahanan."

Menteri Luar Hakan Fidan juga mengecam serangan tersebut, sambil menegaskan bahawa

Turkiye akan terus berjuang "terhadap semua elemen pengganas, di dalam dan di luar negara, serta kuasa yang menyokong mereka."

"Pada masa akan datang, kita akan terus mempertkuuhkan keupayaan pertahanan negara kita dan tidak akan sesekali membenarkan mereka menyasarkan Turkiye, bersama proksi mereka untuk mencapai matlamat ke atas negara kita," kata Fidan menerusi X.

Menteri Pertahanan Yasar Guler menyuarakan ketegasan Ankara dalam memerangi keganasan.

"Kami tidak akan berhenti sehingga pengganas terakhir ditewaskan, dan kami akan membala perbuatan ini dengan setimpal. Semua orang akan menyaksikan perkara ini," kata Guler kepada pemberita.

Yerlikaya menyeru orang ramai agar bergantung kepada kenyataan

daripada sumber rasmi untuk mendapatkan perkembangan terkin.

Menteri Kehakiman negara itu turut mengecam serangan terbabit, dengan menyatakan: "Siasatan dimulakan oleh Pejabat Ketua Pendakwa Raya Ankara mengenai serangan khianat ini, dengan seorang ketua pendakwa raya dan lapan pendakwa raya ditugaskan untuk kes ini."

Letupan dan bunyi tembakan kedengaran pada Rabu di kemudahan Turkish Aerospace Industries di daerah Kahramankazan, Ankara.

Menurut laporan, kakitangan syarikat pertahanan itu diarahkan untuk berlindung bagi tujuan keselamatan.

Pasukan keselamatan, jabatan bomba, serta Agensi Pengurusan Bencana dan Kecemasan (AFAD) turut dihantar ke lokasi kejadian. - ©BERNAMA

Populasi Ukraine dianggarkan menurun sebanyak 10 juta selepas 2014

GENEVA, 23 Okt. - Tabung Penduduk Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFPA) pada Selasa berkata populasi Ukraine telah menurun dianggarkan sebanyak 10 juta selepas 2014, dan keadaan semakin memburuk selepas serangan Rusia bermula, lapor Agensi Anadolu.

Florence Bauer, Pengarah Serantau UNFPA untuk Eropah Timur dan Asia Tengah berkata dalam satu taklimat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Geneva bahawa lapan juta daripada penurunan jumlah

populasi itu berlaku selepas konflik Moscow-Kyiv pada 2022.

"Ini juga mewakili kehilangan besar dalam modal insan – modal insan yang sangat diperlukan untuk pemuliharaan dan membina masa depan Ukraine," kata Bauer.

Beliau menegaskan bahawa sejak 2022, kadar kelahiran menurun kepada satu anak per wanita -- "kadar kesuburan terendah di Eropah dan satu daripada yang terendah di dunia". Sementara itu, berjuta-juta orang telah dipindahkan secara dalaman di dalam negara itu dan kira-kira 6.7 juta orang melarikan diri ke luar

negara sebagai pelarian, katanya.

Beberapa wilayah telah mengalami depopulasi apabila golongan muda meninggalkan kawasan berkenaan, tambahnya, dengan sejumlah besar penduduk terbunuh akibat kesan langsung daripada konflik.

"Bagi merancang dengan berkesan untuk pemuliharaan Ukraine, bancian populasi amat diperlukan, sebaik sahaja keadaan keselamatan mengizinkan," katanya, sambil menyatakan bahawa bancian terakhir dijalankan pada 2001, menjadikan data demografi yang dikemas kini 'sangat kritikal'. - ©BERNAMA

Protes baru meletus di Dhaka, lima cedera

MOSCOW, 23 Okt. - Demonstrasi baharu meletus di Dhaka, Bangladesh mengakibatkan sekurang-kurangnya lima orang cedera dalam pertempuran dengan polis tempatan, lapor Sputnik.

Penunjuk perasaan menuntut peletakan jawatan Presiden Bangladesh, Mohammad Shahabuddin susulan kenyataannya baru-baru ini mengenai peletakan jawatan bekas Perdana Menteri negara itu,

Sheikh Hasina.

Seramai lima orang termasuk dua wartawan cedera ringan apabila polis menggunakan stun grenade ketika penunjuk perasaan cuba menembusi penghadang di hadapan kediaman rasmi presiden, lapor portal berita The Daily Star pada Selasa.

Selain itu, polis turut menggunakan belantan dan gas pemedih mata bagi menyuraikan penunjuk perasaan.

Protes terhadap sistem kuota kerajaan Bangladesh dalam sektor awam tercetus pada Jun, sebelum memuncak pada Ogos.

Pertempuran antara pelajar, polis dan penyokong kerajaan menyebabkan lebih 500 orang terbunuh, lapor media Bangladesh.

Situasi berkenaan menyumbang kepada pengunduran bekas Perdana Menteri Sheikh Hasina. - ©BERNAMA

8 PASUKAN BERSAING DALAM BPFL 2024/25



SEKITAR Majlis Pelancaran Perasmian Kejohanan Division 2, BPFL 2024/25 (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 Oktober. – Brunei Premier Futsal League (BPFL) 2024/25 anjuran Yakin Football League (YFL) dengan sokongan daripada Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD), merupakan usaha berterusan untuk menaik taraf kualiti permainan pemain futsal kebangsaan.

Sehubungan itu, sebanyak lapan buah kelab futsal tempatan akan menyahut cabaran Division 2,

BPFL 2024/25 terdiri daripada FC Phosphor, Syahkampong, MS Pasukan Polis Diraja Brunei, PES, Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Brunei Darussalam (MS SSBD), Street United Futsal Club, HARs Elite dan Silveredz FC.

Pengurus Am YFL, Awang Jasiswandy Jasni, selaku Pengerusi Majlis Pelancaran Perasmian Kejohanan Division 2, BPFL 2024/25, menjelaskan bahawa kejohanan ini juga akan memberi peluang kepada semua

jurulatih pasukan untuk meningkatkan strategi permainan yang diharap dapat mencungkil bakat-bakat baru sehingga dapat diketengahkan ke peringkat yang lebih tinggi.

Beliau menambah, BPFL ini juga menjadi wadah bagi melahirkan pemain yang cergas, cekap, aktif, berdisiplin, dan berdaya maju dengan nilai-nilai murni, di samping mengeratkan silaturahim antara semua pemain dan kelab yang bertanding.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



Pelancaran Perasmian Kejohanan Division 2, BPFL telah dirasmikan oleh Pengurus Jawatankuasa Tetap Pertandingan Futsal FABD, Pengiran Haji Kamarunsalehin bin Pengiran Haji Kamis, yang juga menyaksikan penandatanganan Perjanjian Persefahaman (MoU) antara YFL dengan Seni Kreatif Production dan Shoot.By.Bling.

MoU tersebut ditandatangani oleh Ahli Lembaga Pengarah YFL, Md. Radzuan bin Haji Madali serta Pengurus Am YFL.

Sementara itu, Seni Kreatif Production diwakili oleh Haji Mohd. Yunos Haji Mohd. Salleh dan Shoot.By.Bling diwakili oleh Haji Muhammad Nurulazmi bin Haji Misli, masing-masing sebagai berperanan menjadi penyiar rasmi live stream melalui YouTube dan videografer rasmi sepanjang Kejohanan BPFL.

Majlis perasmian turut diserikan dengan tayangan video montaj yang memaparkan penyertaan pasukan-pasukan dalam BPFL 2024/25.

Peringkat akhir Kejohanan Futsal sempena HPA, 26 Oktober ini

Siaran Akhbar dan Foto : Jawatankuasa Kejohanan Futsal Antara Kementerian-Kementerian

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Oktober. – Kejohanan Futsal sempena Hari Perkhidmatan Awam (HPA) kini menuju kemuncak kejohanan apabila empat pasukan Kategori Terbuka dan Kategori Veteran mengesahkan tiket ke perlawanan separuh akhir sekali gus selangkah

lagi menuju ke peringkat akhir untuk menjulang Piala Juara Futsal HPA Edisi 2024 pada Sabtu, 26 Oktober 2024.

Di peringkat separuh akhir pertama bagi Kategori Terbuka akan menyaksikan pasukan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) akan berdepan

dengan pasukan Kementerian Hal Ehwal luar Negeri (MFA). Manakala, pasukan Jabatan Perdana Menteri (JPM) akan bertemu pasukan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Sementara, Kategori Veteran pula akan menyaksikan pasukan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan bersaing dengan pasukan KHEDN, manakala pasukan Kementerian Kesihatan (MOH) pula akan melayani juara bertahan musim lalu, Kementerian Pertahanan (MINDEF).

Perlawanan suku akhir semalam menyaksikan pertemuan yang cukup menarik dan mendebarkan dengan juara pertahanan Kategori Terbuka, Kementerian Pembangunan (MOD) yang dikejutkan oleh pasukan KHEU dengan jaringan 0-1. Bagaimanapun, juara pertahanan Kategori Veteran, MINDEF terselamat dan mara ke separuh akhir selepas diberi tentangan hebat oleh pasukan KHEU menerusi jaringan penalti.

Orang ramai adalah dialu-alukan hadir menyaksikan perlawanan separuh akhir dan peringkat akhir Kejohanan Futsal sempena HPA di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.



SUASANA sekitar Kejohanan Futsal sempena Hari Perkhidmatan Awam (HPA) yang berlangsung baru-baru ini (atas kanan, atas dan kanan).





ePaper Pelita Brunei



KUPU SB JULANG PIALA KEJOHANAN FUTSAL



Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Jaya
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

RIMBA, Jumaat, 25 Oktober. - Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) menganjurkan Kejohanan

Futsal yang menawarkan Piala Liga Futsal dan Piala FA sebagai rebutan bersempena memperingati Pelaksanaan

Pendidikan Ugama Formal Ke-68 Tahun.

Sebanyak 28 buah pasukan ikut bersaing dalam kejohanan berkenaan yang dibuka kepada semua pegawai, tenaga pengajar serta kakitangan JPI,

SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) semasa menyampaikan hadiah kepada para pemenang.

selain penyertaan oleh pasukan-pasukan jemputan dari Jabatan Mufti Kerajaan, Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan; dan jabatan-jabatan di bawah KHEU.

Acara penutup Kejohanan Futsal berkenaan berlangsung di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan, UBD yang menyaksikan perlawanan akhir Kejohanan Piala FA di antara pasukan Jabatan Hal Ehwal Syariah 'B' menentang pasukan KUPU SB, dengan

keputusan 0-2 yang dimenangi oleh KUPU SB.

Sementara itu, perlawanan terakhir bagi Kejohanan Piala Liga Futsal juga dimenangi oleh pasukan KUPU SB dengan jaringan 2-1 setelah menewaskan pasukan Guru-guru Sekolah Ugama Brunei IIA sekali gus menobatkan KUPU SB sebagai juara Kejohanan Futsal.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap, KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, yang juga turut menyampaikan hadiah kepada para pemenang.

Kejohanan berkenaan merupakan salah satu inisiatif dan galakan kepada warga JPI khususnya, dan para peserta pasukan jemputan secara amnya, untuk bergiat aktif dalam bidang sukan bagi memelihara kesihatan fizikal dan mental.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk mengukuhkan semangat kesukanan, silaturahim, setia kawan serta semangat ukhuwah dalam kalangan para peserta.

Kejohanan Tenpin Boling sempena Majlis Konvokesyen IBTE

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Ihsan Institut Pendidikan Teknikal Brunei

SERIA, Khamis, 24 Oktober. - Dalam memeriahkan, IBTE telah mengadakan Kejohanan Tenpin Boling dengan kemuncaknya berlangsung petang tadi di GoStrike Bowling Company, Seria.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyampaikan hadiah kepada para pemenang ialah Pengetua Kampus Satelit,

Dr. Suhaimi bin Haji Abdul Wahab.

Kejohanan tersebut dibagikan kepada tiga kategori, iaitu Kategori Pelajar Lelaki yang disertai oleh lima peserta, Kategori Pelajar Perempuan pula seramai enam peserta dan sebanyak 10 pasukan bertanding dalam Kategori Berpasukan Lelaki dan Perempuan Tenaga Pengajar /

Kakitangan.

Pasukan SBC Team 1 dari IBTE Kampus Sultan Bolkiah diumumkan sebagai juara bagi Kategori Berpasukan Lelaki dan Perempuan (Tenaga Pengajar / Kakitangan) dengan 1,167 jatuh pin.

Pelajar-pelajar dari IBTE Kampus Sultan Bolkiah, Santai Saja Geng (SSG) masing-masing mengungguli juara bagi Kategori Pelajar Lelaki dengan jumlah keseluruhan 1,375 jatuh pin dan Kategori Pelajar Perempuan dengan 875 jatuh pin.

Sementara itu, Pemain Terbaik bagi Kategori Berpasukan Lelaki dan Perempuan (Tenaga Pengajar / Kakitangan) dimenangi oleh Abdul Harib Aliakhbar bin Haji Sidik dari IBTE Kampus Agro-Teknologi

dengan jumlah 329 jatuh pin.

Manakala Pemain Terbaik Kategori Pelajar Lelaki dimenangi oleh Muhammad Danish Aiman bin Hanifah daripada IBTE Kampus Sultan Bolkiah dengan 416 jatuh pin dan Pemain Terbaik Kategori Pelajar Perempuan disandang oleh Nursyafiqah Syahirah binti Abdullah dari IBTE Kampus Jefri Bolkiah dengan 264 jatuh pin.

Penyertaan telah dibuka kepada pelajar, pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di IBTE sahaja.

Kejohanan antara lain bertujuan untuk menggalakkan warga IBTE untuk bergiat aktif dan berdaya saing dalam sukan, di samping itu ia diharap akan dapat memupuk semangat harmoni dan silaturahim dalam kalangan warga IBTE.

Tahukah Awda

INSTITUSI Penjara Jerudong telah mula beroperasi sejak mulanya penubuhan Jabatan Penjara iaitu pada 1 Mac 1954. Bangunan penjara (lama) berkenaan hanya mampu menempatkan 28 orang banduan. Setelah bangunan baharu Penjara Jerudong siap dibina ianya telah mula digunakan pada 1 Februari 1980 yang mana bangunan baharu berkenaan boleh menempatkan sejumlah 130 orang banduan lelaki dan 16 orang banduan wanita.

SUMBER : www.prisons.gov.bn



Kejohanan Tenpin Boling bersempena Majlis Konvokesyen Institut Pendidikan Teknikal Brunei Ke-32 yang berlangsung di GoStrike Bowling Company.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

RIYAK PEMUSNAH SEGALA AMALAN TANPA DISEDARI